
Dr. S. Husin Ali

KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH DI KELANTAN



OL
M
PM
,5
U



untuk

sabariah

muhammad ali

nur alia

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOLEKSI
ARKIB
PTR/P

DR. S. HUSIN ALI

KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH DI KELANTAN

Acess. No: 979 12/80
Class. No: 362.5 Sti kol. pm

Class No: 378.2
Access No:

DR. S. HUSIN ALI

KEMISKINAN DAN KELAPARAN TANAH DI KELANTAN

(Satu Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan)

KARANGKRAF SDN. BERHAD
78-B, JALAN SS 2/60, PETALING JAYA, SELANGOR, MALAYSIA.
کارڠکرف سنديريين برهد

KARANGKRAF SDN. BERHAD
78-B, JALAN SS 2/60,
PETALING JAYA, SELANGOR.

© **Hak Pengarang Terpelihara,**
Cetakan Pertama, Jun, 1978

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbit

rekabentuk kulit:
ESA ABDULLAH
Dip. Graphic Design, ITM.

DICETAK OLEH PERCETAKAN ABADI (LIFE PRINTERS) SDN. BHD., PETALING JAYA.

KANDUNGAN

Bab	I:	Kemiskinan: Memahaminya Secara Umum	hal. 1
Bab	II:	Ekonomi Kelantan Dalam Konteks Semenanjung	hal. 20
Bab	III:	Pemilikan Tanah Di Kelantan	hal. 37
Bab	IV:	Implikasi-Implikasi Sosial	hal. '57
Bab	V:	Usaha-Usaha Untuk Pembangunan	hal. 75
Bab	VI:	Penutup	hal. 90

PENGANTAR

Buku kecil ini merupakan sebagian dari 'Rancangan Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan' yang telah dimulakan sejak 1973. Rancangan ini ialah suatu usaha bersama oleh lima orang pensyarah di Universiti Malaya, iaitu, Rokiah Talib, Fauzi Yaacob, Rashid Ahmad, Professor Taib Osman, dan saya sendiri, juga sebagai penyelaras. Masing-masing mengkaji satu aspek yang tertentu dari masyarakat Kelantan, untuk menyiapkan tisis ataupun buku.

Pokok perbincangan dalam buku ini menyentuh satu perkara yang amat penting, iaitu, kemunduran negeri dan kemiskinan rakyat. Penumpuan perhatian ialah kepada pemilikan tanah serta struktur sosio-ekonomi, dan kaitan kedua-duanya dengan masalah kemiskinan dan kemunduran, khususnya di negeri Kelantan. Mungkin ada beberapa keterangan dan analisa yang akan kurang menyenangkan setengah-tengah pihak, akan tetapi perlu difahami bahawa semuanya adalah dikemukakan atas dasar keilmuan dan dengan tujuan yang ikhlas. Memang kebenaran kadangkala amat pahit, tetapi ada juga yang pahit itu boleh dijadikan ubat mujarab.

Saya menganggap bahawa kedudukan negara dalam dunia dan keadaan manusia dalam masyarakat bukan ditentukan oleh nasib dan rezeki. Falsafah Islam sebagaimana yang saya fahami, dan pengetahuan serta kesedaran saya telah menimbulkan pandangan bahawa Tuhan tidak boleh disalahkan kerana kemunduran sesebuah negara atau kemiskinan segolongan rakyat. Semakin dihalusi semakin nyata bahawa peraturan-peraturan, undang-undang dan susunan-susunan yang dibuat oleh manusia sendirilah yang telah menimbulkan kemunduran serta kemiskinan itu; bahkan juga yang mengakibatkan segala macam kezaliman, penindasan dan kecurangan. Manusialah punca semua ini, dan manusia juga yang boleh dan mesti mengubahnya. Barangkali dalam hubungan inilah akan dapat difahami betapa tepatnya firman yang bermaksud bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, melainkan kaum itu mengubahnya sendiri.

Di dalam buku ini saya cuba memadukan beberapa bahan rasmi dari penerbitan-penerbitan Kerajaan dengan hasil daripada penyelidikan sendiri. Sebenarnya ada lagi penyelidikan yang belum selesai, akan tetapi oleh sebab penahanan saya di bawah Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri sejak 7 Disember 1974, difikirkan lebih baiklah untuk menulis dan menerbitkan apa yang ada dahulu.

Tidak semua data dan keterangan telah saya kumpulkan sendiri, bahkan beberapa orang mahasiswa telah membantu dalam penyelidikan. Kebanyakan mereka di bawah pengawasan saya untuk menyiapkan latihan ilmiah bagi memenuhi keperluan ijazah B.A. mereka dari Universiti Malaya. Mereka ialah Asiah, Bakar Musa, Ibrahim, Jamalia, Kamaruddin, Mahzum, Mohd. Azmi, Nik Din, Rahimah, Roszehan, Hj. Saldi, Wan Kadir, Wan Rohani dan Wan Yahya. Kepada mereka saya ucapkan terima kasih.

Saya terhutang budi juga kepada Setiausaha Kerajaan, Pesuruhjaya Tanah dan Galian serta Timbalannya, Pegawai Perancang PKINK, Pegawai-pegawai Jajahan Ulu Kelantan, Macang dan Tanah Merah, dan ramai lagi pegawai-pegawai di bawah mereka ini yang telah memberikan bantuan dan tunjuk ajar semasa saya menjalankan penyelidikan.

Akhir sekali saya merakamkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya kerana telah memberikan peruntukan wang yang cukup untuk menjayakan kajian saya dengan begitu ramai pembantu.

Tempat Tahanan Taiping
Kamunting, Perak.
6hb Disember, 1975.

Dr. S. Husin Ali

Bab I

KEMISKINAN: MEMAHAMINYA SECARA UMUM

Soal kemiskinan memang sudah lama dan banyak diperkatakan orang. Sesuai dengan pengisytiharan tahun-tahun 1970-an sebagai Dekad Pembangunan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, maka lebih pesat lagilah badan-badan antara-bangsa seperti FAO, UNESCO, ESCAP dan lain-lain menjalankan penyelidikan dan menyediakan laporan-laporan tentang perkara ini. Di negeri ini pula, pada satu ketika dahulu orang tidak begitu bersedia memperkatakannya secara terus terang, bahkan ada pula pihak-pihak yang cuba menafikan kewujudannya. Akan tetapi sekarang ini dengan lantang dan terbuka diakui bahawa kemiskinan adalah meluas di kalangan rakyat; bahkan dianggap sebagai suatu penyakit yang mengancam hidup masyarakat seluruhnya. Maka itulah diadakan rancangan-rancangan untuk memeranginya. .Betapa besarnya masaalah ini dapat difahami dari hakikat bahawa Rancangan Malaysia Kedua (RMK) meletakkannya sebagai salah satu masaalah ter-besar yang perlu diatasi demi mempertahankan keutuhan dan perpaduan Negara.

Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan kemiskinan itu? Bagaimana hendak mengukurnya? Apa pula punca atau punca-puncanya yang asas? Ketiga-tiga soalan ini sekurang-kurangnya harus diketahui dengan jelas sebelum kita boleh berharap hendak mengatasi masaalah yang serius ini. Biasanya ubat yang sesuai lagi mujarab hanya dapat diberikan manakala sesuatu penyakit itu diketahui jenisnya, peringkat ketenatannya, dan apa yang menyebabkannya.

A: Erti Kemiskinan

Secara paling umum kemiskinan boleh difahamkan sebagai suatu keadaan kekurangan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi. Selalu disebut bahawa keperluan-keperluan asasi untuk hidup ialah makanan, perlindungan dan pakaian. Tetapi adakah ini sahaja? Dapatkah dikatakan bahawa seseorang itu tidak miskin manakala ada nasi-lauk untuk mengisi perut yang keroncong setiap masa yang perlu; ada rumah tempat perlindungan diri serta anak-isteri dari hujan dan panas; dan ada kain-baju untuk menutup aurat dan menahan diri dari kesejukan? Dua perkara timbul dari sini. Pertama, bagaimana dengan ada atau tidak adanya kemudahan-kemudahan lain, seperti mendapatkan bekalan letrik serta air, mempunyai peluang rawatan doktor atau masuk ke hospital, dan meneruskan pelajaran ke tingkat setinggi-tingginya? Dalam masyarakat-masyarakat yang mengenal kemajuan, kemudahan-kemudahan ini semuanya boleh merupakan sebahagian daripada ke-perluan asasi juga. Keduanya, kalaupunlah cuma nasi-lauk, rumah dan kain-baju itu

sahaja yang dianggap sebagai keperluan asasi, keadaan macamanakah yang akan dianggap sebagai kekurangan? Jadi, dengan mentafsirkan kemiskinan sebagai 'kekurangan keperluan asasi', kita masih cuma mendapat gambaran yang samar-samar sahaja. Yang dikatakan 'keperluan asasi' atau 'kekurangan' itu mungkin berbeza mengikut taraf kemajuan yang dicapai oleh sesuatu masyarakat ataupun ukuran yang digunakan oleh pihak yang mentafsirkan konsep-konsep tersebut.

. Sebenarnya, kesamaran ini boleh dijelaskan lagi. Jika kita mengambil masyarakat negeri ini sendiri sebagai titik bertolak, maka tentulah dapat kita bayangkan apa-apa dia keperluan dan setakat mana ia dapat dikatakan mencukupi (ertinya tidak kekurangan) bagi seseorang atau sekeluarga. Masyarakat kita bukan lagi pada peringkat simpel serta primitif, di mana tidak wujud kemudahan-kemudahan api-air, hospital dan sekolah, dan cuma makan, rumah dan pakaian sahaja yang diperlukan. Dengan demikian keadaan kemiskinan boleh dianggap sebagai wujud manakala seseorang, sekeluarga atau segolongan manusia tidak mempunyai kemampuan untuk memasukkan air-api di rumahnya, menghantar anggota-anggota keluarga ke hospital apabila memerlukan rawatan, atau menanggung anak-anak meneruskan pelajaran, sungguhpun segala kemudahan ini wujud dalam masyarakat. Ertinya, dalam keadaan di mana walaupun ada makanan, rumah dan pakaian yang diperlukan, akan tetapi oleh kerana tidak ada kemampunan untuk mendapatkan air, letrik, rawatan hospital dan persekolahan itu maka tetap dikatakan bahawa keadaan kemiskinan wujud jua. Cuma peringkat kemiskinannya tidaklah seburuk keadaan di mana bukan sahaja kemampuan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan itu tiada, bahkan keperluan-keperluan asasi yang utama tidak mencukupi pula.

Jadi sekarang perlu dijawab soalan ini: bilakah dapat dikatakan wujud keadaan kekurangan atau ketidakcukupan dari segi tiga keperluan asasi tadi? Cuba ambil makanan dahulu. Dalam masyarakat kita makanan yang utama ialah nasi. Sekiranya seorang itu tidak mampu mendapatkan nasi yang cukup untuk dirinya sekeluarga dan terpaksa menambahnya dengan ubi kayu atau ubi gadung, maka tentulah boleh dikatakan bahawa keadaan kekurangan wujud. Seterusnya, kebiasaan kita bukan memakan nasi begitu sahaja, bahkan melawankannya dengan gulai yang seringkali dibuat dari sayur, ikan atau kadang-kadang daging. Gulai tersebut tidak sahaja untuk menolong melalukan makan, tetapi lebih penting ialah untuk mendapatkan makanan seimbang yang boleh memberikan zat serta kalori yang cukup bagi keperluan badan. Di negeri ini biasanya dikatakan bahawa seseorang itu memerlukan kira-kira 2500 kalori setiap hari. Makanan yang tidak seimbang, yang tidak mencukupi zat serta kalori mengakibatkan kekurangan tenaga untuk bekerja, kekurangan kesihatan untuk melawan penyakit-penyakit yang sering menyerang, bahkan boleh juga mengurangkan kadar hayat. Nyatalah bahawa keadaan kekurangan wujud manakala seseorang itu tidak mampu mendapatkan makanan yang sempurna bagi mendatangkan jumlah kalori yang diperluinya.

Berpaling kepada rumah pula, ia boleh disewa atau dimiliki sendiri. Tetapi kemampuan untuk membuat atau menyewa rumah yang sesuai dengan keperluan adalah berbeza. Di kampung begitu banyak keluarga yang tinggal dalam rumah-rumah buruk yang mudah tersungkur ke bumi bila ribut, atau hanyut ke sungai waktu banjir. Rumahnya sempit, tidak berbilik, dan kadang-kadang di waktu tidur ibu bapa dan anak-anak dipisahkan hanya dengan tabir buruk sahaja. Di bandar begitu banyak pula bilik-bilik atau flat-flat kecil yang diisi padat dengan keluarga besar. Sebab tidak mempunyai tapak tanah dan tidak mampu membuat atau menyewa tempat kediaman sederhana tetapi sempurna dengan bilik tidur berasingan, bilik mandi dan dapur, maka terpaksalah mereka berasak-asak di kawasan-kawasan setinggan. Sudah tentulah ketidak-mampuan mendapatkan tempat tinggal yang sesuai ini menunjukkan keadaan kekurangan yang berhubung dengan kemiskinan.

Begitulah seterusnya dengan pakaian. Anak-anak memerlukan pakaian untuk bersekolah dan bermain, ibu bapa untuk basahan dan bekerja. Selain dari itu pula perlu juga pakaian yang istimewa sedikit untuk majlis kenduri-kendara atau hari kebesaran. Memang susah hendak mengatakan berapa pasangkah pakaian yang mencukupi untuk tiap-tiap seorang. Tetapi apabila dua tiga pasang yang sama itu sahaja boleh digunakan untuk semua ketika: untuk sekolah, main, basahan dan perayaan, maka tentulah dapat dikatakan bahawa keadaan kekurangan wujud. Di mana kekurangan pakaian ini timbul oleh kerana tiada kemampuan untuk mengganti yang sudah buruk, apatah lagi untuk menambah yang sudah ada, maka nyatalah kemiskinan wujud.

Kekurangan keperluan asasi seperti makanan, perumahan serta pakaian, dan kemudahan-kemudahan sosial seperti air-api, doktor-hospital dan sekolah itu, pada pokoknya adalah disebabkan oleh ketidak-mampuan. Mampu atau tidak seseorang itu untuk mendapatkan keperluan asasi dan kemudahan sosial yang mencukupi bagi dirinya sekeluarga adalah bergantung kepada pendapatan. Jadi pada keadaan yang konkrit dan hitungan yang mudah sekali, nyatalah bahawa kemiskinan berhubung dengan jumlah pendapatan. Di dalam keadaan di mana seseorang itu kekurangan pendapatan sehingga tidak mampu ia memenuhi keperluan-keperluan asasi dan mendapatkan kemudahan-kemudahan sosial tadi, setidak-tidaknya pada kadar yang minima, maka bolehlah dikatakan bahawa ia mengalami kemiskinan.

Pendapatan ada kaitannya dengan dua perkara yang penting, iaitu pemilikan dan pekerjaan. Pemilikan yang dimaksudkan di sini ialah harta atau modal yang boleh mendatangkan hasil, seperti tanah, rumah sewa, kilang, saham dan perniagaan. Dalam masyarakat seperti di negeri ini terdapat perbezaan pemilikan yang besar. Misalnya, dalam bidang pertanian ramai orang yang tidak memiliki tanah sama sekali, atau kalau memilik pun sedikit sahaja – cukup untuk dikerjakan sendiri; sebaliknya ada pula sebilangan kecil yang memiliki tanah luas, bahkan ladang-ladang. Perbezaan milik tanah ini menimbulkan perbezaan pendapatan serta juga

perbezaan pekerjaan hasil dari corak hubungan yang berbeza dengan tanah serta proses mengeluarkan hasil darinya. Begitulah seterusnya dalam bidang-bidang lain seperti perkilangan, perniagaan dan sebagainya.

Mengenai pekerjaan pula, seperti yang disebut tadi, ia boleh ditentukan oleh corak perhubungan yang bermacam jenis dengan harta dan modal itu. Dalam bidang pertanian perhubungan itu menimbulkan golongan-golongan yang mempunyai pekerjaan sebagai buruh, penyewa atau tuan tanah; dalam bidang pemasaran, timbul golongan-golongan seperti peraih, pembantu kedai, peruncit, pemborong dan seterusnya. Tetapi dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat, maka pekerjaan yang khusus tidak semestinya berhubung dengan pemilikan atau pengerjaan modal serta harta tadi. Umpamanya, perkembangan-perkembangan pentadbiran dan pelajaran menimbulkan berbagai jenis dan peringkat pegawai dan guru yang semakin khusus pekerjaannya. Begitu juga perkembangan seperti perubatan dan undang-undang menimbulkan para profesional seperti doktor, peguam, hakim dan sebagainya. Jadi semakin maju dan kompleks masyarakat, maka semakin meluas pengkhususan dan bertambah jenis-jenis pekerjaan. Pendapatan dari pekerjaan-pekerjaan ini berbeza-beza pula.

Pendapatan, pemilikan dan pekerjaan adalah saling berhubung-kait. Ketiga-tiga faktor ini adalah faktor ekonomi. Oleh sebab adanya perbezaan pendapatan, pemilikan dan pekerjaan, yang mengakibatkan secara objektif pemeringkatan tinggi-rendah dari segi sosio-ekonomi, dan secara subjektif pula penilaian serta pengakuan oleh anggota-anggota masyarakat tentang kedudukan tinggi-rendah di kalangan mereka sendiri, maka wujudlah apa yang sering disebut sebagai sistem susunlapis masyarakat; iaitu susunan masyarakat berlapis-lapis yang membezakan kedudukan satu lapisan dengan lapisan yang lain. Secara kasar dapat dikatakan wujud sekurang-kurangnya tiga lapisan, yang sering dikenal sebagai atasan, pertengahan dan bawahan. Lapisan atasan mengandungi mereka yang berpendapatan tinggi, mempunyai harta banyak dan pekerjaan yang mendatangkan taraf kehormatan dan pendapatan lumayan; mereka merupakan golongan kaya. Sebaliknya lapisan bawahan umumnya terdiri dari mereka yang berpendapatan rendah, tidak mempunyai harta atau modal dan menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang banyak menggunakan tenaga empat kerat; mereka merupakan golongan miskin. Mengikut takrif Kerajaan sendiri golongan miskin ini mengandungi "... yang menganggur, yang tidak berperkerjaan penuh, yang berpendapatan rendah dalam pertanian, perusahaan dan perkhidmatan" (MTR, ms 5). Takrif ini menyebut tentang pendapatan dan pekerjaan, tetapi tidak menyentuh tentang pemilikan; tetapi ketiadaan atau kekurangan milik di kalangan mereka yang disebut ini bolehlah difahamkan walaupun tidak ditegaskan.

Daripada perbincangan-perbincangan setakat ini dapat agaknya dirumuskan bahawa kemiskinan itu merupakan keadaan di mana:

i. wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi, iaitu, makanan, perumahan serta pakaian, dan kemudahan-kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah;
ii. dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah;
iii. dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam sistem susunlapis masyarakat.

B: Ukuran-ukuran Kemiskinan

Kemiskinan boleh diukur dengan dua cara, iaitu: cara mutlak dan cara perbandingan. Yang dilakukan mengikut cara mutlak ialah untuk menentukan apa yang selalu digelar sebagai 'garis kemiskinan'. Garis ini memisahkan di antara golongan miskin dengan yang bukan-miskin (sebilangannya kaya); maksudnya, orang-orang yang terletak di bawah garis itu digolongkan sebagai miskin. Selalunya ukuran mutlak yang diambil untuk menentukan garis ini ialah pendapatan. Oleh itu ditentukan satu peringkat pendapatan sebagai garis pemisah, dan semua yang mempunyai pendapatan lebih rendah dianggap sebagai miskin. Umpamanya, di Amerika ada pihak yang mengemukakan pendapatan sekeluarga sebanyak U.S. $3,000 (kira-kira $7,200 wang Malaysia) dalam setahun. Ertinya, di sana keluarga yang berpendapatan kurang dari $600 sebulan adalah dianggap sebagai miskin mengikut ukuran mutlak ini.

Pendapatan yang ditentukan sebagai garis kemiskinan itu berasaskan kepada pendapatan yang dikata sebagai kira-kira cukup untuk keperluan hidup sekeluarga. Tetapi cara penentuannya tidak begitu memuaskan. Biasanya tidak dijelaskan apakah perkara-perkara yang termasuk ke dalam istilah 'keperluan hidup' yang digunakan sebagai asas untuk menetapkan pendapatan tersebut. Seterusnya, dalam keadaan di mana ekonomi secukup hidup masih lagi diamalkan dalam satu-satu masyarakat, maka sulit sekali hendak menentukan apakah peringkat pendapatan yang patut ditetapkan bagi mereka yang menggunakan sebahagian dari hasil pengeluaran sendiri, tidak mempunyai pendapatan tetap, dan tidak diketahui pendapatan bulanan atau tahunan mereka, berbeza dengan mereka yang mempunyai gaji tetap dari pekerjaan-pekerjaan tertentu. Memandang kepada perkara-perkara ini terkadang didapati bahawa pendapatan yang diambil sebagai garis kemiskinan itu ditetapkan dengan cara sewenang-wenang sahaja. Apabila ini berlaku, apa sahaja garis kemiskinan boleh ditetapkan, bergantung kepada banyak mana jumlah kemiskinan yang hendak ditunjukkan. Sesebuah negeri yang hendak menunjukkan bahawa jumlah orang miskinnya adalah kecil, dengan mudah boleh menentukan peringkat pendapatan yang rendah sebagai garis kemiskinannya. Ini ialah oleh sebab semakin tinggi pendapatan yang ditetapkan, maka semakin ramailah orang yang tergolong di bawahnya, yang akan dikira sebagai miskin.

Bagi negeri kita tentulah garis kemiskinan untuk Amerika itu terlalu tinggi. Sekiranya keluarga di negeri ini berpendapatan kira-kira $600 sebulan maka sudah pasti ia tidak akan dikatakan miskin, kerana pendapatan ini lebih tinggi dari pendapatan purata keluarga semenanjung yang berjumlah sebanyak $275 sebulan bagi tahun 1970 (ERT, ms. 84), dan kira-kira lima kali ganda lebih besar daripada pendapatan lazim bagi petani dan buruh. Oleh itu, manakala perbandingan dibuat antara negara, maka pendapatan yang digunakan sebagai garis kemiskinan terpaksalah disesuaikan dengan taraf hidup dalam negara-negara yang berkenaan. Itulah sebabnya tidak ada ukuran mutlak yang boleh digunakan untuk semua negara; dan maka itu jugalah didapati bahawa satu keluarga yang dianggap miskin dalam satu negeri mungkin dipandang kaya mengikut ukuran yang digunakan dalam negeri yang lain pula.

Dalam konteks sesebuah negeri pula, terlepas dari perbandingan antara negara, perbezaan wujud di antara lapisan-lapisan yang berlainan, dan ini timbul daripada ketidaksamaan ekonomi. Faktor-faktor pendapatan, pemilikan dan pekerjaan boleh menentukan perbezaan atau ketidaksamaan ini. Seperti yang telah diterangkan di atas keadaan ini dapat dilihat dalam konteks sistem susunlapis masyarakat. Dalam sistem ini, sama ada dari segi ekonomi ataupun sosial, wujud asas-asas perbandingan antara lapisan kaya atasan dengan lapisan miskin bawahan. Lapisan atasan ini kecil bilangannya, tetapi menguasai sebagian besar dari punca kekayaan negera, dan memonopoli semua pendapatan dan pekerjaan yang tinggi-tinggi; dan sebaliknya lapisan bawahan itu pula besar jumlahnya, menguasai sebahagian kecil sahaja dari punca kekayaan serta tertumpu kepada peringkat pendapatan dan jenis-jenis pekerjaan yang rendah-rendah. Oleh sebab itulah, secara perbandingan, ukuran kemiskinan dalam satu-satu masyarakat biasanya dihubungkan dengan struktur susunlapis masyarakat dan perbezaan atau ketidaksamaan ekonomi yang dijelmakannya.

Berdasarkan perbandingan ini, bolehlah dikatakan bahawa dalam sesuatu negeri orang-orang miskin itu adalah terdiri dari sebagian besar mereka yang rendah sekali kedudukannya dalam sistem susunlapis masyarakat. Antara satu negeri dengan negeri yang lain jumlah mereka mungkin berbeza antara 30 hingga 60 persen, oleh kerana, walaupun jumlah lapisan atasan di kebanyakan masyarakat hampir sama, iaitu dalam lingkungan 10%, akan tetapi ada masyarakat yang kecil sahaja lapisan pertengahannya dan ada pula yang telah mengembangkan bilangan yang lebih besar. Masaalah yang timbul daripada ukuran ini ialah, ianya dapat digunakan secara tepat dan berkesan hanya jika ada data yang lengkap tentang taraf hidup serta pola ketidaksamaan ekonomi yang wujud di dalam masyarakat, dan terdapat gambaran yang agak terang mengenai sistem susunlapis masyarakat tersebut. Jikalau tidak, penentuan lapisan yang dianggap sebagai bawahan serta miskin itu akan ditetapkan secara sewenang-wenang juga.

Perlu ditegaskan bahawa kedua-dua ukuran mutlak dan perbandingan ini tidak semestinya digunakan secara berasingan; maksudnya, tidak bererti bahawa apabila satu ukuran telah dipilih maka tidak bolehlah digunakan ukuran yang satu lagi. Bahkan tendensinya sekarang ialah untuk menggunakan kedua-dua ukuran tersebut sekaligus, supaya dengan cara begitu kekurangan yang mungkin timbul dari ukuran mutlak dapat diatasi dengan kelebihan dari ukuran perbandingan, dan sebaliknya. Baru-baru ini terdapat satu percubaan untuk menentukan jumlah golongan miskin di negeri ini, dengan menggunakan kedua-dua ukuran tadi.

Seperti yang telah disebut terlebih awal, dalam buku Ulangkaji RMK, golongan yang dikatakan miskin itu ditakrifkan sebagai mereka yang menganggur, yang tidak mempunyai pekerjaan cukup, dan yang berpendapatan rendah dalam usaha-usaha pertanian, perindustrian dan perkhidmatan. Seterusnya dijelaskan lagi bahawa pekerja-pekerja tani miskin, yang kebanyakannya Melayu, adalah terdiri terutama sekali dari pekebun-pekebun kecil kelapa dan getah, petani-petani padi semusim, penyewa dan pemawah padi dan getah, dan nelayan-nelayan tepi pantai. Takrifan ini secara kasar memberikan gambaran tentang golongan orang macamanakah yang dikatakan miskin itu; dan didapati bahawa semua mereka ini adalah dari lapisan bawahan dalam sistem susunlapis masyarakat. Seterusnya dalam Laporan Ekonomi 1974-75 keluaran Perbandaharaan (ERT), ada percubaan pula untuk menetapkan pendapatan yang boleh dianggap sebagai garis kemiskinan. Laporan ini mengemukakan kemungkinan menganggap sebagai miskin 40% daripada penduduk negeri ini yang dalam tingkatan pendapatan per kapita keluarga paling rendah sekali. Apa yang menarik perhatian ialah bahawa apabila diambil pendapatan $25 per kapita dalam satu-satu keluarga (ertinya jikalau hitung panjang setiap keluarga mengandungi 6 orang maka pendapatan bagi keluarga itu ialah $150) untuk satu bulan, maka didapati bahawa bilangan orang yang berpendapatan kurang dari itu ialah 40.2% dari seluruh jumlah penduduk, atau jika mengikut keluarga pula, 37.2% dari seluruh bilangan keluarga dalam negeri ini. Mereka inilah yang dikatakan sebagai miskin. Pukul rata golongan miskin ini kira-kira 40%, dan mempunyai pendapatan per kapita $16 sebulan (atau $96 bagi satu keluarga 6 orang), berbanding dengan pendapatan per kapita $73 sebulan (atau $438 bagi satu keluarga 6 orang) bagi 59.8% dari jumlah penduduk yang tidak termasuk dalam golongan miskin tadi (ERT, ms. 85).

Sebagai permulaan dapatlah digunakan pendapat-pendapat dari kajian Kerajaan ini sendiri untuk menyatakan bahawa:

i. kemiskinan memang meluas di negeri ini;
ii. 40% daripada jumlah penduduk yang kebanyakannya dari lapisan bawahan dan mempunyai pendapatan serta pekerjaan rendah adalah miskin; dan
iii. pendapatan yang boleh diambil sebagai garis pemisah antara yang miskin dengan yang kaya ialah pendapatan per kapita $25 sebulan, atau $150 untuk: sekeluarga 6 orang.

Di kalangan mereka yang digolongkan sebagai miskin itu memang terdapat perbezaan pendapatan, dan taburan bagi jumlah yang miskin adalah berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Tetapi yang jelas ialah rata-rata, jika ditinjau dengan mata kasar, golongan miskin itu, dengan pendapatan sebegitu rendah, tidak akan mempunyai kemampuan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi serta kemudahan-kemudahan hidup dengan secukup-cukupnya.

C: Punca-punca Kemiskinan

Di negeri ini apabila diperkatakan tentang kemiskinan, yang selalu dimaksudkan ialah kemiskinan luar bandar. Sebenarnya kemiskinan bukannya wujud cuma di kampung-kampung sahaja, bahkan terdapat juga di bandar-bandar. Bahkan di peringkat antarabangsa ada negara-negara yang dianggap sebagai miskin, dan ada pula yang dianggap sebagai kaya. Sebagaimana meluasnya kemiskinan dalam dunia ini, begitu banyak pula usaha-usaha untuk memahami sebab-sebab atau pun punca-punca yang menyebabkan kemiskinan itu. Bermacam saranan dan teori telah dikemukakan. Akan tetapi di sini akan dibincangkan empat jenis teori, masing-masing menekankan salah satu daripada yang berikut:

i. Ciri-ciri personaliti dan kebudayaan;
ii. Penambahan bilangan penduduk;
iii. Kekurangan teknologi dan modal; dan
iv. Struktur ketidaksamaan ekonomi dan sosial.

Sebenarnya setiap teori ini tidak wujud secara berasingan, bahkan kebanyakan ahli sains masyarakat dan juga negara-negara tertentu cuba mentafsirkan punca kemiskinan dengan mengemukakan kombinasi dari beberapa teori tersebut di atas. Akan tetapi lazimnya ada salah satu dari teori itu yang dianggap sebagai penting sekali, dan oleh itu rancangan mereka untuk mengatasi kemiskinan adalah berpandu kepada teori yang dipentingkan.

i. Ciri-ciri Personaliti dan Kebudayaan: Teori ini mengemukakan bahawa kemiskinan sebenarnya berpunca dari beberapa sifat atau ciri-ciri yang terdapat di kalangan orang-orang perseorangan dan kebudayaan mereka; sifat-sifat dan ciri-ciri ini dianggap sebagai bercorak negatif dan menyekat usaha-usaha untuk mendapatkan kekayaan serta kemajuan. Misalnya, sering dikatakan bahawa sesuatu golongan orang, termasuk orang-orang Melayu, mempunyai sifat malas, pemboros, percaya kepada nasib dan rezeki, tidak mempunyai dorongan yang tinggi dan sebagainya. Sifat-sifat ini dianggap sebagai wujud di dalam pemikiran anggota-anggota masyarakat, dan merupakan lanjutan daripada pengaruh kebudayaan lama dan usang. Oleh sebab itu disarankan betapa perlunya diubah cara pemikiran itu supaya menjadi 'moden' dan lebih sesuai untuk mencapai kekayaan dan kemajuan ekonomi.

Tuduhan malas dan boros ke atas orang Melayu, misalnya, memang sudah lama dibuat oleh pihak penjajah dahulu, dan nampaknya masih dilanjutkan oleh setengah pihak yang cuba mempersalahkan orang-orang miskin itu sendiri kerana kemiskinannya. Tetapi adakah tuduhan ini berasas? Di antara golongan orang Melayu yang paling miskin sekali ialah nelayan, petani padi dan penoreh getah. Bukankah nelayan terpaksa berhari-hari dilambung ombak, petani padi, musim demi musim terpaksa berendam dalam sawah di bawah panas terik, dan penoreh getah terpaksa bangun subuh-subuh lagi dan dalam kedinginan terpaksa berkejar dari pokok ke pokok? Sekiranya hasil yang mereka perolehi sedikit dan tidak mencapai harga yang mahal untuk mendatangkan pendapatan yang lumayan, mereka tidak boleh dipersalahkan. Ada pula hujah yang kadang-kadang dikemukakan bahawa mereka ini tidak rajin membuat kerja-kerja lain yang boleh memberi hasil semasa musim atau hari mereka tidak bekerja. Soalnya banyak. Apakah kerja-kerja yang boleh diusahakan? Kalau ada kerjanya, bagaimana pula dengan saluran pemasaran untuk keluarannya? Jika pasaran ada, adakah pendapatan yang diperolehi itu berbaloi, ertinya berpadanan dengan tenaga yang telah dikeluarkan? Sebaliknya dari segi masa yang ditumpukan dan tenaga yang ditumpahkan, adakah pegawai-pegawai tinggi atau pemodal-pemodal besar yang kaya raya itu dapat dianggap lebih rajin dari nelayan, petani dan penoreh yang disebutkan tadi? Ada orang yang mengatakan bahawa mereka yang berjaya atau kaya itu ialah kerana usaha dan rajin mereka, tetapi malangnya nelayan dan petani yang hidup bertungkus lumus sentiasa dan memerah tenaga berterusan itu berlanjutan juga hidup dalam kemiskinan, dan tertindas pula selalunya.

Tentang boros pula, ini dimaksudkan sebagai perbelanjaan yang berlebihan timbul dari ketiadaan sikap ekonomi yang rasional, iaitu, tidak mempunyai pandangan jauh, suka menggunakan pendapatan atau harta bukan untuk keuntungan masa depan, akan tetapi semata-mata untuk keseronokan masa kini. Pemborosan orang Melayu, misalnya, dikaitkan dengan kesukaan (atau lebih tepat kebiasaan) mereka mengadakan kenduri-kendara. Dipandang dari kacamata sosial, kenduri itu mempunyai peranan yang penting untuk memperkokohkan perhubungan antara anggota-anggota masyarakat. Dalam kenduri kawin yang tradisional, hadiah dan pemberian yang dibawa oleh para jemputan kadang-kadang boleh menutup sebagian dari perbelanjaan. Lagi pula yang biasanya berkenduri besar ialah mereka yang mampu dan mempunyai kedudukan sosial yang tinggi, dan oleh sebab kedudukan sosial ini lebih banyaklah hadiah yang diterima. Jikalau disangkakan bahawa orang-orang miskin, atau mereka dari golongan Melayu sahaja, yang sering mengeluarkan belanja besar untuk kenduri kendara, sangkaan ini tidak begitu tepat. Lihat sahaja betapa besarnya kenduri kawin orang-orang Cina, misalnya, atau jamuan-jamuan yang diadakan oleh orang-orang kaya dari lapisan atasan di bandar-bandar. Adakah apa yang mereka dilakukan bukan pemborosan juga? Tidak

dinafikan bahawa memang ada amalan boros yang kadang-kadang sampai membebankan hidup keluarga orang-orang yang boros itu, dan amalan ini tidak harus dibiarkan berlanjut. Tetapi tidak tepat untuk mengatakan bahawa pemborosan beberapa orang itu adalah punca kemiskinan bagi satu-satu masyarakat.

Beralih kepada konsep rezeki dan nasib pula, sesungguhnya ia wujud dalam sistem nilai orang-orang Melayu. Akan tetapi konsep-konsep ini mempunyai aspek negatif dan positif: ada 'rezeki mahal' dan ada 'rezeki murah', begitu juga ada 'nasib baik' dan ada 'nasib buruk'. Bererti bahawa rezeki dan nasib itu tidak semestinya mengakibatkan keadaan negatif sahaja, atau dari segi ekonomi, kemiskinan, akan tetapi ia boleh juga menimbulkan keadaan yang positif. Anggapan bahawa nasib dan rezeki boleh membawakan kesan yang positif dan baik ini, seharusnya boleh mendorongkan usaha yang lebih kuat untuk mencapai kebahagiaan; sama juga anggapan bahawa dari segi negatifnya ia boleh membuat orang puashati sahaja dengan apa yang diperolehi dari usahanya. Seperkara lagi, bukan kedua-dua konsep ini sahaja yang wujud dalam masyarakat Melayu. Misalnya terdapat juga apa yang selalu disebut sebagai usaha dan ikhtiar. Sekiranya ada anggapan bahawa rezeki dan nasib itu boleh ditentukan oleh Tuhan, maka usaha dan ikhtiar boleh timbul dari manusia itu sendiri. Jika benar bahawa seseorang itu menjadi kaya sebab rajinnya, maka sudah pasti oleh kerana wujudnya konsep-konsep seperti usaha dan ikhtiar yang boleh mendorongkan kerajinan juga, akan ada orang yang akan bernasib baik berezeki murah sehingga dapat mengumpul kekayaan pula. Jadi bagaimanakah hendak dikatakan nilai-nilai ini mengakibatkan kemiskinan? Bahkan keadaan kemiskinan itu sendiri boleh menimbul dan menguatkan pegangan terhadap konsep rezeki dan nasib itu. Orang miskin tetap wujud di merata dunia, walaupun mereka tidak dikongkong oleh kepercayaan kepada rezeki dan nasib itu, dan sebaliknya, tidak kurang pula orang Melayu yang sudah mencapai kejayaan dan kekayaan, walaupun mereka kuat berpegang kepada kepercayaan-kepercayaan itu.

Sifat-sifat seperti malas dan percaya kepada rezeki dan nasib ini, beserta dengan faktor-faktor lain dalam masyarakat dan kebudayaan serta personaliti perseorangan itu, dipercayai boleh mengakibatkan motivasi dan seterusnya tingkat kecapaian yang rendah. Sebaliknya pula, kerendahan motivasi itu boleh memperkokohkan lagi kepercayaan pada nasib serta rezeki, dan keberatan berusaha kuat untuk mencapai kejayaan. Alasannya tidak begitu kukuh untuk mendakwa bahawa motivasilah yang menentukan kecapaian, kerana tidak semesti dengan adanya motivasi yang tinggi dari segi ekonomi maka akan tercapai kejayaan atau kekayaan. Perlu ditinjau bagaimana pula kedudukan peluang. Ibubapa manakah yang tidak mempunyai cita-cita atau motivasi untuk anaknya mencapai kejayaan tinggi dalam pelajaran dan akhirnya mendapat jawatan tinggi? Tetapi setakat manakah, terutama jika miskin dan dari lapisan bawahan, mereka berpeluang untuk mencapai cita-cita itu? Bagaimanakah peluang yang ada pada mereka, dibanding dengan ibubapa kaya dari lapisan atasan yang mempunyai cita-cita atau motivasi serupa? Seterusnya petani

manakah yang tidak mempunyai motivasi untuk mendapat pendapatan tinggi? Akan tetapi, sekiranya mereka terikat dalam struktur pengeluaran di mana mereka boleh menyimpan hanya separuh dari hasil titik peluh mereka, dan struktur pasaran di mana harga hasil mereka tidak ditentukan oleh mereka sendiri, tetapi oleh orang lain, apakah peluang bagi mereka untuk mendapat pendapatan yang lumayan sedikit, sesuai dengan tenaga yang mereka curahkan?

Sifat-sifat malas, boros, percaya pada rezeki serta nasib, dan kurang motivasi merupakan *stereotype* yang sudah lama dijadikan asas tuduhan terhadap golongan tertentu, terutama golongan miskin, dan juga masyarakat tertentu, terutama masyarakat dalam jajahan. Bahkan orang-orang Melayu selalu menerima tuduhan ini. Pihak penjajah sering menyalahkan orang Melayu serta sifat-sifat mereka kerana kemiskinan mereka sendiri. Dengan demikian mereka sebenarnya cuba hendak mengelak daripada dituduh bahawa dasar-dasar ekonomi, politik dan sosial yang mereka jalankan itulah yang sebenarnya telah mengakibatkan kemiskinan dan kemunduran bangsa Melayu. Begitulah seterusnya, apa sahaja golongan yang berpengaruh atau yang memerintah, yang selalu menekankan ciri-ciri personaliti dan kebudayaan sebagai punca kemiskinan itu, bukan sahaja cuba mengalihkan pandangan kepada faktor-faktor yang kurang penting, bahkan cuba pula mengelak daripada mengambil tanggungjawab ke atas dasar serta sistem yang mereka teruskan itu sebagai salah satu punca besar yang mungkin mengakibatkan kemunduran dan kemiskinan.

ii. **Penambahan Bilangan Penduduk:** Pada dasarnya teori ini menekankan bahawa punca kemiskinan ialah penambahan bilangan penduduk yang lebih cepat daripada perkembangan ekonomi. Jikalau kadar kelahiran, misalnya, lebih tinggi dari kadar pembukaan tanah, atau daripada kadar penambahan pengeluaran kasar negara, maka tentulah luas tanah yang boleh dimiliki satu-satu keluarga, atau pendapatan per kapita, akan bertambah kecil dari setahun ke setahun. Oleh itu disarankanlah bahawa untuk mengatasi masalah ini, perlu diutamakan perancangan keluarga, supaya penambahan bilangan penduduk itu terkawal.

Sebenarnya teori sebegini ialah lanjutan dalam bentuk baru dari teori yang dikemukakan oleh Malthus dalam abad ke-19. Malthus menyatakan bahawa oleh kerana manusia bertambah berganda dan lebih cepat, sudah tentulah lama kelamaan masaalah kekurangan bekalan makanan akan kian meruncing. Alam semulajadi mengatasi masaalah ini melalui mala-petaka seperti banjir, gempa bumi, wabak dan sebagainya, yang mengakibatkan kematian beramai-ramai, dan dengan demikian mengawal bilangan orang. Teori pengawalan penduduk sekarang ini juga menganggap bahawa kesempitan hidup atau keminiskinan boleh berpunca dari penduduk terlalu ramai, dan sekurang-kurangnya kadar penambahan ini patut disamakan, kalau tidak dapat dikurangkan dari kadar perkembangan ekonomi, supaya

taraf hidup tidak menurun. Jadi asas pemikiran di sini bukannya untuk mempesatkan lagi kadar perkembangan ekonomi supaya dapat mengatasi penambahan manusia dengan perkembangan ekonomi, akan tetapi sebaliknya. Usaha untuk memperkembangkan ekonomi memang susah, dan sebagian besarnya mesti dibeban oleh pemerintah sendiri, tetapi beban merancang keluarga itu lebih banyak merupakan tanggungjawab persendirian suami-isteri. Jadi, jikalau kemiskinan berterusan dan kadar penambahan penduduk tidak berkurangan, maka rakyat boleh lebih dipersalahkan sekali lagi.

Tidak dapat dinafikan bahawa keluarga yang kecil memang boleh melapangkan keadaan sedikit; keluarga 5 orang tentu akan lebih lapang dari keluarga 10 orang yang sama pendapatannya. Juga, dari segi kesihatan ibu, menjarangkan anak dapat dipertahankan baiknya. Tetapi terang juga bahwa sama ada keluarga itu besar ataupun bertambah kecil tidak akan mengubah kenyataan bahawa masih wujud penganggur, besar bilangan keluarga berpendapatan rendah, dan meluasnya kemiskinan. Kalaupun keluarga kecil, tetapi jika pendapatan tidak berubah dan harga barang-barang keperluan meningkat saban masa, sudah tentu hidup orang-orang miskin akan tetap sempit juga.

Sebenarnya kemiskinan wujud dalam beberapa negeri yang banyak kekayaan alamnya, luas tanah yang masih belum dibuka dan bilangan penduduknya tidaklah begitu besar serta belum mencapai peringkat maksima lagi. Masaalah ketidaksamaan pembagian kekayaan juga masih meluas di sebagian besar dunia, sama ada di negara-negara sudah ataupun sedang membangun. Bukankah masaalah kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi sudah wujud lama sebelum masaalah 'letupan penduduk'? Yang anihnya pakar-pakar demografi di Barat yang sekarang ini tidak habis-habis menyuarakan kebimbangan terhadap 'letupan' ini, cuma lantang mahu mengawal bilangan manusia di Asia, Afrika dan Amerika Latin sahaja. Di setengah-setengah negeri di Eropah, mereka menggalakkan dasar membanyakkan anak, walaupun luar nikah! Alasan rasional yang selalu mereka kemukakan ialah kerana di negara-negara Dunia Ketiga itulah masaalah bilangan manusia mengancam kehidupan. Tetapi adakah keterlaluan jika ada pihak-pihak mengsyaki bahawa mungkin ada tujuan lain di sebalik perancangan keluarga itu? Bahkan berlaku di setengah-tengah negeri bahwa rancangan mengurangkan manusia ini mungkin mempunyai tujuan politik yang tidak sihat. Tidak mudah hendak menepis rasa syak mereka itu sebagai tidak berasas sama sekali.

Sebagaimana yang telah dijelaskan berulang kali, dalam masyarakat yang bersusunlapis, biasanya jurang pembagian rezeki di antara yang kaya dan miskin adalah lebar, dan dalam kebanyakan kes kian melebar, semata-mata kerana kemungkinan yang kaya menimbun-tambah harta dengan cepat adalah jauh lebihnya daripada yang dapat dilakukan oleh pihak miskin. Katakanlah rancangan keluarga berjaya di kalangan semua lapisan masyarakat mengikut kadar yang sama, dan ini perkara yang jarang berlaku sebab yang lebih ramai mengamalkan rancangan itu biasanya dari

lapisan pertengahan dan atasan yang berpendidikan tinggi, berertilah pada keseluruhannya keluarga menjadi bertambah kecil dan bahagian bagi tiap-tiap anggota keluarga dari pendapatan sekeluarga akan bertambah, walaupun pendapatan keluarga-keluarga itu sendiri tidak berubah. Yang berpendapatan tinggi akan tetap dengan kedudukan mereka, dan yang berpendapatan rendah akan tetap juga dengan kedudukan mereka. Jurang yang lebar terus lebar di antara mereka, dan kemungkinannya bertambah luas lagi adalah sama sahaja sebagaimana sebelum rancangan keluarga itu dijayakan. Yang perlu ditegaskan di sini ialah bahawa struktur ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang wujud tidak akan berubah melalui perlaksanaan langkah-langkah yang berdasarkan teori bilangan manusia ini. Begitu juga, tidak ada alasan untuk mengatakan bahawa kemiskinan berpunca dari penambahan penduduk, atau boleh dihapuskan dengan mengawal penambahan tersebut.

iii. **Kekurangan Teknologi dan Modal:** Salah satu lagi faktor yang selalu disebut sebagai menyebabkan kemiskinan ialah daya pengeluaran yang rendah. Di negara-negara Dunia Ketiga yang umumnya bergantung luas kepada pertanian, didapati bahawa pengeluaran bagi tiap-tiap unit pertanian yang tertentu adalah rendah disebabkan oleh kekurangan teknologi dan modal. Unit-unit pengerjaan biasanya berasas kepada keluarga, dan luas tanah yang boleh dikerjakan dibatasi oleh ramainya tenaga kerja dalam keluarga itu; pengetahuan, benih dan baja baru yang boleh memungkinkan penghasilan lebih tidak luas digunakan; alat-alat jentera yang lebih effisien boleh dikatakan tidak digunakan sama sekali. Itulah sebabnya pengeluaran di negara-negara ini jauh lebih rendah daripada apa yang diperolehi bagi luas tanah yang sama di negara-negara maju di Barat, khususnya yang menggunakan pengetahuan serta teknologi moden, dan dapat mengerjakan kawasan yang luas dengan pertolongan jentera dan modal.

Ada pendapat yang dikemukakan bahawa walaupun peluangnya ada, kadang-kadang ramai petani di negara-negara kurang maju tidak mahu atau lambat menerima pengetahuan dan teknologi moden ini. Salah satu tafsiran yang selalu sekali dijaja oleh mereka yang menganggap diri atau dianggap sebagai 'pakar' ialah tebalnya sikap-sikap dan nilai-nilai lama dalam masyarakat tani itu, yang bertentangan dengan kemasukan serta penggunaan cara-cara dan teknologi yang asing dari kebiasaan mereka yang tradisional. Sebagai contoh, pernah dikemukakan bahawa kononnya petani-petani padi tidak mahu menggunakan alat dan jentera moden, sebab ini boleh merosakkan semangat padi. Tidak pula mereka sebutkan bahawa masih belum ada jentera yang sesuai, effisien serta murah untuk memotong padi, dan penyelidikan untuk mengeluarkan jentera tersebut tidak merupakan suatu yang diutamakan, mungkin kerana perusahaan padi tidak menarik perhatian pemodal-pemodal besar yang sentiasa menumpu perhatian kepada perusahaan-perusahaan yang boleh mendatangkan keuntungan besar untuk mereka.

Untuk mengatakan sikap dan nilai di kalangan masyarakat tani menjadi penghalang kepada kemajuan tidaklah begitu tepat, sebab petani-petani pun boleh bertindak atas lunas-lunas perhitungan ekonomi yang rasional. Di negeri ini, seperti di banyak negeri sedang membangun, didapati bahawa petani-petani, terutama sekali jikalau mereka berkemampuan berbuat demikian, cepat sekali mengubah kepada aktiviti-aktiviti atau cara-cara pertanian yang boleh mendatangkan hasil dan pendapatan yang lebih. Pada kenyataannya di Semenanjung ini pun ramai petani-petani yang telah mengubah: lihat sahaja luasnya penggunaan baja oleh petani-petani padi, betapa ramai yang meninggalkan aktiviti tradisional seperti menanam padi dan membuka kebun-kebun kecil getah, dan betapa cepatnya nelayan-nelayan menggunakan bot-bot lebih besar yang berenjin.

Disebutkan tadi tentang kemampuan untuk membeli baja, alat atau jentera yang baru serta effisien, dan ini memerlukan wang atau modal. Modal akan terkumpul hanya manakala petani-petani mempunyai pendapatan yang berlebihan dari keperluan hidup seharian. Golongan petani-petani yang dapat berbuat demikian adalah sangat terbatas, mereka biasanya terdiri dari lapisan atas dalam masyarakat kampung, yang lebih berada atau senang hidupnya dibandingkan dengan bahagian terbesar dari orang-orang yang diam di kampung itu. Ini bukan bererti pula bahawa petani-petani yang sederhana hidupnya tidak dapat sama sekali membeli alat-alat atau jentera-jentara baru; tetapi bilangan serta nisbah mereka adalah kecil berbanding dengan yang kaya tadi. Nyata sekali semakin kecil pendapatan atau susah hidup petani-petani itu, semakin sulitlah baginya hendak mendapatkan keuntungan dari pengetahuan dan teknologi moden itu, tidak kira sama ada mereka mempunyai motivasi yang tinggi atau tidak, dan sama ada mereka masih terkongkong kuat oleh cara-cara serta nilai-nilai lama atau tidak. Apabila lapisan atasan yang lebih banyak modal di kampung berkeupayaan untuk menggunakan cara-cara serta mendapatkan alat-alat yang lebih effisien, maka kemungkinan untuk mereka menjadi lebih senang, dan lebih cepat lagi mengumpulkan harta, adalah luas terbuka. Akibat dari ini jarak ekonomi dan sosial di antara lapisan-lapisan yang berbeza dalam masyarakat kampung pun boleh menjadi bertambah luas lagi.

Di setengah-tengah negeri, dalam rangka bidang rancangan pembaharuan atau pembangunan, ada ditawarkan kemudahan-kemudahan teknologi dan modal kepada anggota-anggota masyarakat kampung. Di India, misalnya, bantuan pengetahuan, baja dan teknologi diutamakan kepada mereka yang dipanggil sebagai 'petani progresif'. Mereka yang digelar demikian adalah petani-petani yang dianggap lebih bersedia untuk menerima perubahan; tetapi pada hakikatnya kebanyakan mereka ini terdiri dari petani-petani yang luas milik tanahnya dan berpendapatan lumayan. Jadi dengan itu, bantuan-bantuan yang diterima hanya menambahkuatkan lagi kedudukan mereka di luar bandar yang memang sudah kuat dari segi ekonomi. Ada pula negara-negara lain, termasuk Semenanjung ini, yang menawarkan pinjaman dan

bantuan modal. Pengalaman yang luas menunjukkan bahawa pinjaman hanya diberikan kepada mereka yang mempunyai tanah atau harta lain sebagai sandaran, dan di antara mereka yang sama-sama mempunyai sandaran itu pula, lebih sering yang mendapat ialah orang-orang yang berpengaruh di kampung, dan mempunyai ikatan-ikatan keluarga, persahabatan atau politik dengan pihak yang mengeluarkan pinjaman itu, sama ada secara langsung ataupun melalui perantaraan. Mereka ini bukanlah dari lapisan yang paling rendah dan miskin dalam kampung.

Seterusnya, ada bantuan seperti untuk tanam semula getah, yang tidak memerlukan apa-apa sandaran, tetapi ianya lebih mudah diperolehi mereka yang senang hidupnya, walaupun mungkin tidak dirancangkan begitu asalnya. Sebabnya, getah yang hendak ditanam semula harus ditebang, dan getah yang baru boleh ditoreh hanya selepas kira-kira tujuh tahun. Orang-orang yang tidak mempunyai tanah sendiri tidak berpeluang mendapat bantuan itu, walaupun mereka juga memberi sumbangan kepada kumpulan bantuan itu melalui cukai ke atas keluaran hasil tenaga juga. Orang yang memiliki bidang tanah yang kecil, dan tidak ada tanah atau kerja lain yang dapat diusahakan sebagai punca mata pencarian, tidak akan mudah hendak membuat keputusan menebang pokok yang menanggung dirinya sekeluarga, dan kemudian menunggu pula tujuh tahun sebelum dapat mengecap hasilnya. Tetapi bagi orang-orang yang mempunyai tanah yang lebih, dan apatah lagi mereka yang memiliki estet-estet besar, perhitungan yang perlu dibuat tidaklah sulit. Itu sebab mereka paling banyak menerima bantuan tanam semula.

Tidak dinafikan bahawa kekurangan teknologi dan modal memang wujud dalam masyarakat tani di banyak negara kurang maju, dan kekurangan ini boleh mengakibatkan daya pengeluaran yang rendah. Tetapi, sebagaimana yang diterangkan dalam perbincangan selanjutnya nanti, bukan ini yang merupakan punca pokok bagi kemiskinan. Begitu juga, tidak bererti masaalah kemiskinan bagi sebilangan besar petani ini dapat diatasi manakala saja kemudahan modal dan teknologi diterima, dan terbuka kepada sebahagian dari mereka. Di mana wujud perbezaan ekonomi, dan mereka yang lebih istimewa kedudukannya mempunyai peluang lebih baik untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan teknologi dan modal yang disalurkan atas nama pembaharuan atau pembangunan, maka akibatnya ialah memperkokohkan lagi kedudukan mereka yang sudah kuat, meluaskan lagi jurang di antara yang kuat serta senang dengan yang lemah serta susah, memungkinkan lagi penindasan ke atas yang lemah oleh yang kuat, dan akhirnya meruncingkan lagi masaalah kemiskinan.

iv. **Ketidaksamaan Ekonomi dan Sosial:** Ketidaksamaan ekonomi memang meluas terdapat dalam sebahagian dunia. Di peringkat antarabangsa terdapat ketidaksamaan antara negara; ada negara yang kaya dan maju, ada negara yang miskin dan mundur, Di peringkat dalam negeri pula, sebagaimana yang telah disebut lebih awal, wujud ketidaksamaan ekonomi di antara golongan yang berkedudukan tinggi dan kaya, dengan golongan yang berkedudukan rendah dan miskin. Ketidaksamaan ini wujud

dalam struktur susunlapis antarabangsa dan juga struktur susunlapis masyarakat setempat. Susunlapis pada kedua-dua peringkat ini tegak atas dasar penindasan. Maksudnya, negara yang kaya menindas negara yang miskin untuk mendapat kekayaannya, dan begitu juga lapisan atasan yang kaya menindas lapisan bawahan yang miskin untuk kemewahannya. Atas dasar penindasan ini, maka proses menjadikan bertambah kaya yang memang sudah kaya, dan bertambah miskin mereka yang memang miskin boleh berlaku serentak, dan dengan demikian jurang ketidaksamaan akan menjadi lebih lebar lagi.

Struktur hubungan antara negara kaya dengan negara miskin dijeniskan oleh setengah-setengah ahli ilmu kemasyarakatan sebagai struktur 'metropolis' dan 'satelit', atau hubungan antara 'penaung' dengan 'dinaung'. Dalam keadaan penjajahan, metropolis itu ialah negara yang menjajah, manakala satelit ialah negara yang dijajah. Dalam konteks ini memang sudah luas diketahui bahawa pihak penjajah menindas pihak yang dijajahnya dalam serba bidang, terutama sekali politik dan ekonomi. Penguasaan politik digunakan terutamanya untuk menimba kekayaan sebanyak-banyaknya dari negara-negara yang dijajah itu. Di banyak negeri yang sudah merdeka dari penjajahan, kelihatan bahawa pembebasan dari segi politik tidak diikuti oleh pembebasan sepenuhnya dari segi ekonomi pula. Oleh kerana itu timbul struktur ekonomi neokoloni (penjajah bentuk baru) di mana pihak metropolis menguasai ekonomi satelit, dan menggunakan kekuasaan itu untuk kesenangan dan kekayaan mereka, dengan tidak menghiraukan sangat kesan buruknya ke atas pihak satelit. Struktur metropolis-satelit ini menjelma dalam bentuk penguasaan oleh pemodal-monopoli asing, terutama sekali dari negara-negara kuasa ekonomi besar, ke atas punca-punca kekayaan di negara-negara kurang maju yang menjadi satelit itu. Pemodal-monopoli dari negara metropolis mempunyai modal yang banyak di satelitnya, memiliki ladang, lombong, kilang, dan menguasai perdagangan impot-ekspot di sana. Dari pemilikan dan penguasaan ini mereka mendapat keuntungan yang sangat banyak, dan sebagian besar darinya dipunggah keluar ke metropolis tadi, dan bukannya digunakan untuk pembangunan di satelit, tempat di mana segala keuntungan itu ditimba.

Di peringkat negeri, perkembangan ekonomi baru berdasarkan perladangan, perlombongan dan perdagangan menimbulkan orang-orang kaya baru, terdiri terutama dari pemodal-pemodal. Ada di antara mereka yang bersendirian, tetapi ada pula yang mempunyai kaitan rapat dengan pihak pemodal-monopoli asing, melalui perkongsian ataupun dengan memainkan peranan sebagai wakil-wakil bagi pemodal besar luar negeri. Dengan cara lebih kecilan pemodal-pemodal setempat ini juga cuba dan dapat mengumpul kekayaan melalui penguasaan mereka dalam bidang ekonomi itu. Misalnya, dengan membayar gaji murah kepada pekerja-pekerja, dan dengan mengenakan harga tinggi bagi barang dagangan mereka, sebagaimana yang dilakukan oleh pemodal-monopoli itu juga, mereka dapat memaksimakan keuntungan.

Walaupun aktiviti-aktiviti ekonomi yang baru ini berkembang, akan tetapi pertanian masih luas juga dilakukan dalam kawasan-kawasan luar bandar; pertanian padi untuk secukup hidup diteruskan, tetapi di samping itu diperluaskan pula penanaman getah, yang hasilnya dijual untuk mendapatkan wang tunai guna membeli keperluan sehari-hari. Dengan meluasnya ekonomi kewangan dan bertambah rapatnya kaitan ekonomi satu-satu negeri dengan negeri luar, kadangkala dalam struktur metropolis-satelit, maka timbullah institusi-institusi, orang-orang dan proses-proses baru yang mula menguasai atau mempengaruhi keadaan ekonomi di luar bandar itu. Dalam bidang pengeluaran, institusi pawah atau bagi-dua wujud sebelah menyebelah dengan sewaan atau upahan, dan di samping pengerja-pengerja tanah telah timbul pula pemilik-pemilik yang kadang-kadang tidak perlu bekerja, dan mereka bertindak sebagai tuan-tuan tanah. Dalam bidang pasaran pula, proses jual-beli dengan menggunakan wang sudah meluas, dan dengannya timbullah peraih-peraih, pekedai-pekedai, peruncit-peruncit dan pemborong-pemborong sebagai suatu rantaian yang menghubungkan pengeluar dengan pengguna di kampung, bandar, dan juga dunia luar. Selain dari itu ada pula mereka yang menjalankan peranan sebagai peminjam wang. Ada aliran perubahan yang menuju kepada keadaan di mana peranan sebagai tuan tanah, peniaga dan juga peminjam di luar bandar itu dijalankan oleh segelintir orang yang sama, sungguhpun tidak dinafikan bahawa masih ada juga peranan berlainan yang dijalankan oleh orang-orang berlainan pula. Analisa-analisa dan cerita-cerita tentang bagaimana tuan tanah, orang tengah dan pemberi hutang melakukan penindasan sehingga mengakibatkan kemiskinan di kalangan petani-petani memang sudah menjadi pengetahuan umum.

Dalam rangka bidang struktur metropolis-satelit kita dapati bahawa golongan miskin, terutama di luar bandar terpaksa menanggung beban tekanan penindasan dari tiga lapisan pada tiga peringkat: di peringkat kampung dari lapisan tuan tanah dan orang tengah, di peringkat negeri dari lapisan pemodal pemodal besar dan golongan atasan yang lain, dan di peringkat antarabangsa oleh pemodal-monopoli pula. Barangkali tidak ada golongan yang menanggung penindasan yang lebih besar daripada petani-petani (termasuk nelayan-nelayan). Oleh sebab itulah dalam Dunia Ketiga, yang ekonominya lebih bercorak pertanian, kelihatan bahawa golongan mereka inilah yang paling miskin sekali.

Penindasan yang dilakukan oleh tuan tanah, orang tengah dan peminjam wang itu paling ketara pada penglihatan petani-petani miskin, dan dirasakan secara langsung oleh mereka. Oleh sebab itu maka ada ahli-ahli ekonomi dan ilmu kemasyarakatan lain yang menumpukan perhatian hanya kepada kumpulan ini sahaja sebagai punca kemiskinan. Sebenarnya ada juga tuan tanah, peniaga dan peminjam, khususnya yang kecil-kecil di peringkat kampung, yang menjadi mangsa penindasan kaum pemodal yang lebih besar di peringkat lebih tinggi. Mereka juga berpendapatan rendah, dan kesan penindasan – timbul dari usaha cuba mendapatkan sedikit untung 'kerana hendak hidup' – yang mereka lakukan dalam masyarakat kampung itu

memang ada, tetapi kadang-kadang tidak begitu berat. Sebenarnya kesan penindasan yang dilakukan oleh pemodal-monopoli asing yang bersama-sama dengan pemodal-pemodal besar setempat itulah yang paling serius sekali akibatnya. Penindasan yang mereka lakukan tidak secara langsung terkena ke atas petani-petani miskin, dan oleh sebab pemodal-monopoli asing itu jauh dari masyarakat kampung, maka peranan yang mereka lakukan serta akibat-akibatnya tidak dilihat atau disedari oleh orang-orang kampung. Bahkan tidak dilihat – (atau sengaja ditenggelamkan?) – oleh setengah-tengah 'pakar' mengenai kemiskinan. Seperti yang ditegaskan di atas, pemodal-pemodal asing itu cuba memaksimakan untung dengan, antara lain, membayar upahan rendah, menentukan harga yang murah bagi hasil keluaran petani, dan mengenakan harga mahal bagi barang-barang buatan mereka yang diperlukan oleh petani-petani. Untung besar, yang mereka punggah ke luar dari negara-negara satelit, merupakan punca kekurangan pendapatan bagi negara-negara kurang maju yang dinaungi itu, dan juga merupakan hasil kekayaan negara yang tidak dapat digunakan untuk kepentingan rakyatnya sendiri. Dalam beberapa tahun yang lalu ini bertambah banyak negara-negara dalam Dunia Ketiga yang menyedari dan menyuarakan secara lantang bahawa punca terbesar kemunduran negara mereka dan kemiskinan rakyat mereka ialah penguasaan dan penindasan ekonomi yang dilakukan oleh pemodal-monopoli dari negara-negara besar itu.

D: Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapat ditegaskan bahawa kemiskinan itu adalah satu hakikat yang nyata, walaupun ia memang agak sulit hendak ditafsirkan. Kewujudannya dapat diukur dengan menggunakan ukuran-ukuran mutlak dan perbandingan. Memang banyak teori yang dikemukakan tentang punca kemiskinan, dan berdasarkan teori-teori inilah selalu dilandaskan rancangan-rancangan dan projek-projek untuk pembangunan. Boleh juga dipertahankan bahawa setiap teori itu mempunyai sedikit sebanyak kebenaran. Tetapi yang lebih penting ialah untuk menentukan teori yang mana satukah betul-betul menyentuh kepada faktor-faktor pokok ataupun asas. Daripada perbincangan-perbincangan di atas mungkin sudah nyata bahawa teori ketidaksamaan adalah lebih menyeluruh, kerana ia menyentuh keseluruhan sistem, tidak seperti teori-teori yang lain, yang menekankan hanya aspek-aspek tertentu dalam sistem itu, sama ada nilai, bilangan penduduk ataupun teknologi. Di negeri ini tulisan-tulisan Za'ba misalnya, lebih banyak menyentuh kepada nilai-nilai, pengetapengetahuan dan teknologi. Ungku Aziz pula, walaupun mengambil perhatian yang berat ke atas soal ketidaksamaan ekonomi, yang dikaitkan dengan penindasan itu, malangnya membataskan dirinya hanya kepada peringkat rendah sekali, dan menumpukan sasaran hanya kepada satu lapisan penindas sahaja, iaitu tuan tanah, orang tengah dan peminjam wang.

Kerajaan pula lain penekanannya. Dalam buku Ulangkaji RMK, perbincangan tentang punca kemiskinan mengambil cuma satu dua baris. Ditegaskan bahawa ke-

miskinan kampung pada pokoknya disebabkan oleh keadaan tanah pertanian yang luasnya tak-ekonomi, tidak subur dan tidak sesuai untuk tanaman, penggunaan cara-cara tradisional dan kekurangan permodenan; dan kemiskinan bandar pula disebabkan oleh penumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang memerlukan tiada atau sedikit keahlian dan latihan. Di sini nampaknya pemikiran dalam buku Ulangkaji ini lebih mirip kepada teori kekurangan teknologi dan modal itu. Tentang peranan tuan tanah, orang tengah dan peminjam wang tidak disentuh, begitu juga tentang peranan buruk pemodal-monopoli asing.

Teori-teori dan pemikiran-pemikiran baru yang lebih lojik dan bernas banyak dikeluarkan oleh negara-negara Dunia Ketiga. Bahkan dalam beberapa sidang antarabangsa, mereka telah berkali-kali mengeluarkan deklarasi tentang struktur ekonomi yang melibatkan mereka, dan punca-punca pokok yang menyebabkan kemunduran negara dan kemiskinan rakyat. Mereka telah meletakkan, walaupun selalunya secara implikasi sahaja, teori struktur ketidaksamaan ekonomi itu pada tempatnya yang sewajar. Lebih bermunafaat, barangkali, jikalau kita memandang ke arah pemikiran yang kian meluas di kalangan ahli-ahli ilmu kemasyarakatan dan juga negarawan-negarawan dari negara-negara Dunia Ketiga ini, sebagai panduan untuk masa depan kita sendiri. Teori mereka ini boleh diuji dengan keadaan-keadaan yang nyata di negeri ini. Masa berkiblat kepada teori-teori Barat sahaja sudah luput. Dalam mencari teori sendiri lebih baik kita cuba mengenal teori-teori dari negara-negara yang senasib dengan kita.

Bab II

EKONOMI KELANTAN DALAM KONTEKS SEMENANJUNG

Kelantan ialah salah satu daripada sebelas buah negeri dalam Semenanjung. Luas kawasannya 5,713 batu persegi, atau 11.2% daripada seluruh kawasan Semenanjung yang berjumlah 50,806 batu persegi itu. Bilangan penduduknya mengikut Banci Penduduk 1970 ialah seramai kira-kira 680,630 orang, dan sekarang ini bertambah dengan kadar 2.4% bagi tiap-tiap tahun. Kira-kira 92.8% daripada penduduk negeri Kelantan ialah orang Melayu, dan Cina cuma 5.4% saja. Berbanding dengan jumlah semua penduduk di Semenanjung yang seramai lebih kurang 9,181,000 orang penduduk Kelantan merupakan hanya 7.4% daripada seluruh jumlah Semenanjung itu. Dari segi kepadatan penduduk keadaan Kelantan kurang sedikit padatnya daripada Semenanjung, sebab di Kelantan terdapat 118 orang bagi tiap-tiap batu persegi, manakala untuk Semenanjung bilangannya ialah 181 orang untuk satu batu persegi. Tetapi Kawasan I Kelantan, yang meliputi jajahan Kota Baharu, Pasir Mas, Pasir Putih dan Tumpat, adalah salah satu kawasan yang paling padat sekali penduduknya di seluruh negara.

A. Kegiatan Ekonomi dan Bidang Penyertaan Tenaga Kerja

Pada tahun 1970, kira-kira 514,693 ekar daripada tanah negeri Kelantan telah digunakan untuk pertanian, dan ini ialah kira-kira 14% daripada seluruh kawasan negeri itu. Berbanding dengan Semenanjung ini merupakan peratus yang agak rendah, kerana di peringkat Semenanjung lebih kurang 7,000,000 ekar tanah telah dibuka untuk kegunaan pertanian, atau kira-kira 20% daripada seluruh kawasan dalam Semenanjung. Sebagian besar (iaitu kira-kira ¾) daripada kawasan tanah yang digunakan di Kelantan adalah dalam Kawasan I, sungguhpun ia merupakan sebagian kecil saja daripada keseluruhan negeri Kelantan (Lihat Peta I).

Daripada Jadual I kelihatan bahawa pada peringkat Semenanjung tanah paling banyak digunakan untuk getah (60%), manakala untuk padi peratusnya rendah sekali (14%). Sebaliknya di Kelantan, luas tanah yang digunakan untuk getah dan padi tidak berbeza banyak, walaupun lebih tinggi sedikit untuk getah (43.5%) daripada padi (36.6%). Sekiranya dari segi keluasan tanah, kelapa sawit merupakan tanaman yang ketiga pentingnya untuk seluruh Semenanjung (11%), maka untuk Kelantan pula, tanaman yang ketiga diduduki oleh kelapa (3.3%). Membandingkan luas kawasan jenis-jenis tanaman di Kelantan dengan yang di Semenanjung semuanya, dilihat bahawa tanah padi di Kelantan adalah hampir seperlima (19.2%) daripada seluruh kawasan padi. Ini menunjukkan betapa besarnya sumbangan

Kelantan kepada pengeluaran padi, dan betapa pentingnya kegiatan menanam padi itu dalam bidang ekonomi Kelantan. Penanaman padi adalah kegiatan ekonomi bercorak tradisional, dan pendapatan yang boleh diperolehi daripadanya tidak begitu tinggi, dan ikatan Kelantan kepada kegiatan tradisional ini masih kuat juga lagi.

Jadual I

Luas (ekar) dan Peratus Tanah Pertanian
Mengikut Jenis Tanaman di Semananjung dan Kelantan

Jenis Tanaman	Semenanjung (1) Ekar	Persen	Kelantan · Ekar	(2) Persen	(2) ÷ (1) Persen
Getah	4,200,000	60	223,716	43.5	5.3
Padi	980,000	14	188,390	36.6	19.2
Kelapa	490,000	7	17,370	3.3	3.5
Kelapa Sawit	770,000	11	1,087	0.2	—
Lain-lain*	560,000	8	84,130	16.3	15.0
Jumlah	7,000,000	100	514,693	99.9	7.3

*Ini termasuk tanaman-tanaman campuran, kopi dll.
Sumber: Untuk Semenanjung dirumuskan dari ERT, ms. 78.
Untuk Kelantan dari I.F.T. Wong, *Land Use Report of Kelantan, 1970,* Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysia, ms.6.

Pertanian padi wujud di samping getah, kelapa dan lain-lain di negeri Kelantan. Sebenarnya penglibatan orang Kelantan, sebagaimana juga orang Semenanjung umumnya, bukan pada pertanian sahaja. Ada juga yang terlibat dalam bidang-bidang lain seperti perniagaan, perkilangan, perkhidmatan dan lain-lain. Dengan mengkaji jumlah orang yang terlibat dalam bidang-bidang berlainan, maka akan dapat dilihat bidang kegiatan ekonomi yang manakah paling penting sekali di negeri Kelantan. Jumlah orang yang terlibat mungkin lebih berguna sebagai ukuran daripada keluasan tanah yang dikerjakan, kerana bidang-bidang kegiatan yang lain daripada pertanian itu tidak memerlukan banyak tanah. Di Semenanjung, bilangan orang yang bekerja ialah kira-kira 2,783,000 orang, ataupun lebih kurang 30.3% daripada jumlah besar penduduk, manakala bilangan yang bekerja di Kelantan ialah 237,607 orang, atau 34.8% daripada bilangan penduduk Kelantan semuanya (pada tahun 1970). Bilangan orang yang mempunyai pekerjaan di Kelantan pula ialah kira-kira

8.5% daripada semua yang mempunyai pekerjaan dalam Semenanjung. Jenis kegiatan yang dilakukan oleh mereka yang bekerja ini dan pembahagian mereka mengikut kegiatan-kegiatan itu dianalisa dalam Jadual II.

Dari jadual ini dilihat bahwa bilangan orang yang terlibat dengan pertanian hampir separuh (49.1%). Yang kedua ramainya ialah dalam berbagai jenis perkhidmatan pentadbiran, tentera dan sebagainya (19%), kemudian dikuti oleh mereka yang terlibat dengan perniagaan runcit, borong, bank dan sebagainya (10.6%). Bilangan mereka yang terdapat dalam bidang perkilangan (10.5%) hampir sama dengan yang dalam perniagaan. Daripada tenaga kerja di Kelantan pula, bilangan yang menjalankan pertanian adalah jauh lebih tinggi (70.5%). Sekiranya di Semenanjung tadi orang-orang yang terlibat dalam perkhidmatan, perniagaan dan perkilangan semuanya berjumlah 40.1% daripada seluruh tenaga kerja, tetapi bilangan yang terlibat dalam bidang-bidang yang sama di Kelantan peratusnya adalah lebih rendah, iaitu 24.7% daripada jumlah seluruh tenaga kerja di negeri itu, terdiri dari: perkhidmatan (9.9%), perkilangan (7.7%) dan perniagaan (7.1%). Angka-angka yang dikemukakan di atas berdasarkan jumlah tenaga kerja dari semua kaum. Kalau dibataskan kepada tenaga kerja Melayu sahaja, maka nisbah yang terlibat dalam pertanian adalah jauh lebih tinggi lagi, iaitu 64.5% daripada tenaga kerja Melayu di peringkat Semenanjung, dan 78% daripada tenaga kerja Melayu yang ada di Kelantan.

Seperti yang telah diketahui, bilangan penduduk Kelantan ialah 7.4% daripada penduduk Semenanjung. Dengan berpandukan ini boleh dikatakan bahawa nisbah orang-orang yang bergantung kepada pertanian di Kelantan, berbanding dengan mereka dalam bidang yang sama untuk Semenanjung, adalah tinggi (12.2%). Bahkan peratus ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan tenaga kerja Melayu dalam bidang yang sama (17.1%). Ini membuktikan dengan jelas bahawa ikatan Kelantan kepada ekonomi pertanian adalah jauh lebih kuat daripada ikatan Semenanjung. Dalam bidang perkhidmatan, perkilangan dan perniagaan, kita lihat bahawa peratusnya adalah lebih rendah dariapda 7.4% penduduk tadi. Ini menunjukkan bahawa bidang-bidang ini di Kelantan tidaklah begitu penting. Tetapi ada satu perkara yang menarik perhatian. Sekiranya untuk Semenanjung jumlah dalam perkilangan jatuh nombor empat, tetapi di Kelantan ia jatuh nombor tiga, melebihi sedikit bilangan yang terlibat dalam perniagaan. Ini tidak bermakna bahawa kadar perindustrian di negeri Kelantan adalah lebih pesat daripada di Semenanjung seluruhnya. Sebagaimana yang tercatit dalam Jadual II, mereka yang dalam bidang ini di Kelantan, berbanding dengan jumlah untuk seluruh Semenanjung, merupakan hanya 6.4%, iaitu kurang daripada peratus penduduk. Lagi pula, kilang-kilang yang terdapat di Kelantan itu adalah kecil-kecil belaka, dan banyak daripadanya adalah untuk perusahaan batik.

Ada tiga perkara yang perlu disimpulkan daripada Jadual II ini. Pertama ialah mengenai penyertaan orang Kelantan dalam perniagaan. Di Semenanjung 10.6%

daripada orang yang bekerja adalah dalam bidang perniagaan, dan di Kelantan cuma 7.1% sahaja. Seterusnya, apabila diambil yang di dalam bidang ini sahaja untuk semua kaum, bilangan di Kelantan cuma 5.7% daripada jumlah untuk Semenanjung, iaitu peratus yang agak rendah. Manakala diambil hanya tenaga kerja Melayu, masih didapati bahawa orang Melayu yang menyertai perniagaan kecil juga jumlahnya, iaitu 4.9% untuk Semenanjung dan 6.0% untuk Kelantan. Tetapi ada bezanya sedikit di sini. Bilangan orang Melayu dalam perniagaan di Kelantan berjumlah 17.8% daripada semua orang Melayu yang terlibat dalam lapangan ini di Semenanjung. Nyatalah dalam lingkungan orang Melayu sahaja memang ramai juga orang Melayu Kelantan yang berniaga. Begitu juga seterusnya dalam lingkungan negeri Kelantan sendiri; bilangan peniaga di Kelantan semuanya 16,882 orang, manakala yang Melayu berjumlah 12,308 orang. Ini bererti bahawa kira-kira ¾ daripada peniaga-peniaga di negeri Kelantan terdiri daripada orang Melayu. Tetapi seperti yang jelas kelihatan manakala kita berada di Kelantan, sebahagian besar daripada mereka ini ialah penjaja-penjaja dan penjual-penjual kecil di pasar-pasar atau gerai-gerai, dan juga pekedai-pekedai. Dan ramai pula di antara mereka ialah wanita.

Kedua, penyertaan dalam bidang perkilangan dan pembinaan; bagi semua kaum, sama ada pada peringkat Semenanjung atau Kelantan, jumlah yang terlibat dengan kedua-dua bidang ini memang kecil. Begitu juga keadaannya bila dibandingkan hanya orang Melayu, 19.1% daripada semua orang Melayu dalam bidang pembinaan, dan 18.8% daripada mereka yang dalam perkilangan adalah dari Kelantan. Dalam lingkungan negeri Kelantan. Daripada 18,617 orang yang terlibat dalam perkilangan 15,828 ialah orang Melayu, manakala dalam pembinaan pula bilangannya ialah 3,227 daripada 3,804 orang. Memang jelaslah bahawa dalam kedua-dua bidang ini juga penyertaan orang Melayu di Kelantan itu tinggi, sebagaimana juga penyertaan dalam perniagaan. Hal ini mudah difahami.

Di Kelantan, mengikut Banci 1970, 92.8% daripada jumlah penduduk adalah terdiri daripada orang Melayu. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan orang Melayu ramai dalam bidang-bidnag baru ini. Tetapi, sungguhpun penyertaan orang-orang Melayu di Kelantan dalam perniagaan dan perkilangan secara persen adalah tinggi manakala dibandingkan dengan negeri-negeri lain, ini tidak pula mengubah hakikat bahwa corak ekonomi Kelantan tetap lebih merupakan ekonomi pertanian, sebab kira-kira ¾ dari tenaga kerjanya masih terikat kepada kegiatan-kegiatan pertanian. Lagi pula, dipandang dari satu segi yang lain, jikalau penyertaan dalam perkilangan dan pembinaan ini betul-betul hendak membayangkan komposisi penduduk di Kelantan itu sendiri, maka sepatutnya bilangan orang Melayu Kelantan yang di dalam kedua-dua bidang ini berjumlah dalam lingkungan 92.8% juga. Tetapi jumlah yang ada pada masa ini kurang daripada itu.

Perkara ketiga ialah berkaitan dengan pekerjaan perlombongan. Bilangan orang Kelantan yang terlibat di dalamnya bolehlah dianggapkan sebagai tidak ada saja,

Pembagian Tenaga Kerja Untuk Semenanjung

Jenis Pekerjaan	Semenanjung (1)		Semua Kaum Kelanta
	Bilangan	Persen	Bilangan
Pertanian, kehutanan & perikanan	1,396,000	49.1	167,1
Perlombongan & kuari	85,000	3.1	2
Perkilangan	292,000	10.5	18,6
Pembinaan	78,000	2.8	3,8
Khidmat air, letrik dsb.	21,000	0.8	6
Pengangkutan & perhubungan	115,000	4.1	6,8
Perniagaan	295,000	10.6	16,8
Perkhidmatan	528,000	19.0	23,4
Jumlah	2,783,000	100.0	237,6

Sumber: Sedutan dari MTR, jadual 4–4, ms. 77; *Kelantan and Sta* ms. 11.

Mengikut Jenis Kegiatan
dan Kelantan

Melayu Sahaja						
(2)	(2) ÷ (1)	Semenanjung (3)		Kelantan (4)		(4) ÷ (3)
Persen	Persen	Bilangan	Persen	Bilangan	Persen	Persen
70.5	12.2	925,000	64.4	158,287	78.C	17.1
0.1	0.3	21,100	1.5	198	0.1	0.9
7.7	6.4	84,400	5.9	15,828	7.8	18.8
1.6	4.9	16,900	1.2	3,227	1.6	19.1
0.3	3.3	10,200	0.7	607	0.3	5.9
2.8	5.9	49,000	3.4	6,420	3.1	13.1
7.1	5.7	69,300	4.9	12,308	6.0	17.8
9.9	4.4	256,100	17.9	6,420	3.1	2.5
100.0	8.5	1,432,400	100.0	203,295	100.0	14.2

Economic Corporation, 1974, (tisis B.A. oleh Nik Din), jadual 2–3,

sebab terlalu kecil. Ada usaha-usaha untuk mencarigali di Kelantan dalam permulaan abad ini, dan ada juga pendapat yang mengatakan bahawa bumi negeri itu sebenarnya mengandungi bermacam bijih dan logam, tetapi belum diusahakan. Walau apapun, yang nyata ialah buat masa ini Kelantan tidak ada lombong, dan itu sebabnya boleh dikatakan tidak ada yang terlibat dalam bidang tersebut di sana.

B. Pembagian Milik

Kegiatan-kegiatan ekonomi yang penting sekali di Semenanjung ialah pertanian, perkilangan, perlombongan dan perdagangan (termasuk bank). Dalam tahun 1970, semua modal saham dalam segala sektor ekonomi ini berjumlah kira-kira $5,289 juta, dan jumlah bagi empat sektor yang disebut ini kira-kira $4,565 juta (atau lebih kurang 86%). Di Kelantan pula kegiatan-kegiatan yang utama ialah pertanian dan perdagangan; lombong, seperti yang disebut di atas boleh dikatakan tidak ada, dan perkilangan, walaupun terdapat, kebanyakannya ialah jangka kecil sahaja. Dalam perbincangan selanjutnya, penumpuan dibuat terhadap pertanian, kerana tidak ada data dan kenyataan-kenyataan yang memuaskan untuk perdagangan.

Pada peringkat Semenanjung, dari 7 juta ekar tanah yang telah dibuka untuk pertanian, kira-kira 2.2 juta ekar (atau 31%) adalah di bawah urusan estet, kebanyakannya estet getah dan yang lainnya kelapa sawit atau kelapa (ERT, ms. 78). Di Kelantan pula gambarannya tidak begitu jelas. Mengikut angka dari Jabatan Perangkaan, tanah di bawah urusan estet getah ialah sebanyak 72 buah dan meliputi 40,236 ekar, ataupun kira-kira 7.8% daripada semua tanah yang telah dibuka untuk pertanian di Kelantan. Tapi berdasarkan data-data tentang kawasan estet (ertinya yang tiap-tiap satu lebih dari 100 ekar) yang telah saya kumpulkan dari rekod-rekod Pejabat Tanah di Kuala Krai, Macang dan Tanah Mereah, didapati bahawa bilangannya semua, kebanyakan estet getah, ialah 68 buah dan luasnya 70,950 ekar, iaitu kira-kira 13.8% dari jumlah 514,693 ekar yang telah dibuka di negeri Kelantan itu (lihat Lampiran I). Yang pentingnya di sini ialah bahawa, sama ada didasarkan kepada angka-angka Chander atau pun saya sendiri, didapati bahawa persen tanah di bawah urusan estet dalam Kelantan adalah kurang daripada persen untuk peringkat Semenanjung. Dengan kata-kata lain, persen tanah yang diuruskan oleh pekebun-pekebun kecil adalah lebih tinggi di Kelantan daripada di Semenanjung seluruhnya.

Jadual III

Pembagian Estet Mengikut Luasnya
(Dari Angka-angka Chandar dan Penulis)

Keluasan (ekar)	Angka Chander		Angka Penulis	
	Bilangan	Persen	Bilangan	Persen
100 – 499	55	77.0	41	60.3
500 – 999	4	5.4	6	8.8
1,000 – 1,999	9	12.2	12	17.6
2,000 – 2,999	3	4.0	4	5.9
3,000 – 4,999	–	–	2	2.9
5,000 – 6,999	1	1.4	1	1.5
7,000 – 8,999	–	–	1	1.5
9,000 ke atas	–	–	1	1.5
Jumlah	72	100.0	68	100.0

Sumber: R. Chander, *Buku Maklumat* . ., Jadual 3.6, ms. 30; dan angka-angka yang dikumpul oleh penulis sendiri dari Pejabat-pejabat Tanah Kuala Krai, Macang dan Tanah Merah.

Perlu ditegaskan di sini bahawa angka Chander ialah untuk estet-estet getah manakala angka-angka saya ialah untuk semua jenis. Sebab bilangan estet yang diberikan oleh Chander itu lebih mungkin dapat dijelaskan. Saya telah mengira sebagai satu unit ladang-ladang yang sebelah-menyebelah dalam daerah yang sama, walaupun mereka terdaftar secara berasingan lot, dan kemungkinannya Chander telah mengira secara berasingan tiap-tiap estet yang didaftarkan berasingan. Tetapi perkara yang tidak dapat difahami dari angka Chander ialah bagaimana ia mencatitkan hanya satu sahaja estet yang melebehi keluasan 3,000 ekar, walhal sebagaimana yang tersimpan dalam rekod pejabat-pejabat tanah yang berkenaan didapati bahawa ada lima buah estet yang lebih luas dari itu. Dari jadual III ini kelihatan bahawa walaupun mengikut angka saya sendiri persen estet yang kecil dari 500 ekar ialah agak jauh kurangnya dari persen Chander, namun perbezaan persen bagi semua estet yang kurang dari 3,000 ekar antara kedua-dua angka ini tidaklah begitu besar, iaitu 98.6% mengikut Chander dan 92.6% mengikut angka saya.

Perusahaan ladang-ladang besar di Kelantan telah bermula sejak permulaan abad ke-20 ini, seperti di negeri-negeri lain juga. Pada bulan Oktober 1900 satu perjanjian telah dibuat di antara Raja Kelantan pada masa itu dengan seorang Inggeris bernama R.W. Duff. Beliau asalnya seorang pegawai yang ditugaskan untuk mengejar serta menangkap pahlawan-pahlawan Melayu Pahang yang telah menentang Inggeris, antaranya Datuk Bahaman dan Mat Kilau, yang telah melarikan diri ke utara. Kabarnya, apabila sampai ke kawasan Ulu Kelantan Duff telah tertarik dengan kesuburan bumi di sana, dan ia juga mempercayai kawasan itu mengandungi banyak bijih. Oleh sebab itulah ia berhenti kerja, pulang ke England untuk memulakan sebuah syarikat, dan kemudian meminta konsesi dari Raja Kelantan. Dengan Perjanjian tahun 1900, Duff telah diberi konsesi dalam dua kawasan: pertama, kawasan yang di sebelah utara sempadannya dari Kuala Kusial mengikut sungai ke ulu sampai sempadan Legeh, di timur sempadannya mengikut sungai dari Kuala Kusial sampai Kuala Sitom, dan di selatan sempadannya dari Kuala Sitom ikut sungai hingga ke ulu dan perbatasan Perak-Kelantan, dan di barat bersempadankan perbatasan Kelantan-Perak dan Legeh; keduanya, kawasan di timur meliputi sungai dari Kuala Lebir ke ulu sampai Kuala Ampul terus ke perbatasan Pahang, di barat meliputi sungai dari Kuala Lebir ke Kuala Bong dan terus ke ulu sampai perbatasan Pahang, dan di selatan bersempadankan perbatasan Kelantan-Pahang. Tidak ada pendapat sekata mengenai keluasan sebenar kedua-dua kawasan ini, ada yang menganggarkannya kira-kira 2,000 batu persegi dan ada pula yang menganggar sampai 3,000 batu persegi. Jika diambil angka yang lebih kecil ini, bererti lebih 1/3 negeri Kelantan telah diserahkan kepada orang Inggeris ini, dan mengikut angka yang lebih besar itu lebih ½ dari seluruh negeri Kelantan.

Mengikut perjanjian ini, tanah konsesi itu akan dikerjakan secara berkongsi dengan raja dan pihak-pihak lain, dan Duff berhak menjalankan segala usaha perlombongan, pembalakan dan lain-lain dengan apa cara yang dipilihnya. Duff berjanji membayar Kerajaan Kelantan sebanyak $2,000 apabila masuk sahaja untuk memulakan kerja, dan menunaikan cukai sebanyak 5% dalam bentuk wang atau barang, bagi bijih, logam, emas, permata dan kayu-kayan yang dihasilkan. Mengikut dokumen yang ditandatangani oleh kedua pihak yang sama pada bulan Ogos 1903 pula, untuk menjelaskan perkara-perkara yang dipertelingkahkan berpunca dari Perjanjian tahun 1900, Duff diakui sebagai mempunyai hak yang mutlak (tunggal) ke atas perlombongan, pertanian, pembalakan, hasil hutan, perairan, perhubungan jalan atau keretapi, pemajakan tanah untuk mendirikan bangunan, pengutipan sewa, dan segala urusan perdagangan termasuk monopoli ke atas penjualan minuman keras serta candu, dan pengurusan judi serta pajak-gadai. Raja cuma berhak membanci penduduk dalam kawasan-kawasan konsesi ini dan mengutip tiap-tiap tahun sekali $1 dari orang-orang Melayu dan $3 dari orang-orang Cina yang sudah dewasa, ataupun pada kawasan-kawasan tertentu $4 untuk Melayu dan $12 untuk Cina. Begitu murah sekali bumi Kelantan diserahkan kepada Inggeris.

Pada 15 Julai 1912 satu Surat Pemansuhan telah ditandatangani di antara Kerajaan Kelantan dengan Syarikat Duff Development. Syarikat itu, setelah menghadapi kesulitan-kesulitan kewangan telah bersetuju memulangkan hak ke atas tanah konsesi mereka kepada Kerajaan Kelantan dengan syarat Kerajaan itu membayar kepada Pemegang Amanah beralamat di Crown Agents, London, sejumlah £250,000 dengan ansuran berikut: £200,000 pada 31 Disember 1912, £50,000 pada 31 Disember 1913, dan selanjutnya sebanyak £50,000 kepada Syarikat Duff pada 31 Disember 1914, menjadikan jumlah besarnya £300,000 (atau kira-kira $2,500,000). Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, yang secara langsung di bawah pemerintahan Inggeris itu, telah bersetuju untuk memberikan hutang kepada Kerajaan Kelantan sebanyak $3,000,000 untuk membayar Syarikat itu. Anih sungguh, konsesi yang diberikan kepada Duff dengan bayaran $2,000 mesti diambil kembali dengan bayaran £300,000 pula, dan untuk menjelaskan bayaran ini terpaksa berhutang pula sebanyak $3,000,000!

Seolah-olah tidak cukup dengan pembayaran di atas, Syarikat Duff dibenarkan seterusnya memiliki "selama mata hari terbit" beberapa bidang tanah, tiap-tiap satu tidak kurang dari 2,000 ekar, tetapi jumlah semuanya hendaklah tidak melebihi 50,000 ekar, dengan bayaran cukai setinggi-tingginya 25 sen seekar. Ini termasuklah tanah-tanah yang telah pun digunakan oleh Syarikat itu untuk membuka estet getah masa itu. Sebenarnya, pada tahun 1909 Syarikat Duff Development telah pun memiliki ladang getah seluas 19,856 ekar (ARK, 1910, ms. 50), yang terdiri dari:

Kerila Estate	9,000 ekar
Lower Sokor Estate	1,236 ekar
Kenneth Estate	1,089 ekar
Taku Estate	2,296 ekar
Kuala Gris Estate	6,208 ekar

Selain dari estet-estet kepunyaan Syarikat Duff ada juga lain-lain estet kepunyaan Inggeris masa itu, tetapi keluasan tiap-tiap satu lebih kecil, dan jumlahnya cuma 8,400 ekar saja. Estet-estet itu ialah:

The Bagan Rubber Estate	1,000 ekar
The Bagan Rubber Co. Ltd.	4,000 ekar
The Kubang Yu Coconut Estate	1,000 ekar
The Bukit Ator Estate	1,900 ekar
The Pasir Puteh Coconut Estate	500 ekar

Daripada angka-angka di atas kelihatan bahawa Syarikat Duff dan lima lagi syarikat kepunyaan Inggeris memiliki seluas 28,256 ekar semuanya pada tahun

1909. Dua puluh tahun kemudian, bilangan syarikat asing bertambah menjadi 14 dan jumlah tanah yang dimilikinya ialah 60,096 ekar (Directory of Malaya, 1929, ms. 482–630). Sehingga tahun 1957 semua 14 syarikat ini terus memiliki luas tanah yang sama. Ini merupakan 20% daripada tanah pertanian di Kelantan; ertinya 14 buah syarikat asing, yang hampir semuanya kepunyaan Inggeris, menguasai seperlima daripada seluruh tanah yang telah dikerjakan untuk pertanian masa itu. Selepas 1957 banyak estet-estet asing telah dijualkan kepada pemodal-pemodal tempatan, terdirj dari orang-orang Cina terutamanya, dan ramai dari mereka bukannya orang Kelantan. Mengikut Chander (jadual 3.6, ms. 30), pada tahun 1969 dari 40,263 ekar tanah ladang getah di Kelantan itu, 18,535 ekar (atau 46.1%) adalah milik warganegara Malaysia, 19,738 ekar (atau 49%) milik Britain dan 1,990 ekar (atau 4.9%) milik warganegara Singapura. Dari angka yang telah dikutip mengenai keluasaan estet-estet ini, saya tidak mempunyai keterangan yang tepat tentang pembagian milik mengikut kewarganegaraan, tetapi mengikut anggaran kasar yang mungkin dibuat, milik warganegara berasal dari Britain itu masih juga dalam lingkungan 50% sekarang ini. Ertinya, walaupun tanah estet tidak begitu luas di Kelantan, namun yang sedikit itu pun kira-kira separuh adalah milik asing.

Sekarang kita berpaling kepada pemilikan di kalangan petani-petani kecil (bukan estet) pula. Konsep pemilikan yang tetap bagi satu-satu bidang tanah tertentu adalah perkara yang baru di kalangan mereka. Mengikut tradisi dahulu, orang boleh mengerjakan di mana dan seluas yang mereka pilih. Itu sebab agaknya dulu, di Kelantan, cukai yang dibayar kepada Raja ialah berdasarkan hasil yang dikeluarkan atau bilangan pokok yang ditanam, dan bukannya luas kawasan yang dimiliki. Tetapi mulai tahun 1898 keadaan telah berubah. Tanda milik, yang selalu dikenal sebagai 'geran lama' atau 'surat jualan' telah dikeluarkan atas nama raja.Tanda milik ini ditulis dengan tangan sahaja dan mengandungi lukisan kasar untuk menunjukkan letak tanah, dan sempadannya disebutkan tanpa ditanda dengan tepat. Mulai tahun 1907 geran-geran baru bergelar 'Surat Kebenaran Memiliki Tanah Kerajaan' telah dikeluarkan bagi semua tanah yang baru dibuka. Sistem cukai (atau hasil) yang baru juga diperkenalkan, dan didasarkan kepada luas tanah milik. Semua tanah dibagikan kepada empat kelas, dan cukainya ialah: untuk kelas I antara $1.00 dengan $1.30, kelas II 80 sen, kelas III 60 sen, dan kelas IV 40 sen; ini ialah untuk tiap-tiap satu ekar. Yang menarik perhatian ialah cukai-cukai ini lebih besar daripada cukai 25 sen yang telah dikenakan untuk tanah estet milik Inggeris pada masa yang hampir sama. (Untuk keterangan lebih lanjut tentang sistem milik tanah dan cukai ini lihat tisis M.A. oleh Lesli R. Robert, 1973, ms. 194–209.)

Yang penting dari segi perubahan ini ialah bahawa bukan saja milik didaftarkan, tetapi tanah milik dibagikan kepada lot-lot kecil, yang sempadannya ditentukan dengan tepat setelah diukur. Satu lot atau lebih boleh dikerjakan oleh seseorang atau sekeluarga petani kecil, dan tiap-tiap unit yang dikerjakan itu merupakan satu

tanah tani (farm) atau kadang-kadang disebut juga untuk getah sebagai kebun kecil. Mengikut Banci Pertanian 1961, di Semenanjung ini terdapat sebanyak 545,000 kebun kecil; dan di antaranya 48% kurang dari luas 3 ekar, 20% antara 3–5 ekar, 20% antara 5–10 ekar, dan baki 12% antara 10–99 ekar. Apabila diambil persen di antara keluarga petani kecil dengan semua keluarga dalam tiap-tiap negeri, maka didapati persen petani kecil adalah paling tinggi untuk Perlis, Kelantan dan Kedah, masing-masing dengan 65%, 56% dan 48%, dan paling rendah sekali untuk Pulau Pinang (15.6%) dan Selangor (16.6%). Di Kelantan, pembahagian tanah tani mengikut keluasan mereka ialah seperti jadual IV.

Jadual IV

Pembagian Tanah-tani Mengikut Keluasan

Luas (ekar)	Persen
0 – 1	9
1 – 1.9	29
2 – 2.9	30
3 – 3.9	18
4 – 4.9	8
5 – 6.9	5
Lebih dari 7	1
Jumlah	100

Sumber: S. Sevadurai, *Socio-economic Study*.., 1969, ms. iv.

Beberapa perkara perlu dijelaskan mengenai jadual ini. Pertamanya, angka-angka yang diberi ialah untuk 1961, dan kedua, ia terbatas kepada pertanian padi. Walaupun mungkin juga pola taburan ini tidak banyak berubah sehingga sekarang, tetapi gambaran untuk padi ini tidaklah boleh dianggap sebagai mewakili gambaran untuk yang lain, terutamanya getah. Ada kemungkinannya unit-unit bagi getah lebih besar, dan sudah pasti akan terdapat lebih ramai yang memiliki kawasan-kawasan lebih luas, membawa sampai 99 ekar. Namun demikian jadual ini sudah memadai agaknya untuk menunjukkan bahawa keluasan tanah yang dikerjakan oleh petani-petani adalah kecil sekali dan sebahagian besar darinya kurang dari 3 ekar. Petani-petani padi ini ada yang mengerjakan tanah sendiri, dan mana yang kekurangan tanah terpaksalah menyewa di samping itu, sementara yang tidak bertanah langsung perlu menyewa seluruh yang dikerjakan. Mengikut satu anggaran

oleh Jabatan Pertanian Kelantan, pada tahun 1973 bilangan petani padi yang tidak bertanah sudah jauh meningkat. Ini boleh dilihat daripada jadual V.

Jumlah petani padi di Kelantan ialah kira-kira 19% daripada seluruhnya untuk Semenanjung, dan Kelantan merupakan negeri yang mempunyai petani padi yang kedua besarnya selepas Kedah. Kira-kira 48% dari petani-petani padi Semenanjung mempunyai tanah yang dikerjakan sendiri semua atau sebagiannya, tetapi di Kelantan kategori ini adalah lebih kecil, iaitu 25%. Orang yang tidak bertanah dan menyewa penuh adalah 27% di Semenanjung dan 20% di Kelantan. Tetapi bagi mereka yang menyewa sebahagian, persennya di Kelantan (55%) adalah lebih besar daripada yang di Semenanjung (25%). Pada keseluruhannya petani-petani yang tidak atau kurang mempunyai tanah dan terpaksa menyewa sepenuh atau sebagian adalah jauh lebih besar di Kelantan (75%) daripada jumlah untuk Semenanjung (52%).

Jadual V

Pemilikan dan Pengerjaan Tanah Padi
Di Kalangan Petani-petani Kelantan, 1973.

Jenis Pemilikan dan Pengerjaan	Semenanjung		Kelantan	
	Bilangan	Persen	Bilangan	Persen
Betanah Sendiri	142,710	48	14,000	25
Menyewa Sebagian	73,030	25	30,800	55
Menyewa Sepenuh	80,260	27	11,200	20
Jumlah	296,000	100	56,000	100

Sumber: Jabatan Pertanian dan Perikanan, Kota Bharu.

C: Pembagian Pendapatan

Pada tahun 1970 pendapatan per-kapita untuk negeri ini ialah kira-kira $1080, dan pada tahun 1974 dianggarkan lebih kurang $1300. Berdasarkan kepada unit keluarga pula, didapati bahawa pendapatan pukul rata untuk tiap-tiap bulan telah naik dari $220 sekeluarga pada tahun 1957 kepada $275 sekeluarga pada tahun 1970. Tetapi pendapatan pukul rata bagi tiap-tiap orang atau tiap-tiap keluarga tidak menunjukkan perbezaan pendapatan yang sebenarnya dalam masyarakat. Misalnya, pada tahun 1957, 20% dari semua keluarga yang berpendapatan tinggi sekali telah menerima hampir-hampir 50% dari seluruh jumlah pendapatan, manakala 60% keluarga yang tergolong dalam kategori pendapatan paling rendah telah menerima cuma 30% daripada seluruh pendapatan. Pada tahun 1970 pula,

20% yang di atas itu menguasai 56% dari pendapatan semua keluarga, manakala yang 60% di bawah itu pula menguasai 25% dari seluruh pendapatan. Dua perkara yang jelas dari angka-angkat ini ialah: pertama, sebilangan kecil yang berpendapatan tinggi menguasai sebagian besar dari seluruh pendapatan dalam negeri, dan sebilangan besar orang yang berpendapatan rendah menguasai hanya sebagian kecil dari seluruh pendapatan itu, dan kedua, jurang di antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan yang berpendapatan rendah telah semakin meluas di antara 1957 dengan 1970 (ERT, ms. 84).

Perbezaan pendapatan terdapat di antara golongan kaum (ethnik) yang berlainan, dan juga di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Berbanding dengan pendapatan pukul rata $275 sebulan untuk tiap-tiap keluarga pada 1970 tadi, didapati bahawa pendapatan pukul rata bagi keluarga Melayu ialah 68% dari jumlah tersebut, manakala untuk keluarga Cina pula kira-kira 1½ kali lebih besar. Kemudian, manakala diambil angka-angka yang terdapat dalam buku Ulangkaji (MTR, ms. 2–3), kelihatan bahawa 27% daripada keluarga di negeri ini berpendapatan kurang dari $100, dan 31% berpendapatan antara $100–$200; maknanya 58% berpendapatan kurang dari $200 sebulan untuk satu keluarga. Seterusnya didapati 90% dari keluarga yang berpendapatan kurang dari $100, dan 76.2% dari mereka yang berpendapatan antara $100–$200 itu adalah dari kawasan luar bandar. Tegasnya 82.6% dari keluarga-keluarga yang berpendapatan kurang dari $200 sebulan ialah orang-orang kampung.

Jadual VI
Pendapatan Per-kapita Untuk Tiap-tiap Negeri
Berbanding Dengan Pendapatan Pukul Rata Untuk
Semenanjung, 1965 dan 1970

Negeri	1965	1970
Selangor	1.47	1.49
Negeri Sembilan	1.11	1.16
Perak	1.12	1.07
Pahang	1.11	1.04
Johor	0.99	0.98
Kedah	0.83	0.81
Perlis	0.76	0.80
Pulau Pinang	0.73	0.78
Melaka	0.73	0.69
Trengganu	0.61	0.60
Kelantan	0.52	0.52

Sumber: MTR, jadual 1–5, ms. 18.

Kelantan merupakan sebuah negeri yang hampir semua penduduknya adalah Melayu. Lagi pula sebagian besar daripada mereka ini tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Sebagaimana yang telah disebutkan lebih awal, bilangan orang Kelantan yang terlibat dalam pertanian adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan persen bagi Semenanjung, dan begitu juga jumlah yang tiada atau kekurangan tanah adalah besar juga. Tambahan, perladangan tidak begitu meluas, perkilangan cara kecil-kecilan sahaja, dan perlombongan boleh dikatakan tidak wujud sama sekali. Semua ini boleh menyebabkan pendapatan kasar bagi negeri Kelantan dan sekaligus pendapatan per-kapitanya menjadi rendah.

Angka-angka dalam jadual VI di-atas didasarkan kepada perbandingan dengan pendapatan pukul rata (atau per-kapita bagi seluruh negeri). Jikalau pendapatan ini. dianggap sebagai 1.00, maka tiap-tiap angka dalam jadual ini merupakan nisbah darinya, dan sebenarnya nisbah ini boleh ditukarkan menjadi persen. Dari jadual ini jelaslah di antara negeri dalam Semenanjung, Kelantanlah yang paling rendah sekali pendapatan per-kapitanya. Kedudukan ini tidak berubah antara tahun 1965 hingga 1970. Pendapatan per-kapitanya adalah separuh dari Pahang, dan sepertiga dari Selangor. Walaupun tidak ada pembagian mengikut pendapatan yang berbeza-beza, tetapi tidak keterlaluan jika disimpulkan bahawa golongan miskin di Kelantan adalah lebih ramai, dan mungkin lebih buruk keadaan kemiskinannya daripada yang terdapat di negeri-negeri lain. Begitu pula, yang kaya adalah segelintir sahaja, tetapi sangat kaya.

D: Kesimpulan

Dalam bab I telah ditunjukkan bahawa manakala diambil keluarga-keluarga yang mempunyai pendapatan per-kapita $25 sebulan sebagai garis kemiskinan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jabatan Perbendaharaan, maka didapati bahawa 40.2% daripada semua keluarga di Semenanjung boleh dianggap sebagai dalam keadaan miskin. Dibanding dengan negeri-negeri lain, Kelantan mempunyai jumlah keluarga miskin paling ramai (iaitu 64.9%), diikuti oleh Perlis (58.7%), Trengganu (55.1%), dan Kedah (40.8%) (ERT, ms. 85). Bagaimana hendak meninjau keadaan di Kelantan ini dari segi teori-teori kemiskinan yang telah dihuraikan terdahulu dari ini?

Pertamanya, dari segi bilangan penduduk, dilihat bahawa jumlah penduduk di Kelantan masih kecil lagi dibanding dengan jumlah tanah yang boleh dibuka dalam negeri itu. Bahkan kadar pendapatan penduduk adalah lebih tinggi untuk seluruh Semenanjung daripada Kelantan sendiri. Walaupun begitu persen orang yang dalam keadaan miskin di Kelantan adalah lebih tinggi dari persen untuk Semenanjung. Penambahan pemberian tanah yang lebih cepat lagi kepada rakyat boleh menghambat penambahan penduduk, dan tentu dapat melegakan sedikit tekanan kemiskinan yang ada sekarang. Yang hendak ditegaskan ialah bahawa silap sekali jika

bilangan penduduk hendak dipandang sebagai punca utama bagi kemiskinan rakyat di Kelantan.

Kedua, orang Kelantan selalu disanjung sebagai orang-orang yang rajin bekerja, dan berani berdikari dalam menjalankan usaha-usaha tertentu; misalnya, lebih dari orang-orang Melayu di negeri-negeri lain mereka paling cergas berniaga. Bukan sahaja di negeri sendiri ramai orang Kelantan yang menyertai bidang-bidang perusahaan dan perniagaan, akan tetapi apabila keluar ke negeri-negeri lain pun mereka terkenal dengan usaha berniaga mereka. Kesan lahir yang didapati ialah bahawa orang-orang Kelantan ini bukannya terdiri dari mereka yang malas atau mempunyai motivasi yang rendah. Sekurang-kurangnya tidak ada alasan untuk mengatakan motivasi mereka lebih rendah daripada orang-orang Melayu di negeri-negeri lain, tetapi sebaliknya ada asas untuk menyimpulkan bahawa dengan usaha-usaha yang mereka sertai, motivasi kecapaian mereka mungkin lebih tinggi lagi. Hendak dikatakan orang-orang Kelantan suka menyerah kepada nasib atau rezeki pun tidak tepat. Bukankah ramai antara mereka yang membuka tanah, walaupun secara haram, di negeri sendiri bahkan di negeri-negeri lain yang jauh dari keluarga dan kampung halaman, untuk mencari kehidupan atau untuk memperbaiki kehidupan yang terdesak? Tetapi kadar kemiskinan tetap paling tinggi di Kelantan. Jadi bagaimanakah hendak dikatakan nilai merekalah yang menyebabkan kemiskinan ini?

Ketiga, dari segi modal dan teknoloji, memanglah dapat diakui bahawa peringkat-nya masih rendah di Kelantan. Modal-modal luar yang digalakkan masuk ke Semenanjung tidak banyak yang mengalir ke Kelantan. Pemodal-pemodal asing tidak menanam modal untuk menaikkan taraf hidup rakyat, akan tetapi untuk mendapat untung besar. Kos untuk memulakan perindustrian di Kelantan agak tinggi, sebab jauh dan kekurangan syarat-syarat penting, seperti sistem pengankutan yang effisien dan kemudakan pelabuhan. Lombong-lombong pun belum ada lagi untuk menarik pemodal-pemodal besar berluma-lumba datang mencurahkan modal mereka. Lagi pula, semasa tampuk Kerajaan Kelantan dipegang oleh PAS dari 1959 hingga 1974 yang pada waktu itu mencabar kedudukan UMNO, Kerajaan Pusat telah menyekat penyaluran peruntukan-peruntukan bagi pembangunan. Jadi tidak peliklah jikalau perkara-perkara ini semua meneruskan lagi keadaan di mana perusahaan dan perkilangan diusahakan dalam jangka kecil dan tidak menggunakan teknoloji yang banyak. Akibatnya kuranglah pembangunan, kurang pengeluaran kasar negeri, dan kecil pendapatan per-kapita. Tetapi jikalau ada modal dan teknologi yang bertambah, dan masih wujud juga sistem penguasaan ekonomi yang membenarkan monopoli oleh sebilangan kecil yang kaya, walaupun pendapatan per-kapita boleh meningkat, tidak semestinya pula hasil yang bertambah itu akan menyerap sampai ke bawah untuk dikecap oleh sebagian besar dari golongan miskin itu. Bahkan jurang di antara miskin dan kaya boleh bertambah luas dibuatnya.

Akhirnya, memang wujud struktur sosio-ekonomi yang membenarkan perbezaan yang besar dalam pemilikan. Dari segi pengeluaran masih diteruskan apa yang

kadang-kadang dijeniskan sebagai tinggalan-tinggalan dari sistem feudal, iaitu yang menjelma dalam bentuk sebilangan kecil tuan tanah menguasai banyak tanah, manakala sebilangan besar petani ketiadaan atau kekurangan tanah terpaksa mengerjakan tanah orang lain atas dasar sewaan atau pawahan. Selain dari itu sudah meresap masuk pula unsur-unsur dari sistem kapitalis. Dari segi pengeluaran ia menjelma dalam bentuk penanaman modal dan pemilikan ke atas kawasan-kawasan perkilangan dan juga pembalakan. Dari segi pemasaran pula terdapat rantaian peniaga-peniaga yang berperingkat-peringkat cuba membeli hasil tani dengan harga yang murah. Tetapi perlu diakui bahawa peresapan dari sistem kapitalis ini masih belum meluas lagi, dan pemilikan tanah dan modal oleh pemodal-pemodal asing di Kelantan tidak sebanyak yang terdapat di setengah-tengah negeri dalam Semenanjung. Walau macamana pun tidak pula dapat dinafikan bahawa kebanyakan petani miskin di Kelantan adalah membeban penindasan yang berlapis-lapis dari tuan-tuan tanah serta orang-orang tengah, dan juga mangsa proses pemunggahan untung oleh pemodal-pemodal luar dan asing, dan tingkat pembangunan yang masih rendah lagi.

Bab III

PEMILIKAN TANAH DI KELANTAN

Dalam bab II kita telah melihat secara umum kedudukan milik tanah pada peringkat negeri. Dalam bab ini akan ditumpukan pula perhatian kepada kawasan-kawasan yang lebih khusus di peringkat bandar dan kampung yang tertentu. Bandar yang dipilih ialah Kota Bharu, iaitu ibu negeri Kelantan sendiri; dan kawasan-kawasan kampung pula ialah Kubang Kerian, Wakaf Stan dan Demit, ketiga-tiganya berdekatan di antara satu sama lain, dan Pasir Pekan. (Untuk meringkaskan, maka apabila ketig-tiga kampung yang berdekatan itu dimaksudkan sekaligus, akan disebut Kubang Kerian dll. saja.) Dengan penumpuan yang lebih khusus ini diharap gambaran tentang beberapa perkara penting berkaitan dengan pemilikan tanah di Kelantan akan menjadi bertambah jelas lagi.

A. Pemilikan Tanah di Kota Bharu

Kota Bharu ialah bandar terbesar sekali di Kelantan, dan yang kelapan besarnya di seluruh Semenanjung. Mengikut Banci 1970, jumlah penduduk dalam kawasan bandarannya ialah seramai 55,124 orang. Luas kawasannya meliputi 2,685.7 ekar dan mengandungi 5,162 lot. Untuk pendaftaran milik, bandar Kota Bharu dibagi kepada 28 seksi, 25 daripadanya di bawah Kawasan Simpanan Melayu, dan tiga sahaja — iaitu kawasan-kawasan 9, 10 dan 11 — yang tidak termasuk sebagai kawasan simpanan. Bilangan penduduk di bandar ini yang memiliki tanah dalam Kota Bharu ialah 5,542 orang, dan ini merupakan kira-kira 10.7% daripada jumlah penduduk di sana seluruhnya.

Jadual VII menunjukkan bahawa tanah di Kota Bharu dimiliki oleh institusi-institusi dan juga orang-orang perseorangan. Daripada jumlah 5,162 lot tanah, kira-kira 8.5% dimiliki oleh institusi dan 91.2% dimiliki oleh orang perseorangan; manakala dari jumlah 2,685.7 ekar, 37.2% dimiliki oleh institusi dan 62.7% dimiliki oleh orang perseorangan. Angka-angka ini menunjukkan bahawa lot-lot yang dimiliki oleh institusi-institusi adalah lebih luas bidangnya daripada lot-lot yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan. Di antara orang-orang perseorangan kelihatan bahawa orang Melayulah yang memiliki paling banyak lot (75.2%) dan paling luas bidang tanah (57.3%). Di antara orang-orang Melayu ini pula raja serta kerabat-kerabatnya, yang tentunya merupakan hanya sebahagian kecil sahaja dari orang-orang Melayu, memiliki 322.86 ekar, atau kira-kira seperlima dari seluruh milik orang-orang Melayu yang berjumlah 1,540.53 ekar itu.

Telah disebutkan bahawa Kota Bharu mengandungi 28 seksi dan berbeza keluasannya. Pembagian milik di tiap-tiap kawasan mengikut institusi dan orang perseorangan atau mengikut kaum adalah berbeza-beza. Sebagaimana yang jelas daripada jadual VIII penumpuan milik Kerajaan ialah di seksi 28 dan 12, dengan tidak ada apa-apa di kawasan-kawasan 3, 4, 5 dan 10. Majlis Ugama kebanyakan miliknya di seksi 8 dan 28, manakala milik syarikat pula kebanyakannya di seksi-

Jadual VII

Pembahagian Milik Tanah Kota Bharu
Mengikut Bilangan Lot dan Luasnya

Jenis Pemilik	Lot	Persen	Luas (Ekar)	Persen
Institusi:	441	8.5	1,001.10	37.2
Kerajaan	353	6.8	940.55	35.0
Majlis Ugama	41	0.8	32.93	1.2
Syarikat	47	0.9	27.62	1.0
Perseorangan:	4,714	91.2	1,682.02	62.7
Melayu:	3,883	75.2	1,540.53	57.3
Raja & Kerabat	505	9.8	322.86	12.0
Kebanyakan	3,378	65.4	1,217.67	45.3
Cina	803	15.5	135.57	5.2
India	28	0.5	5.92	0.2
Lain-lain	7	0.1	2.58	0.1
Jumlah	5,162	99.8	2,685.70	100.0

Sumber: Dirumuskan dari kiraan tiap-tiap lot dalam Daftar Milik di Pejabat Tanah, Kota Bharu.

seksi 7, 13, 21, 25 dan 28. Orang-orang Melayu kebanyakan mempunyai milik di semua seksi, dan tidak banyak perbezaan miliknya di antara satu kawasan dengan kawasan lain, tetapi golongan raja dan kerabat lebih banyak miliknya di seksi-seksi 17 dan 27, dan tidak memiliki apa-apa di seksi-seksi 1, 2, 14 dan 20. Orang-orang Cina mempunyai milik di hampir semua seksi melainkan seksi-seksi 17, 22, 27 dan 28, dan milik mereka boleh dikatakan sama banyak sahaja bagi semua seksi, tetapi tinggi sedikit di seksi-seksi 1 dan 19, manakala orang-orang India miliknya ber-

tumpu di seksi-seksi 9, 10 dan 21. Yang menarik perhatian ialah orang-orang Cina dan India ini memiliki juga tanah di seksi-seksi yang diperundang-undangkan sebagai Kawasan Simpanan Melayu.

Jadual VIII

Pembagian Milik Institusi dan Perseorangan
Dalam 28 Seksi di Kota Bharu (Dengan Persen)

Kawasan	Kerajaan	Majlis Ugama	Syarikat	Raja & Kerabat	Melayu Kebanyak	China	India	Lain-lain	Jumlah
1	1.2	4.5	–	–	6.0	17.9	–	–	4.1
2	0.1	–	–	–	1.7	3.7	–	–	1.0
3		3.0	–	7.1	2.1	3.9	–	–	2.1
4		6.0	–	0.2	4.5	2.7	–	9.7	2.3
5		–	–	0.1	1.0	–	–	–	0.5
6	0.4	3.3	4.5	1.7	0.2	3.3	5.2	–	0.7
7	0.6	–	16.9	7.7	0.9	1.8	–	–	1.8
8	–	30.2	–	3.8	1.5	1.7	–	–	1.6
9	2.1	1.3	0.5	0.1	0.8	9.7	13.8	–	1.7
10	–	2.3	–	–	0.6	3.2	29.9	–	0.5
11	–	1.9	3.1	1.1	0.6	6.4	3.2	–	0.8
12	11.2	0.8	–	4.6	1.1	0.9	4.6	24.8	5.1
13	0.3	–	10.9	3.6	2.3	2.9	2.9	–	1.8
14	0.1	–	–	–	3.3	5.5	–	–	1.8
15	1.0	–	1.0	0.1	3.0	0.2	–	–	1.7
16	0.2	4.4	–	6.2	1.8	2.1	2.0	–	1.8
17	0.9	–	–	40.2	5.3	–	–	–	7.6
18	0.8	–	–	0.1	4.9	0.2	–	–	2.5
19	1.5	3.5	0.8	0.7	2.4	12.0	–	–	2.3
20	3.0	2.8	–	–	4.1	2.1	9.0	–	3.1
21	1.4	–	16.9	2.0	6.5	3.5	29.4	–	4.1
22	0.6	–	–	0.2	4.2	–	–	–	2.2
23	0.1	–	1.1	0.5	5.7	1.8	–	–	2.8
24	0.3	0.2	–	5.9	3.6	3.2	–	–	2.6
25	0.2	–	11.5	1.0	4.8	9.7	–	–	3.0
26	0.7	–	–	0.5	8.6	1.8	–	65.5	4.4
27	5.9	–	0.1	10.6	10.6	–	–	–	8.1
28.	67.3	11.7	32.7	2.6	7.9	–	–	–	28.2
Jumlah %	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Jumlah Ekar	940.0	32.9	27.6	322.9	1,217.7	135.6	5.9	2.6	2,685.7

Sumber: Dirumuskan dari kiraan tiap-tiap lot dalam Daftar Milik di Pejabat Tanah, Kota Baharu.

Kerajaan, Majlis Ugama dan syarikat-syarikat memiliki banyak lot tanah dalam seksi-seksi yang berlainan. Tetapi di kalangan orang perseorangan terdapat keadaan-keadaan yang berbeza pula: ada lebih dari seorang memiliki satu lot yang sama, seorang mempunyai satu lot, atau seorang memiliki lebih dari satu lot, sama ada dalam seksi yang sama atau berlainan. Jumlah semua orang yang tercatit sebagai memiliki lot-lot tanah di Kota Bharu ialah seramai 5,993 orang; dan angka ini lebih daripada jumlah yang telah diberikan terlebih dulu sebagai pemilik, iaitu 5,542 orang, Ada sebabnya. Setengah-setengah pemilik telah dikira lebih dari sekali, sebab kiraan dibuat atas dasar tiap-tiap seksi. Ertinya, jikalau nama A tercatit dalam daftar sebagai mempunyai tanah di lima seksi, maka ia telah dikira lima kali, bukan sekali sahaja, kerana dari mula-mula dianggap bahawa nama boleh serupa tetapi orangnya mungkin lain-lain. Seterusnya jika lima orang memiliki satu lot yang sama, maka dianggap setiap orang sebagai pemilik satu lot itu.

Jadual IX menunjukkan bahawa pada keseluruhannya banyak pemilik memiliki hanya satu lot tanah, persennya paling tinggi untuk orang Melayu kebanyakan (89.1%) dan orang Cina (85.7%). Tetapi untuk raja dan kerabatnya, lebih kecil jumlah di kalangan mereka yang memiliki satu lot saja (61.4%). Cuma 24 orang saja yang memiliki lebih dari 10 lot, dan di antara mereka separuh adalah dari golongan raja dan kerabat. Seterusnya daripada empat orang yang memiliki lebih dari 25 lot, tiga ialah dari golongan raja dan kerabatnya juga, dan yang seorang lagi Cina.

Jadual IX

Pembagian Pemilik Perseorangan
Mengikut Bilangan Lot Yang Dimiliki

Bilangan Lot	Raja & Kerabat		Melayu Kebanyakan		Cina		India	
	Lot	Persen	Lot	Persen	Lot	Persen.	Lot	Persen
1	151	61.4	4,326	89.1	671	85.7	3	37.5
2	28	11.4	382	7.9	80	10.2	2	25.0
3	10	4.1	74	1.5	11	1.4	–	–
4	13	5.3	24	0.5	7	0.9	2	25.0
5–10	32	13.0	47	1.0	6	0.8	–	–
11–25	9	3.7	3	0.1	7	0.9	1	12.5
25–50	1	0.4	–	–	–	–	–	–
51–100	1	0.4	–	–	1	0.1	–	–
Lebih 100	1	0.4	–	–	–	–	–	–
Jumlah	246	100.0	4,856	100.0	783	100.0	8	100.0

Sumber: Dirumuskan dari kiraan tiap-tiap lot dalam Daftar Milik di Pejabat Tanah, Kota Bharu.

Bilangan lot sahaja tidak memberikan gambaran yang tepat tentang luas pemilikar yang sebenar, kerana ada lot yang besar bidangnya dan ada pula yang kecil. Lebih tepat lagi jika dibuat pembagian mengikut luas tanah yang dimiliki, dengan tidak dikira sangat bilangan lotnya. Tetapi untuk membuat pembagian mengikut ekar agak sulit sedikit, sebab tanah-tanah yang dimiliki di bandar Kota Bharu, sebagaimana di bandar-bandar lain, kebanyakannya kecil-kecil belaka. Oleh kerana itu lebih baik dibuat pembagian mengikut luas kaki persegi tanah yang dimiliki. Jadual berikut menunjukkan pembagian tersebut bagi pemilik-pemilik perseorangan yang sama.

Dari jadual X ini didapati lebih suku daripada golongan raja dan kerabat (26.8%), hampir separuh dari Melayu kebanyakan (48.2%), dan lebih tiga suku dari Cina memiliki kurang dari 10,000 kaki persegi. Sebaliknya pula, kira-kira 26.4% dari raja dan kerabat, 9.7% dari Melayu kebanyakan, dan 8.2% dari Cina memiliki lebih dari 50,000 kaki persegi, atau pun lebih dari satu ekar (1 ekar = 43,560 kaki persegi). Jika diambil pula mereka yang memiliki lebih dari 5 ekar, didapati bilangan mereka cuma 14 orang saja, atau kira-kira 0.02% daripada jumlah 55,124 orang penduduk dalam Kota Bharu, sebagaimana yang diberikan pada awal bab ini. Jumlah milik

Jadual X

Pembagian Pemilik Perseorangan Mengikut
Luas Tanah (Persegi Kaki) Yang Dimiliki

Luas Tanah (kaki)	Raja & Kerabat		Melayu Kebanyak		Cina		India	
	Bil.	Persen	Bil.	Persen	Bil.	Persen	Bil.	Persen.
0–100	–	–	4	0.1	4	0.5	–	–
101–250	–	–	1	–	1	0.1	–	–
251–500	1	0.4	41	0.8	20	2.6	–	–
501–1,000	–	–	102	2.9	33	4.2	–	–
1,000–2,500	35	14.2	537	11.1	334	42.7	–	–
2,501–5,000	12	4.9	665	13.7	78	10.0	1	12.5
5,001–10,000	18	7.3	950	19.6	133	17.0	3	37.5
10,001–25,000	72	29.3	1,032	21.3	79	10.1	2	25.0
25.001–50.000	43	17.5	1,050	21.6	37	4.7	2	
50,001–100,000	17	6.9	400	8.2	54	6.9	–	–
Lebih 100,000	48	19.5	74	1.5	10	1.3	–	–
Jumlah	246	100,0	4,856	100.0	783	100.0	8	100.0

Sumber: Dirumuskan dari kiraan tiap-tiap lot dalam Daftar Milik di Pejabat Tanah, Kota Bharu.

mereka ialah 297.99 ekar, atau 11% daripada keluasan Kota Bharu sendiri. Ini bererti 0.02% orang menguasai 11% tanah di bandar itu. Daripada 14 orang ini 2 bukan-Melayu, dan 12 Melayu; 6 daripada Melayu itu ialah raja dan kerabatnya. Sultan seorang memiliki 154.18 ekar ataupun lebih separuh daripada luas tanah yang dimiliki oleh 14 orang pemilik terbesar ini.

Sekarang boleh dibuat perhatian tentang tiga orang yang paling luas sekali milik tanahnya di Kota Bharu, iaitu Sultan Yahya, Tan Sri Tengku Razaleigh, dan Datuk Foo See Moi. Tanah Sultan cuma 20 lot sahaja, tetapi luas kawasannya besar. Kebanyakan dari tanah Sultan adalah di seksi 17, di mana terletaknya istana, di Kampung Sirih. Luas tapak istana ini kira-kira 61½ ekar, dan milik tanah ini ialah atas nama isterinya Tengku Zainab (2/3 bahagian), serta anaknya Tengku Rozan (1/3 bahagian). Tengku Razaleigh memiliki kira-kira 17.49 ekar, kebanyakannya di seksi 16. Kesemuanya beliau memiliki sendiri 121 lot, menjadi Pemegang Amanah untuk harta arwah ayahnya bagi 33 lot, dan berkongsi dengan orang lain untuk 9 lot. Jadi beliau menjadi pemilik langsung dan tidak langsung ke atas 163 lot. Datuk Foo See Moi memiliki 16.31 ekar terdiri dari 73 lot di seksi-seksi 11 dan 19. Tanah yang dimiliknya di seksi 19 ialah di Kampung Limau Manis sebanyak 70 lot. Seksi ini termasuk dalam Kawasan Simpanan Melayu. Mengikut peraturan, orang bukan-Melayu yang menjadi rakyat Kelantan hanya boleh memiliki tanah di kawasan Melayu jika ada persetujuan dari Sultan-dalam-majlis, atau Majlis Kerja Negeri. Tentunya beliau telah mendapat persetujuan dari Majlis ini.

B. Pemilikan Tanah Di Peringkat Kampung

Bahagian ini tidak akan membicarakan kedudukan pemilikan kampung bagi seluruh Kelantan, kerana tidak ada data untuk berbuat demikian. Perhatian akan ditumpukan kepada hanya tiga buah kampung dalam daerah Lundang, iaitu Kubang Kerian, Demit dan Wakaf Stan. (Seperti telah disebut, nama Kubang Kerian dll. akan digunakan bila dimaksudkan ketiga-tiga kampung ini sekaligus). Sebagai perbandingan akan disentuh juga kawasan di sekitar Pasir Pekan dalam daerah Wakaf Baru. Lundang terletak dalam jajahan Kota Bharu, manakala Pasir Pekan dalam jajahan Tumpat. Kubang Kerian merupakan sebuah pekan kecil cuma kira-kira 6 batu sahaja ke selatan bandar Kota Bharu, mengikut jalan ke Pasir Putih. Letaknya sebelah-menyebelah dengan Demit dan Wakaf Stan. Pasir Pekan pula cuma kira-kira 2 batu saja di sebelah barat bandar Kota Bharu dan 11 batu dari bandar Tumpat. Oleh sebab berdekatan sekali dengan Kota Baru, maka sudah tentulah keempat-empat kawasan itu mudah terbuka kepada pengaruh ekonomi dan sosial dari bandar itu. Sudah tentu mereka tidak begitu mewakili kampung-kampung yang lebih jauh lagi dari bandar. Tetapi, walaupun dekat dengan bandar, mereka masih kuat merupakan kawasan pertanian, dengan sebagian besar daripada penduduknya bergantung untuk hidup kepada pertanian, dan suasana di dalamnya pun bukan suasana bandar tetapi kampung, sebagaimana yang dirasai di kebanyakan kampung dalam negeri ini.

Pekan Kubang Kerian merupakan tempat bertumpunya beberapa buah kedai dan juga dua tiga kilang papan dan batu-bata yang kecil, tetapi luar dari pekan itu kegiatan yang banyak dilakukan ialah pertanian padi dan getah. Lebih-lebih lagi di Demit dan Wakaf Stan, di mana pertanian yang serupa memainkan peranan utama, dengan padi sebagai kegiatan lebih penting dari getah, ditinjau dari segi luas kawasan dan bilangan orang yang terlibat. Di Wakaf Stan terdapat juga usaha menanam sayur. Bilangan keluarga di Wakaf Stan dan Demit masing-masing ialah kira-kira 290 dan 220, manakala di Kubang Kerian lebih kurang 500 keluarga. Pengkajian telah didasarkan ke atas 280 keluarga yang dipilih secara agak arbitrari, iaitu 100 di Wakaf Stan, 100 di Demit dan 80 di Kubang Kerian. Keterangan-keterangan yang diberi dan analisa-analisa yang dibuat selanjutnya berdasarkan 280 keluarga ini sahaja.

Tanah-tanah yang dimiliki di kawasan-kawasan ini digunakan terutama sekali untuk padi, getah, dusun dan tapak rumah. Luas tanah yang dimiliki oleh semua keluarga yang dikaji ialah 498.5 ekar semuanya, iaitu: 178.0 ekar di Wakaf Stan, 159.9 ekar di Demit dan 160.6 ekar di Kubang Kerian.

Jadual XI

Keluasan Tanah Mengikut Jenis-Jenis Kegunaan

Jenis Tanah	Wakaf Stan		Demit		Kubang Kerian		Jumlah	
	Ekar	Persen	Ekar	Persen	Ekar	Persen	Ekar	Persen
Padi	65.3	36.6	71.5	44.7	42.5	26.4	179.3	36.0
Getah	59.0	33.2	22.5	14.1	79.8	49.6	161.3	32.2
Dusun	16.5	9.3	21.7	13.6	21.8	13.6	60.0	12.0
Tapak Rumah	37.2	20.9	44.2	27.6	16.5	10.3	97.9	19.7
Jumlah	178.0	100.0	159.9	100.0	160.6	99.9	498.5	99.9

Sumber: Data-data dari soal-selidik.

Jadual XI ini memberikan gambaran tentang tanah yang dimiliki dan bukannya tanah yang dikerjakan. Untuk kesemua tiga kawasan 36% yang dimiliki ialah tanah padi, tetapi bila diambil tiap-tiap kawasan, didapati bahawa persen milik di Demit adalah lebih besar (44.7%) manakala Kubang Kerian adalah lebih kecil (26.4%). Mengenai getah pula, yang mengambil tempat kedua dalam seluruh kawasan, ia lebih penting dari padi di Kubang Kerian (49.6%), dan jatuh tempat ketiga selepas tanah tapak rumah di Demit (14.1%). Persen padi dan getah yang dimiliki di Wakaf Stan hampir sama banyaknya dengan persen bagi semua kawasan.

Jadual XII

Pembagian Keluarga Mengikut Jenis-Jenis Kegunaan Tanah (Dengan Persen)

Jenis Tanah	Wakaf Stan	Demit	Kubang Kerian	Jumlah
Padi	53.0	81.0	60.0	65.0
Getah	26.0	21.0	15.0	21.0
Dusun	23.0	31.0	22.5	25.8
Tapak Rumah	95.0	100.0	87.5	94.6
Jumlah Keluarga	100	100	80	280

Sumber: Data-data dari soal-selidik.

Tidak semua orang memiliki setiap jenis tanah, ada yang memiliki tanah satu jenis kegunaan sahaja, ada yang memiliki lebih dari satu bidang tanah dan tiap-tiap bidang berlainan kegunaannya, dan ada pula yang memiliki satu bidang sahaja tapi digunakan untuk lebih dari satu jenis tanaman. Dalam jadual XII kelihatan secara keseluruhan hampir semua (94.6%) keluarga memiliki tapak rumah sendiri, bahkan di Demit setiap orang yang dikaji memilikinya. Selepas dari itu 65% dari keluarga-keluarga ini mempunyai tanah padi, manakala yang memiliki tanah getah dan dusun tidak begitu besar jumlahnya, masing-masing 21% dan 25.8%. Diambil secara berasingan, Demit memperlihatkan jumlah orang yang ramai memiliki tanah padi, dan di sini pertanian padi memang merupakan jenis kegiatan yang sangat penting.

Jika diambil jadual XII bersama-sama dengan jadual XI, maka dilihat bahawa 65% daripada kesemua 280 keluarga mempunyai tanah padi yang berjumlah 179.3 ekar, iaitu 36% daripada jumlah semua tanah yang dimiliki oleh keluarga-keluarga ini; 21% keluarga memiliki 161.3 ekar (atau 32.2%) getah; 25.8% keluarga memiliki 60 ekar (atau 12%) dusun; dan 94.6% keluarga memiliki 97.9 ekar (atau 19.7%) tapak tanah. Daripada perbandingan ini dapat diketahui secara kasar bahawa luas tanah getah yang dimiliki bagi tiap-tiap pemilik adalah lebih besar daripada luas tanah padi bagi setiap pemilik juga. Keluasan tapak rumah yang dimiliki oleh satu-satu keluarga, hitung panjang, adalah paling kecil sekali, dan ini memanglah sewajarnya, sebab tentulah tapak rumah lebih kecil bidangnya daripada tanah yang digunakan untuk pertanian.

Tidak kira apa jenis yang dimiliki di ketiga-tiga kawasan yang dikaji ini, terdapat perbezaan milik — ertinya, lain orang lain keluasan miliknya. Walaupun dari jadual XII dapat diketahui berapa persen yang memiliki, dan dari situ berapa persen pula yang tidak memiliki tanah, mengikut empat jenis kegunaannya itu, akan tetapi ada

tiga perkara tentang pemilikan yang tidak diketahui dari jadual ini, jumlah orang dan milik mereka bagi tiap-tiap kawasan, jumlah orang yang tidak memiliki bagi ketiga-tiga kawasan secara berasingan dan keseluruhan, dan, pembagian milik di kalangan mereka yang memiliki tanah. Jadual XIII akan menerangkan ketiga-tiga perkara ini dan juga perkara-perkara lain.

Jadual XIII

Pembagian Keluarga dan Pemilikan
Mengikut Keluasan Tanah (Dengan Persen)

Keluasan (ekar)	Jumlah Keluarga				Jumlah Pemilikan			
	W. Stan	Demit	K. Kerian	Jumlah	W. Stan	Demit	K. Kerian	Jumlah
0	33.0	12.0	12.5	19.6	–	–	–	–
0.1 – 1	39.0	50.0	35.0	41.8	29.5	14.9	8.9	18.2
1.1 – 2	9.0	21.0	20.0	16.4	10.9	25.2	13.7	16.8
2.1 – 3	8.0	7.0	15.0	9.6	14.9	21.6	19.6	18.5
3.1 – 4	3.0	2.0	6.3	3.6	6.2	6.6	10.2	7.6
4.1 – 5	2.0	1.0	2.5	1.8	5.4	2.7	5.9	4.7
Lebih 5	6.0	7.0	8.8	7.2	33.1	29.0	41.7	34.2
Dari Jumlah	100	100	80	280	178.0	159.9	160.6	478.5

Sumber: Data-data dari soal-selidik.

Jadual ini menunjukkan bahawa milik tanah di kalangan keluarga-keluarga di ketiga-ketiga kawasan ini adalah kecil. Tidak ada keluarga yang memiliki lebih luas dari 10 ekar. Daripada 280 keluarga, 19.6% tidak mempunyai tanah sedikit pun. Apabila diambil mereka yang memiliki kurang dari 2 ekar, jumlahnya lebih dari ¾ (77.8%). Di antara tiga kawasan, yang mempunyai ramai sekali keluarga yang tidak bertanah ialah Wakaf Stan. Di kedua-dua kawasan, Wakaf Stan dan Demit, keluarga yang memiliki kurang dari 2 ekar adalah melebihi 77.8% itu, iaitu untuk Wakaf Stan 81%, dan Demit 83%. Sebaliknya, mereka yang memiliki lebih dari 5 ekar dalam tiga-tiga kawasan, jumlahnya ialah 7.2%. Kedudukannya hampir sama bagi tiap-tiap kawasan, iaitu, 6% untuk Wakaf Stan, 7% untuk Demit, dan 8.8% untuk Kubang Kerian.

Berpindah kepada jumlah pemilikan mengikut kategori-kategori keluasan milik, didapati bahawa untuk tiga-tiga kawasan, jumlah pemilikan bagi kategori bawah dari 2 ekar ialah 35% dari seluruh tanah yang sebanyak 498.5 ekar itu. Diambil secara

berasingan pula untuk tiap-tiap kawasan, pemilikan untuk kategori yang sama ialah: Wakaf Stan 40.4%, Demit 40.1% dan Kubang Kerian 22.6%. Jelas bahawa seperti bilangan keluarga jua, pemilikan mengikut kategori kurang dari 2 ekar ini adalah paling kecil di Kubang Kerian. Mengenai kategori yang memiliki lebih dari 5 ekar, jumlah milik keseluruhan ialah 34.2%. Tetapi kedudukannya dalam tiap-tiap kawasan ialah: Wakaf Stan 33.1%. Demit 29%, dan Kubang Kerian 41.7%. Jadi pada kategori milik yang besar ini didapati bahawa di antara ketiga-ketiga kawasan, di Kubang Kerianlah persennya paling tinggi sekali.

Apabila dibanding jumlah keluarga dengan jumlah pemilikan dalam jadual yang sama, kita mendapat gambaran yang menarik tentang penguasaan atau pemilikan tanah di sini. Diambil bagi ketiga-tiga kawasan, didapati bahawa 77.8% keluarga, iaitu yang memiliki kurang dari 2 ekar menguasai cuma 35% daripada semua tanah. Sebaliknya, apabila dilihat mereka yang memiliki lebih dari 5 ekar, 7.2% keluarga menguasai 34.2% dari tanah. Hakikat ini menunjukkan wujudnya jurang penguasaan tanah, walaupun jurang di sini, sebagaimana yang akan dibuktikan nanti, tidaklah seluas sebagaimana yang terdapat di tempat-tempat lain. Berpindah dari angka keseluruhan kepada angka bagi tiap-tiap kawasan ternyata bahawa pada kategori kurang dari 2 ekar kedudukannya ialah: di Wakaf Stan 81% keluarga menguasai 30.4% tanah, di Demit 83% keluarga menguasai 40.1% tanah, dan di Kubang Kerian pula 67.4% keluarga menguasai 22.6% tanah. Mengenai mereka dalam kategori yang memiliki lebih dari 5 ekar pula ternyata: di Wakaf Stan 6% keluarga menguasai 33.1% tanah, di Demit 7% keluarga menguasai 29% tanah, dan di Kubang Kerian 8.8% keluarga menguasai 41.7% tanah. Angka-angka ini mempertegaskan lagi kenyataan lebih awal bahawa nampaknya jurang perbezaan pemilikan adalah lebih besar di Kubang Kerian daripada dua kawasan yang lain itu.

Penduduk-penduduk di tiga-tiga kawasan ini mendapat tanah bukan dengan cara membuka hutan, sebab proses ini telah pun dilakukan oleh orang-orang yang lebih dahulu datang ke mari, dan boleh dikatakan tidak ada lagi hutan yang hendak dibuka sekarang. Oleh itu terdapat tiga cara bagaimana mereka mula memiliki tanah, iaitu: pusaka, belian dan berian. Tanah pusaka ialah tanah yang diturunkan dari satu orang kepada orang-orang lain, biasanya dari satu jenerasi ke jenerasi terkemudian. Mengikut Islam segala harta termasuk tanah yang ditinggalkan oleh seseorang si-mati hendaklah dibagi-bagikan kepada warisnya berdasarkan hukuman faraid. Oleh sebab biasanya si-mati, terutama sekali di kampung, kebanyakannya tidak mempunyai banyak tanah, dan mati dengan meninggalkan ramai waris pula, termasuk isteri dan ibubapa selain daripada anak-anak, maka tanah yang sedikit itu pun menjadi lebih sedikit lagi kerana terpaksa dipecah-pecahkan mengikut hak yang patut diterima oleh setiap waris. Kadang-kadang tanah pusaka yang diwarisi ini, oleh sebab terlalu banyak pecahannya, dijualkan dan duitnya sahaja yang dibagi-bagikan. Ada kalanya penjualan itu kepada salah seorang waris dan ada kalanya kepada orang

lain. Ini adalah salah satu cara bagaimana pemilikan berlaku secara belian. Tetapi proses jual-beli tanah ini memang selalu berlaku, dan tidak semestinya melibatkan tanah pusaka. Ada sebab-sebab lain maka tanah terjual, misalnya, untuk keperluan naik haji, mengadakan nikah kawin, membayar hutang atau mendapatkan modal untuk memulakan satu-satu usaha baru. Dalam keadaan seumpama ini cara belian menjadi cara yang agak penting untuk mendapat atau mengumpul tanah milik. Berbalik kepada tanah pusaka tadi, ada kalanya untuk mengelakkan pemecahan maka tanah itu diberikan saja kepada salah seorang waris, biasanya yang paling susah di antara mereka. Ini ialah satu cara bagaimana pemilikan bermula dengan berian. Terdapat juga cara-cara lain. Seorang tua kadang-kadang memberikan tanah kepada anak-anaknya sebelum ia mati, dan juga ada pemberian ini dibuat sebagai hadiah hari perkahwinan, untuk memberikan suatu asas penghidupan bagi anak dan menantu.

Jadual XIV

Pembagian Milik Tanah
Mengikut Cara Mulanya Diperolehi

Kawasan	Pusaka		Belian		Berian		Jumlah	
	Ekar	Persen	Ekar	Persen	Ekar	Persen	Ekar	Persen
Wakaf Stan	84.6	47.5	44.9	25.2	48.5	27.2	178.0	99.9
Demit	100.5	62.7	33.7	21.1	25.8	16.1	160.0	99.9
Kubang Kerian	101.3	63.1	52.3	32.5	7.0	4.4	160.6	100.0
Jumlah	286.4	57.5	130.9	26.3	81.3	16.3	498.6	100.0

Sumber: Data-data dari soal-selidik.

Jadual XIV menunjukkan bahawa secara keseluruhan, dari 498.6 ekar yang dimiliki di Kubang Kerian dll. 57.5% diperolehi dengan cara pusaka, 26.2% dengan cara belian, dan 16.3% dengan cara berian. Ini bererti bahawa cara pusakalah yang penting sekali bagi mendapatkan tanah. Di sini tidak ada tanah baru, sebab semua tanah yang boleh dikerjakan sudah pun dibuka dan dimiliki. Memerhatikan tiap-tiap kawasan secara berasingan didapati bahawa di Kubang Kerian (63.1%) dan Demit (62.7%), persen tanah yang diterima cara pusaka adalah lebih tinggi, tetapi kurang dari separuh di Wakaf Stan (47.5%). Sebaliknya di Wakaf Stan ini tanah yang diperolehi cara berian adalah lebih banyak (27.2%) jika dibanding dengan dua

kawasan yang lain itu. Jumlah tanah yang diperolehi cara belian tidak begitu banyak bezanya, tetapi lebih sedikit di Kubang Kerian.

Tidak semua orang dapat mempusakai tanah, sebab memang ada yang tidak punya milik yang boleh ditinggalkan kepada waris-waris mereka. Dan lebih kecil lagi bilangan orang yang berjaya membeli tanah. Apa yang menarik perhatian di sini ialah adanya golongan yang asalnya tidak mempunyai apa-apa tetapi telah dapat menyimpan dari pendapatan mereka yang kecil untuk membeli tanah. Tetapi biasanya bidang tanah yang dapat dibelinya tidak luas. Peluang untuk membeli adalah lebih baik di kalangan orang yang berpendapatan agak besar, sama ada dari pemilikan tanah yang lebih luas ataupun kerja bukan-pertanian yang lumayan sedikit pendapatannya. Sebenarnya di sini, di kalangan orang kampung, kemampuan untuk membeli banyak tanah tidak wujud, sebab tidak ada yang berpendapatan tinggi sangat untuk mengumpul tanah dengan cepat.

Sekarang sebagai perbandingan bolehlah dibincang sedikit mengenai keadaan di Pasir Pekan. Berbeza dengan di Wakaf Stan, Demit dan Kubang Kerian, penduduk-penduduk di Pasir Pekan yang dikaji lebih ramai terlibat dengan pertanian getah, dan milik mereka ke atas tanah getah jauh lebih besar daripada milik tanah-tanah jenis lain. Daripada 50 keluarga yang dikaji, jumlah tanah yang mereka miliki ialah seluas 823.9 ekar. Mengikut jenis kegunaan tanah, getah meliputi 676 ekar (atau 82%) manakala padi cuma 90 ekar (atau 10.9%) saja. Selain dari tanah dusun dan tapak rumah, ada juga tanah kelapa di sini, akan tetapi jumlahnya sangat kecil, cuma 27.8 ekar (3.5%) sahaja.

Jadual XV

Perbandingan Keluasan Tanah (Ekar dan Persen)
Antara Kubang Kerian dll. Dengan Pasir Pekan

Jenis Tanah	Kubang Kerian dll.		Pasir Pekan	
	Ekar	Persen	Ekar	Persen
Padi	179.3	36.0	90.0	10.9
Getah	161.3	32.2	676.0	82.0
Kelapa	—	—	27.8	3.5
Dusun	60.0	12.0	12.8	1.5
Tapak Rumah	97.9	19.7	17.4	2.1
Jumlah	489.5	99.9	824.0	100.0

Sumber: Data-data dari soal-selidik

Dari jadual XV nyata sekali bahawa dengan ukuran ekar dan persennya, milik tanah getah di Pasir Pekan adalah jauh lebih besar dari Kubang Kerian dll. Mengenai tanah padi pula, walaupun persen di Kubang Kerian dll. hampir 3½ kali ganda dari Pasir Pekan, tetapi keluasan tanahnya cuma kira-kira 2 kali ganda sahaja. Tanah dusun dan tapak rumah adalah lebih banyak jumlahnya di Kubang Kerian dll. daripada di Pasir Pekan. Tidak ada pemilikan kelapa di Kubang Kerian, Demit dan Wakaf Stan, tetapi ada sedikit di Pasir Pekan. Sebenarnya ada perbandingan yang lebih menarik daripada yang telah disebut di atas, iaitu, jumlah milik di Pasir Pekan adalah jauh lebih besar dari keseluruhan kawasan di Kubang Kerian dll.

Jadual XVI

Perbandingan Pembagian Milik (Dengan Persen)
Antara Kubang Kerian dll. Dengan Pasir Pekan

Keluasan (ekar)	Jumlah Keluarga		Jumlah Pemilikan	
	K. Kerian dll.	P. Pekan	K. Kerian dll.	P. Pekan
0	19.6	2.0	—	—
0.1 – 1	41.8	20.0	18.2	0.7
1.1 – 3	26.0	20.0	35.3	1.9
3.1 – 10	12.6	14.0	46.5	5.6
10.1 – 20	—	18.0	—	15.7
20.1 – 40	—	10.0	—	18.8
40.1 – 70	—	12.0	—	39.4
Lebih 70	—	4.0	—	17.8
Dari Jumlah	280	50	498.5	824.0

Sumber: Data-data dari soal-selidik

Dari jadual XVI pula kelihatan bahawa hitung panjang milik orang-orang di Pasir Pekan lebih luas daripada mereka yang di Kubang Kerian dll. Manakala di Pasir Pekan 50 keluarga memiliki 824 ekar, atau rata-rata 16.5 ekar sekeluarga, tetapi di Kubang Kerian dll. 280 orang memiliki 498.5 ekar, atau cuma kira-kira 1.8 ekar seorang sahaja. Di Kubang Kerian dll. 19.6% keluarga tidak bertanah, dan 87.4% memiliki kurang dari 3 ekar, tetapi di Pasir Pekan cuma 2% tidak bertanah dan 42% memiliki kurang dari 3 ekar. Tidak ada siapa pun di Kubang Kerian dll. yang memiliki lebih dari 10 ekar, tetapi di Pasir Pekan terdapat 56% keluarga yang memiliki tanah seluas lebih dari itu. Seterusnya penguasaan milik lebih hebat di Pasir Pekan, kerana di sana 44% keluarga yang memiliki kurang dari 3 ekar tadi

menguasai cuma 2.6% dari seluruh tanah, berbanding dengan Kubang Kerian dll. di mana 87.4% keluarga menguasai 53.5% dari seluruh tanah di sana. Tentang mereka yang memiliki lebih dari 10 ekar, jumlah mereka di Pasir Pekan ialah 56%, dan mereka ini menguasai 91.8% dari seluruh tanah. Jika diambil yang memiliki lebih dari 40 ekar pula, jumlah mereka cuma 8 orang (10%), akan tetapi penguasaan mereka melebihi dari separuh tanah milik di Pasir Pekan (57.2%).

Berdasarkan perbandingan-perbandingan di atas ada kemungkinan membuat kesimpulan yang lebih umum. Nampaknya di kawasan-kawasan yang lebih bergantung kepada padi, bidang tanah yang dimiliki biasanya adalah lebih kecil daripada kawasan-kawasan yang bergantung kepada getah. Begitu juga jurang pemilikan dan penumpuan milik adalah lebih besar dalam kawasan getah daripada padi. Hal ini kelihatan juga dalam kawasan-kawasan lain seperti Bagan, yang bergantung terutama pada getah, berbanding dengan Kangkong, di mana kegiatan padi lebih penting, seperti yang terbukti dari kajian terdahulu dari ini (S. Husin Ali, 1975, ms. 83–7). Ada alasan yang boleh dikemukakan. Kawasan-kawasan padi biasanya merupakan kawasan-kawasan lama yang diwariskan turun temurun. Biasanya pemilik-pemilik tanah padi itu, jika boleh, tidak mahu berpisah dengan tanah mereka, kerana bagi setengah-tengahnya itu sajalah yang boleh menanggung hidup mereka. Tanah-tanah yang baru untuk padi jarang-jarang sekali dibuka, dan di antara yang bertani padi itu jarang ada yang berpendapatan tinggi untuk mengumpul tanah dengan cepatnya. Akan tetapi keadaannya berlainan sedikit dalam kawasan getah.

Pertanian getah adalah baru, dan untuk menanam getah kawasan-kawasan hutan atau belukar terpaksa dibuka. Pada peringkat permulaan, sebagaimana yang terdapat di Bagan dan juga Pasir Pekan, setengah-setengah orang telah diberikan tanah seluas mana yang dapat mereka buka, dan ramai di antara mereka telah membuka atau diberikan sampai 100 ekar atau lebih. Apabila peneroka mula-mula ini meninggal, waris-waris mereka masih menerima tanah pusaka yang luas, walaupun setelah dibagi-bagikan. Dengan pemilikan luas ini mereka boleh mendapat pendapatan agak lumayan, yang boleh disimpan sebagiannya untuk membeli tanah lagi atau pun harta-harta lain. Di Pasir Pekan yang dapat mengumpul banyak tanah ini bukan sahaja mereka yang menerima banyak pusaka, tetapi juga yang ada punca pendapatan lain. Dari 8 orang yang memiliki lebih dari 40 ekar itu, semuanya telah menerima bidang-bidang tanah yang luas sebagai pusaka, tetapi 3 orang di antara mereka juga peniaga, 2 mempunyai kedai dan 1 pembatik.antara mereka juga

C. Pendapatan Di Peringkat Kampung

Perbincangan dalam bahagian ini akan berdasarkan kepada kawasan-kawasan Kubang Kerian dll. dan Pasir Pekan juga. Secara kasar dapat dikatakan bahawa punca pendapatan keluarga-keluarga yang dikaji terbagi kepada dua jenis, iaitu, dari usaha-

usaha pertanian dan bukan-pertanian. Pendapatan dari pertanian diperolehi dari pengerjaan atau/dan pemilikan tanah. Tentu sudah jelas bahawa bukan keluasan tanah yang dikerjakan dan/atau dimiliki saja yang menentukan jumlah pendapatan; bahkan penting juga faktor-faktor lain seperti, jenis tanaman, kesuburan tanah, sistem penyewaan atau pawahan, tenaga kerja yang digunakan, harga keluaran dan lain-lain lagi. Usaha-usaha bukan-pertanian mungkin dalam bentuk kerja dengan kerajaan, misalnya sebagai guru, kerani, penggawa, pembantu pertanian, dan seterusnya, atau kerja persendirian (yang bukan pertanian dan bukan pula dengan kerajaan), seperti berniaga, bertukang, menarik beca dan seumpamanya.

Jadual XVII

Pembagian Ketua Keluarga (Dengan Persen)
Mengikut Jenis Pekerjaan

Jenis Kerja	W. Stan	Demit	K. Kerian	Jumlah	P. Pekan
Pertanian	62.0	72.0	23.8	54.7	50.0
Bukan-Pertanian:					
Buruh	16.1	15.0	28.7	19.3	4.0
Tukang	12.0	4.0	11.4	8.9	8.0
Peniaga	2.0	1.0	12.5	4.6	16.0
Pegawai	2.0	2.0	8.7	3.9	10.0
Guru	5.0	4.0	12.5	6.8	12.0
Lain-lain	1.0	2.0	2.5	1.9	–
Dari Jumlah	100	100	80	280	50

Sumber: Data-data dari soal-selidik

Jadual XVII menunjukkan bahawa di kalangan orang-orang yang dikaji dalam tiap-tiap kawasan, ramai juga yang bergantung kepada pertanian, iaitu: 54.7% bagi kawasan-kawasan Kubang Kerian dll. dan 50% bagi Pasir Pekan. Secara berasingan, persen untuk Wakaf Stan (62%) dan Demit (72%) lebih tinggi, tetapi rendah untuk Kubang Kerian (23.8%). Ini ialah kerana di Kubang Kerian, yang merupakan pekan kecil itu, memang ramai yang tidak bergantung kepada pertanian untuk pendapatan mereka. Lebih kurang begitu jugalah keadaannya di Pasir Pekan. Di antara mereka yang tidak bergantung kepada pertanian, mereka ialah buruh (sama ada bekerja dengan kerajaan atau tidak), tukang (kebanyakannya tukang rumah, tetapi dimasukkan juga kontrektor), peniaga, pegawai (antaranya kerani, penggawa,

pembantu pertanian), dan guru. Mereka ini biasanya berpendapatan bulanan yang tetap. Dari segi pendapatan perlu ditegaskan awal-awal di sini bahawa pendapatan setiap orang tidak bergantung kepada satu jenis usaha atau pekerjaan saja. Seorang yang memiliki banyak tanah mungkin juga seorang pekedai kecil, dan seorang guru atau pegawai mungkin juga memiliki tanah. Tetapi usaha atau pekerjaan yang merupakan punca utama pendapatan seseorang digunakan sebagai asas untuk menjeniskan kerja dan usahanya.

Jadual XVIII

Pembahagian Keluarga (Dengan Persen)
Mengikut Pendapatan

Pendapatan	W. Stan	Demit	K. Kerian	Jumlah
0 – 49	16.0	16.0	11.2	14.6
50 – 99	51.0	34.0	18.7	35.4
100 – 149	16.0	24.0	26.6	21.8
150 – 199	14.0	16.0	12.5	14.3
200 – 249	3.0	5.0	15.0	7.2
250 – 299	–	1.0	10.0	3.3
300 – 349	–	1.0	2.5	1.1
350 – 399	–	–	1.3	0.4
Lebih 400	–	3.0	2.5	1.9
Dari Jumlah	100	100	80	280

Sumber: Data-data dari soal-selidik

Jadual XVIII memberikan gambaran tentang perbezaan pendapatan dan pembagian keluarga mengikut kategori-kategori pendapatan yang tertentu. Dapat dilihat bahawa keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah paling ramai di Wakaf Stan, diikuti oleh Demit dan Kubang Kerian. Secara keseluruhan di ketiga-tiga kawasan ini, jumlah yang berpendapatan kurang dari $150 ialah 71.8%, dan bagi tiap-tiap kawasan yang berasingan ialah: Wakaf Stan 83%, Demit 74%, dan Kubang Kerian 56.5%. Tidak ada yang berpendapatan lebih dari $250 di Wakaf Stan, dan mereka yang berpendapatan antara $200–249 itu ialah pembatik dan kerani; mereka tidak memiliki tanah sebagai punca pendapatan tambahan. Di Demit jumlah 5% berpendapatan lebih dari $250, terdiri dari guru, pegawai dan tukang, dan di antara mereka ialah seorang guru kelulusan maktab berpendapatan kira-kira $500. Ada di antara mereka yang mempunyai tanah, tetapi tidak luas bidangnya.

Selanjutnya, di Kubang Kerian, di antara 16.3% yang berpendapatan lebih dari $250 itu ialah peniaga, tukang dan guru; dan mereka ini juga punyai sedikit tanah. Apa yang jelas daripada analisa ini ialah bahawa mereka yang berpendapatan lebih tinggi sedikit di ketiga-tiga kawasan ini adalah mereka yang tidak bergantung kepada pertanian, dan memiliki tanah hanya sebagai tapak rumah atau punca pendapatan tambahan sahaja.

Keadaannya agak berlainan sedikit di Pasir Pekan. Sebagaimana yang telah ditunjukkan di dalam jadual XVI, ramai keluarga-keluarga di Pasir Pekan yang memiliki banyak tanah, dan daripada jadual XVII pula kelihatan bahawa persen yang menjadi guru, pegawai dan peniaga, iaitu kerja-kerja yang biasanya mendatangkan pendapatan agak lumayan, lebih tinggi di Pasir Pekan (38%) daripada di Kubang Kerian dll. (14.3%). Jadual XIX menunjukkan bahawa di Pasir Pekan 36% daripada keluarga yang dikaji mempunyai pendapatan kurang dari $200, dan 38% adalah mempunyai pendapatan lebih dari $400. Bahkan ada juga yang berpendapatan lebih daripada $700 (10%) membawa kepada pendapatan setinggi $2,000 sekali. Mereka yang berpendapatan lebih dari $400 itu terdiri dari pemilik-pemilik tanah yang banyak, dan juga penggawa, guru dan peniaga. Orang yang berpendapatan paling tinggi sekali ialah seorang pemilik tanah sebanyak 66 ekar, yang juga menjadi peniaga.

Jadual XIX juga menunjukkan perbandingan di antara kawasan-kawasan Kubang Kerian dll. dengan Pasir Pekan dan seluruh Semenanjung. Kategori-kategori pendapatan yang digunakan dan angka-angka untuk Semenanjung berdasarkan buku

Jadual XIX

Perbandingan Pembagian Pendapatan (Dengan Persen)
Di Antara Kubang Kerian dll., Pasir Pekan dan Semenanjung

Pendapatan	K. Kerian dll.	Pasir Pekan	Semenanjung
1 – 99	50.3	14.0	27.1
100 – 199	36.2	22.0	31.4
200 – 399	11.8	26.0	25.9
400 – 699	1.1	28.0	9.6
700 – 1,499	0.7	6.0	4.7
Lebih 1,500	–	4.0	1.4
Jumlah	100.0	100.0	100.1

Sumber: Data-data dari soal-selidik; MTR, Jadual 1–1, ms. 3.

Ulangkaji, dan ialah untuk semua golongan kaum. Kelihatan bahawa jumlah keluarga yang berpendapatan kurang dari $200 adalah lebih besar di Kubang Kerian dll. (86.5%) berbanding dengan Semenanjung (58.5%), tetapi lebih kecil di Pasir Pekan (36%). Mengenai keluarga-keluarga yang berpendapatan lebih dari $700 pula, jumlahnya adalah lebih besar untuk Pasir Pekan (10%) daripada Semenanjung (6.1%), dan lebih kecil lagi untuk Kubang Kerian dll. (0.7%). Nyatalah bahawa hitung panjang pendapatan di Pasir Pekan lebih tinggi daripada pendapatan pukul rata untuk Semenanjung dan lebih rendah di Kubang Kerian dll. Taraf pendapatan di Pasir Pekan itu tidak tipikal bagi negeri Kelantan dan juga Semenanjung, oleh sebab keadaan milik tanahnya yang begitu besar sekali, dan di kalangan mereka terdapat juga orang yang mempunyai punca pendapatan lain, luar dari pertanian. Keadaan di Kubang Kerian dll. lebih dekat dengan kenyataan yang umumnya terdapat di negeri ini. Namun begitu ia mungkin masih lebih tinggi daripada tingkat pendapatan di kawasan-kawasan pertanian yang lebih jauh di pedalaman.

D. Kesimpulan

Tanah memang merupakan punca kekayaan yang penting, dan boleh juga menjadi asas penentuan bagi kedudukan status dalam masyarakat. Di bandar tanah sering digunakan terutama sekali sebagai tapak rumah, kedai atau perusahaan, dan juga untuk spekulasi; manakala di kampung kegunaannya yang paling mustahak ialah untuk bertani. Lazimnya tanah bandar yang dimiliki tidak begitu luas, akan tetapi bidang tanah milik di kampung jauh lebih besar. Nilai tanah bandar berlipat-ganda lebih tinggi, dihitung mengikut persegi kaki, manakala tanah pertanian di kampung, walaupun berharga, tidaklah setinggi itu nilainya, dan biasanya dikira atas dasar ekar. Di Kelantan, ada tanah dalam bandar Kota Bharu yang nilainya untuk 1,000 kaki persegi lebih mahal daripada satu ekar tanah di setengah-setengah kampung.

Perbezaan milik tanah memang terdapat di peringkat bandar dan kampung di Kelantan. Kajian ini menunjukkan bahawa dari 2685.7 ekar tanah dalam kawasan majlis bandaran Kota Bharu, 35% adalah milik Kerajaan, dan dari bakinya 62.7% adalah milik orang perseorangan. Cuma kira-kira 10.7% dari penduduk Kota Bharu seramai 55,124 orang itu memiliki tanah di Kota Bharu. Kebanyakan dari mereka ialah orang-orang Melayu, yang memiliki 53.7%, berbanding dengan Cina, yang memiliki 5.2%. Jumlah pemilikan Melayu yang tinggi ini mungkin disebabkan terutama oleh faktor bahawa hampir seluruh dari kawasan Kota Bharu ini adalah tertakluk sebagai Kawasan Simpanan Melayu. Itu pun ada beberapa orang pemilik besar di kalangan bukan-Melayu yang memiliki tanah dalam kawasan tersebut, misalnya, Datuk Foo See Moi.

Di antara pemilik perseorangan ini, golongan raja dan kerabatnya, yang kecil sekali bilangannya, memiliki tanah yang jauh lebih besar jumlahnya, berbanding dengan bilangan mereka itu. Terdapat 14 orang (iaitu 0.02%) yang memiliki lebih dari 5 ekar seorang, dan jumlah pemilikan mereka ialah 11% dari kawasan bandar

Kota Bharu. Di antara mereka terdapat 12 orang Melayu, separuh daripadanya dari golongan raja dan kerabat. Sultan seorang saja memiliki 154.2 ekar, atau separuh dari seluruh milik 14 orang ini. Di antara pemilik besar yang lain ialah Tan Sri Tengku Razaleigh (17.5 ekar), dan Datuk Foo See Moi (16.3 ekar). Mereka yang menjadi tuan tanah Kota Bharu ini tidak terbatas hartanya di bandar ini sahaja, bahkan ramai di antara mereka yang mempunyai kepentingan dalam bidang-bidang seperti perladangan, kayu-kayuan dan perdagangan di dalam negeri Kelantan dan bahkan di peringkat Semenanjung yang lebih luas lagi.

Pada peringkat kampung, di kawasan-kawasan yang dikaji, ternyata bahawa tanah penting sebagai punca penghidupan, dan banyak keluarga yang tiada atau kekurangan tanah. Di Kubang Kerian, Wakaf Stan dan Demit, milik tiap-tiap keluarga yang dikaji adalah kecil, iaitu pukul rata 1.8 ekar saja. Tetapi di kawasan-kawasan ini pun terdapat perbezaan milik. Sejumlah 87.4% memiliki kurang dari 3 ekar, dan mereka ini termasuk dalam golongan orang yang ketiadaan atau kekurangan tanah. Mereka yang memiliki lebih dari 3 ekar tidak ada yang mempunyai sampai 10 ekar, akan tetapi, walaupun jumlah mereka agak kecil (12.6%), jumlah tanah yang mereka kuasai hampir separuh daripada semuanya (46.5%). Keadaan lebih mewah di Pasir Pekan, di mana di antara keluarga-keluarga yang dikaji, milik mereka secara pukul rata ialah 16.5 ekar seorang, suatu angka pemilikan yang sangat tinggi dibanding dengan keadaan seluruh negeri amnya. Di sini, walau bagaimana pun 42% memiliki kurang dari 3 ekar, dan jumlah tanah yang mereka kuasai cuma 2.6% sahaja dari keseluruhannya; bererti yang tiada dan kekurangan tanah lebih teruk keadaannya di Pasir Pekan ini. Di antara mereka yang memiliki lebih dari 3 ekar, yang berjumlah 58%, 32% memiliki antara 3 hingga 20 ekar, 22% antara 20 dengan 70 ekar, dan 4% memiliki lebih dari 70 ekar. Jikalau diambil semua mereka yang memiliki lebih dari 20 ekar (iaitu 26%), maka didapati bahawa mereka menguasai lebih dari tiga suku (76%) seluruh tanah milik, dan mereka yang memiliki lebih dari 40 ekar (16%) menguasai lebih dari separuh (59.2%) dari seluruh jumlah tanah. Nyatalah di Pasir Pekan itu yang banyak tanah itu betul-betul luas milik mereka.

Beralih kepada pendapatan pula, tidak ada mereka di Kubang Kerian dll. yang berpendapatan setinggi setengah-setengah mereka yang di Pasir Pekan. Di tiga-tiga kawasan itu, ada tanda yang menunjukkan bahawa yang berpendapatan tinggi sedikit adalah guru atau peniaga yang juga memiliki tanah, sebagai punca pendapatan tambahan. Tetapi di Pasir Pekan jelas bahawa mereka yang berpendapatan paling tinggi sekali terdiri dari pemilik-pemilik tanah luas yang juga menjadi guru, pegawai dan peniaga. Walaupun di kalangan yang berpendapatan tinggi jenis pekerjaan dan juga pemilikan tanah merupakan faktor-faktor utama bagi pendapatan, akan tetapi di kalangan mereka yang berpendapatan rendah pula, pada umumnya pemilikan dan/atau pengerjaan tanahlah yang menjadi faktor penentu paling penting. Dengan

menggunakan pendapatan per-kapita $25 dalam satu keluarga sebagai garis kemiskinan, iaitu mengikut apa yang ditetapkan dalam Laporan Ekonomi Perbendaharaan (seperti yang telah dibincang dalam bab I), maka didapati bahawa lebih daripada 70% di Wakaf Stan, Demit dan Kubang Kerian, dan lebih dari 30% di Pasir Pekan adalah dalam keadaan kemiskinan. Pada garis kasarnya kemiskinan mereka berpunca satu-satunya daripada struktur pemilikan tanah, walaupun diakui bahawa faktor-faktor lain, seperti rendahnya tingkatan pembangunan, ada juga memainkan peranannya. Keadaan di Kubang Kerian, Demit dan Wakaf Stan itu lebih dekat dengan keadaan di seluruh negeri Kelantan, kerana mengikut laporan Perbendaharaan yang sama, lebih dari 60% di negeri itu adalah dalam keadaan kemiskinan.

Bab IV

IMPLIKASI-IMPLIKASI SOSIAL

Dua bab yang lepas telah menumpukan perhatian kepada satu aspek yang penting dalam bidang ekonomi iaitu pemilikan tanah, dan kaitannya dengan jenis-jenis pekerjaan dan juga pembagian pendapatan. Bab II memberikan gambaran yang agak umum untuk seluruh Semenanjung dan negeri Kelantan, manakala bab III bertumpu kepada Kota Bahru di peringkat bandar, dan di Wakaf Stan, Demit, Kubang Kerian dan Pasir Pekan di peringkat kampung sebagai contoh-contoh yang khusus. Dengan mengutamakan pengemukaan fakta-fakta tentang pembahagian milik tanah dan pendapatan, kita telah lebih memberatkan soal ekonomi. Apa pula implikasi sosialnya? Bagi ahli sains masyarakat, istilah sosial itu mempunyai pengertian yang luas. Tetapi dalam bab ini perbincangan akan dibataskan kepada tiga perkara saja, iaitu: (a) ketidaksamaan status sosial, (b) kemudahan serta peluang pelajaran, dan (c) corak kepemimpinan serta aliran politik. Kesan ekonomi ke atas ketiga-tiga persoalan dalam masyarakat ini, ataupun pengaruh timbal-balik di antaranya akan dibicarakan. Mula-mula secara umum akan diberikan garis-garis kasar tentang keadaan negeri Kelantan amnya, dan lepas itu perhatian yang lebih khusus akan dilakukan ke atas kawasan-kawasan kampung yang menjadi fokas kajian ini.

A. Kedudukan Status Dalam Masyarakat

Dalam masyarakat Melayu tradisional sering dikatakan bahawa golongan yang mempunyai status tinggi serta kemewahan hidup ialah lapisan atasan yang terdiri dari orang-orang bangsawan, iaitu raja dan kaum kerabatnya. Keadaan sekarang ini sudah berubah. Proses permodenan telah menimbulkan kegiatan-kegiatan baru dan menjelmakan golongan-golongan baru yang telah memperluaskan serta menganika-corakkan lagi lapisan atasan, sebagaimana yang wujud sekarang. Kemasukan sistem perniagaan serta perusahaan corak baru menarik ramai orang untuk menyertainya, tetapi menjelmakan cuma beberapa kerat sahaja peniaga serta pengusaha yang berjaya dan menjadi kaya. Penyusunan pentadbiran negeri, terutama sekali sejak permulaan abad ke-20 ini telah mengasaskan cara-cara pentadbiran birokrasi, di mana kakitangan yang ramai diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab yang khusus. Sebilangan kecil dari anggota-anggota birokrasi yang terkanan dibayar gaji lumayan dan dianggap sebagai mempunyai murtabat tinggi. Perubahan-perubahan politik yang besar telah berlaku sejak tahun 1957; sistem demokrasi berpalimen diberikan asas untuk berkembang. Di peringkat negeri wakil-wakil rakyat dipilih

melalui proses pilihanraya, dan di antara mereka yang berjaya ini diangkat pula menjadi Menteri Besar serta anggota-anggota Majlis Kerja, untuk menentukan dasar dan arah sesebuah negeri itu.

Sebagaimana di negeri-negeri lain dalam Semenanjung, Kelantan telah menjalani perubahan seperti ini. Hasilnya, sekarang ini lapisan atasan masyarakat negeri Kelantan sudah tidak lagi terbatas hanya kepada raja dan kerabat rapatnya sahaja, tetapi terdiri sekurang-kurangnya dari empat golongan, iaitu:

a) Sultan dan kerabat rapat;
b) Pegawai-pegawai pentadbiran terkanan;
c) Pemimpin-pemimpin partai pemerintah; dan
d) Peniaga-peniaga serta pengusaha-pengusaha besar.

Di Kelantan kedudukan raja serta kerabat, seperti golongan bangsawan di mana-mana tempat juga adalah ditentukan statusnya secara turunan (ascription). Mereka ini ditakuti serta disanjungi. Sesuai dengan kehendak sistem nilai dalam satu-satu masyarakat, mereka dapat mempertahankan kedudukan yang tinggi, dan beserta dengannya mendapat pula keistimewaan-keistimewaan, kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang beranika jenis. Misalnya, pada awal abad ini, semasa Raja Senik memerintah, beliau telah memberikan tanah-tanah konsesi yang luas kepada beberapa orang kerabatnya, misalan: Tengku Wok 260 batu persegi, Tengku Pekurma 350 batu persegi, Tengku Petri 160 batu persegi, dan Raja Muda serta Tengku Sri Maharaja 750 batu persegi. Tanah-tanah ini mula-mula merupakan kawasan-kawasan konsesi untuk kegunaan pertanian dan juga carigali logam. Tengku Wok telah menjual konsesinya kepada seorang saudagar Cina di Singapura, dan yang lain-lain kemudiannya menukarkan hak konsesi mereka dengan blok-blok tanah pertanian, iaitu Tengku Pekurma seluas 3,000 ekar, Tengku Petri 5,000 ekar dan Raja Muda serta Tengku Sri Maharaja 5,000 ekar. Kini raja tidak mempunyai kuasa mutlak membagi-bagikan tanah mengikut sesukanya, sebab kuasa ini telah diambil-alih oleh Majlis Kerja Negeri. Akan tetapi tradisinya masih berlanjutan juga, iaitu raja dan kerabat rapat harus dihormati dan seboleh-bolehnya dilayan apabila mereka berkehendakkan satu-satu kawasan, samada misalnya untuk pembalakan atau cuma untuk tapak stesyen minyak sahaja. Jadi status yang diperolehi secara turunan boleh diperkuatkan lagi melalui penyertaan dalam bidang-bidang ekonomi yang baru.

Pegawai-pegawai pentadbiran yang termasuk sebagai sebagian dari lapisan atasan masyarakat Kelantan itu ialah pegawai-pegawai kanan Pentadbiran Negeri Kelantan (PNK). PNK – atau lebih terkenal dengan nama pendek lamanya KnCS, telah dibentuk pada tahun 1938, dan sebelum dari itu pegawai-pegawai pentadbir terdiri dari pegawai-pegawai yang digelar 'Malay Officers', dan mereka menjalankan tugas di bawah kerajaan kolonial Inggeris. Sekarang ini pegawai-pegawai PNK merupakan tulang belakang bagi pentadbiran Kelantan, walaupun ada juga pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri (PLDN), iaitu birokrasi kerajaan Pusat,

yang memegang beberapa jawatan penting di negeri itu, khususnya dalam pejabat-pejabat yang di bawah kuatkuasa kementerian-kementerian Pusat yang tertentu.

Dari mula-mulanya jawatan-jawatan penting dalam KnCS telah dimonopoli oleh keturunan-keturunan dari pembesar-pembesar tradisional. Hakikat ini tidak terbatas kepada negeri Kelantan saja, kerana ia berlaku di negeri-negeri Melayu yang lain juga. Kelayakan pelajaran yang diperlukan tidak tinggi, dan oleh kerana itu nyatalah faktor turunan memainkan peranan yang besar untuk menentukan kedudukan tinggi melalui susunan birokrasi ini. Sehingga tahun 1948 terdapat cuma satu orang saja anak orang kebanyakan yang diterima ke dalam KnCS. Mengikut sebuah kajian (Rashid Ahmad, 1969), pada tahun 1968 daripada 51 orang pegawai dalam Bahagian I, hanya 16 orang dari keturunan Melayu kebanyakan, manakala yang 35 lagi keturunan orang-orang besar tradisional, yang mempunyai gelaran-gelaran Nik, Datuk dan Tengku. Pada masa itu juga di antara 13 orang (dari jumlah 51 ini) dalam Tingkatan Tertinggi dan Kelas IA dan IB, semuanya keturunan pembesar-pembesar juga, dan empat daripadanya mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan Setiausaha Kerajaan masa itu. Sejauh mana keadaannya sudah berubah sekarang tidak begitu diketahui, tetapi nampaknya calon-calon dari kalangan rakyat Kelantan sendiri yang mempunyai kelulusan Universiti, tetapi bukan dari keturunan orang atasan, masih mengalami kesulitan untuk diterima ke dalam PNK itu, dan tanda-tandanya terus ada bahawa keturunan bangsawan diberikan keutamaan walaupun kelayakan mereka lebih rendah.

Pegawai-pegawai kanan keturunan bangsawan itu setengahnya memiliki banyak tanah pusaka, akan tetapi tidak dinafikan bahawa jawatan-jawatan tinggi dalam pentadbiran mereka memungkinkan juga mereka memperkokohkan lagi kedudukan ekonomi, terutama sekali dengan jalan mengumpul harta, termasuklah tanah.

Keadaan pemimpin-pemimpin parti pemerintah pula berlainan sedikit. Sehingga pilihanraya 1974, Parti Islam seMalaya (PAS) secara bersendirian telah memerintah negeri Kelantan melalui tiga pilihanraya sejak 1959. Dari mula-mulanya pemimpin-pemimpin PAS muncul dari kalangan orang-orang kebanyakan. Ini berbeza sedikit dengan pucuk pimpinan UMNO Kelantan, yang dari masa ke semasa dipegang oleh beberapa orang dari golongan bangsawan. Dengan kemenangan mereka dalam pilihanraya, beberapa orang pucuk pimpinan PAS telah memegang teraju pemerintahan, terutama sebagai Mentri Besar, Timbalannya dan anggota-anggota Majlis Kerja. Kejayaan mereka dalam bidang politik ini tidak ditentukan oleh faktor turunan; lebih tepat jika dikatakan bahawa kedudukan status baru yang mereka perolehi itu adalah merupakan 'kecapaian' (achievement).

Setelah memperolehi kecapaian ini ada di antara mereka yang lama kelamaan cuba memperkokohkan juga kedudukan ekonomi mereka, sebagaimana yang dilakukan oleh golongan-golongan bangsawan dan pentadbiran tadi, samada dengan cara membuat rumah atau pun mendapatkan tanah. Tetapi cara yang paling digemari,

dan mungkin mudah sekali, ialah melalui perolehan kawasan balak. Cara ini cepat mendatangkan hasil yang banyak. Sekiranya di zaman dulu raja memberikan tanah konsesi kepada syarikat-syarikat asing dan juga diri serta kerabat sendiri, maka sekarang pimpinan politik negeri yang mempunyai kuasa ke atas tanah mengeluarkan konsesi-konsesi mereka pula, khususnya untuk usaha perbalakan. Sehingga 1972 seluas 1.2 juta ekar kawasan balak telah dikeluarkan di Ulu Kelantan, kebanyakan kepada syarikat-syarikat bukan-bumiputera dari negeri-negeri luar Kelantan, termasuk Singapura (Lihat Lampiran II). Hasil yang didapati oleh negeri Kelantan darinya ialah $2,449,403 bagi tahun 1971 (atau kira-kira $2 bagi setiap ekar), dan $4,111,960 bagi tahun 1972 (atau tidak sampai $3.50 untuk seekar). Berapakah potongan-potongan yang masuk ke dalam kantung orang-orang yang meluluskan kawasan-kawasan itu tidaklah diketahui. Yang diketahui hanya ada di antara pemimpin-pemimpin politik ini telah memberikan syarikat-syarikat, orang-orang perseorangan atau diri sendiri, kawasan-kawasan yang luas juga untuk diusahakan. Antaranya ialah Persekutuan Lotfi Berhad (21,000 ekar), Galas Sendirian Berhad (30,000 ekar), Galian Selatan Kelantan Sendirian Berhad (14,000 ekar), ketiga-tiganya milik langsung atau tak-langsung seorang bekas Mentri Besar, dan Sri Padu Sendirian Berhad (41,202 ekar) yang diuruskan oleh seorang pemimpin PAS yang juga anggota Majlis Negeri. Nyatalah kecapaian dalam politik memperluaskan lagi peluang kecapaian dalam bidang ekonomi pula

Akhir sekali ialah peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha besar. Seperti golongan-golongan lain yang telah dihuraikan sebelum dari ini, bilangan mereka tidak begitu ramai. Perkembangan perniagaan dan perusahaan di negeri Kelantan bukan besar sangat, dan oleh kerana itu bidang kegiatan peniaga-peniaga serta pengusaha-pengusaha ini adalah terbatas. Walaupun ada sebilangan kecil dari golongan bangsawan, pentadbiran dan politik yang terlibat, tetapi kebanyakan peniaga serta pengusaha besar merupakan golongan yang tersendiri. Bagi mereka yang berjaya sampai ke kemuncak, status yang mereka perolehi akhirnya merupakan suatu yang berbentuk kecapaian juga. Ada di antara mereka yang telah dapat memperluaskan kegiatan mereka di luar negeri Kelantan. Setengah daripadanya ini menceburkan diri pula ke dalam bidang politik.

Tiap-tiap golongan dalam lapisan atasan masyarakat Kelantan sekarang ini masing-masing kelihatan seolah-olah mempunyai peranan tersendiri yang khusus. Sebenarnya mereka tidak begitu terpisah dengan pengkhususan peranan, sebab terdapat beberapa peranan yang berlainan bersatu pada orang-orang yang sama. Kerabat raja mungkin menjadi peniaga besar dan juga pemimpin politik. Seorang peniaga besar yang menjadi pengarah bermacam syarikat mungkin seorang bekas pegawai pentadbir kanan, dan sekarang menjadi tokoh politik yang berpengaruh. Di antara mereka dalam golongan yang berasingan mungkin terjalin kerjasama yang rapat untuk mencapai sesuatu matlamat. Pemimpin politik, kerabat raja dan pentadbir mungkin bekerjasama untuk mendapatkan kawasan balak yang boleh di-

pajakkan kepada pengusaha atau syarikat besar dari luar. Peniaga mungkin bekerjasama rapat dengan pentadbir untuk mempengaruhi pemimpin politik membuat keputusan dalam Majlis Kerja mengenai kawasan perumahan. Begitulah seterusnya. Tidak bererti tiada pula konflik di antara mereka. Pemimpin politik mungkin tidak senang dengan golongan kerabat raja yang terlalu meminta-minta keistimewaan bagi diri sendiri untuk mendapat tanah. Golongan pentadbir kanan pula mungkin tidak bersetuju dengan pemimpin politik yang sering enggan mengikut peraturan birokrasi kerana terlalu terpengaruh oleh golongan peniaga atau perhitungan-perhitungan politik semata. Walaupun begitu, asas-asas kepentingan politik dan ekomoni yang sama, boleh merapatkan lagi hubungan mereka.

Ada pula cara-cara pemaduan atau integrasi yang lain. Peniaga-peniaga masuk politik, dan pemimpin-pemimpin politik diberi peluang dalam perniagaan, dan kedua-dua mereka diterima ke dalam sistem pemeringkatan status tradisional, misalnya dengan diberikan gelaran Datuk. Zaman dahulu orang-orang kebanyakan yang dianggap berjasa dianugerahkan persalinan pakaian, tetapi sekarang mereka diberikan bintang, dan dengan demikian secara adat istiadat mereka diterima ke dalam lapisan atasan. Sebaliknya golongan kerabat raja mungkin pula ditarik, kerana nama atau pengaruhnya, untuk menyertai politik, dan juga perniagaan serta perusahaan. Dengan demikian lapisan atasan ini bertambah kukuh ikatannya di antara satu sama lain. Perkahwinan yang kadang-kadang berlaku di kalangan keluarga-keluarga mereka mengeratkan lagi ikatan tersebut.

Sebelum timbul sangkaan bahawa semua orang dari tiap-tiap golongan dalam lapisan atasan itu berjaya belaka, perlulah ditegaskan bahawa ada juga di antara mereka yang gagal dan jatuh; ertinya mereka mengalami apa yang selalu disebut sebagai mobiliti sosial ke bawah. Misalnya, ada kerabat raja yang terpaksa menggadaikan harta, ada pegawai kanan yang meleset hidupnya selepas bersara, ada pemimpin politik yang tenggelam secepat mereka timbul, dan ada pula peniaga atau pengusaha yang jatuh bengkerap. Tetapi semua ini tidak menafikan kenyataan bahawa lapisan atasan itu semakin padu, dan mempunyai peluang yang sangat baik bukan sahaja untuk memperkuat asas ekonomi politik dan status sosial mereka. Proses ini, di peringkat negeri, menimbulkan akibat melebarkan lagi jurang yang wujud di antara lapisan atasan yang kaya di bandar dengan lapisan bawahan rakyat ramai yang miskin dan bertumpu di kampung-kampung itu.

Di peringkat kampung ketidaksamaan sosial semakin ketara dengan melebarnya jurang perbezaan ekonomi. Daripada contoh kampung-kampung yang dikaji itu, kelihatan bahawa ada tiga golongan yang timbul sebagai lapisan atasan dalam masyarakat kampung itu sendiri, iaitu: (a) tuan tanah, (b) pegawai, dan (c) peniaga. Yang dimaksudkan dengan tuan tanah di sini adalah mereka yang mempunyai bidang tanah yang luas sehingga tidak perlu mereka mengerjakannya untuk hidup, dan mendapat pendapatan lumayan atas dasar wang sewaan atau bahagian pawahan yang diterima daripada orang-orang yang menyewa atau memawah tanah mereka

itu. Di Wakaf Stan, Demit dan Kubang Kerian tidak terdapat, di antara mereka yang dikaji itu, golongan yang boleh dianggap sebagai tuan tanah dengan ertikata sebenar. Tetapi nyata sekali mereka wujud di Pasir Pekan. Pegawai-pegawai pula ialah mereka yang makan gaji dengan kerajaan. Bilangan terbesar sekali ialah mereka yang terlibat dengan pentadbiran, sebagai penggawa, kerani, pembantu pertanian dan lain-lain, ataupun dengan pendidikan sebagai guru, imam dan seumpamanya. Peniaga pula termasuk mereka yang membuka kedai untuk menjual barang-barang keperluan kampung, dan juga untuk membeli hasil keluaran petani. Peraih-peraih kecil yang tidak mempunyai tempat perniagaan tetap, tidak mempunyai banyak modal, dan membeli-menjual barang cuma dalam bakul yang diangkut dengan basikal saja tidak dimasukkan ke dalam golongan serupa. Di Kelantan, selain dari peniaga-peniaga yang menjalankan peranan sebagai orang tengah, terdapat juga mereka yang membuka kedai dan perusahaan membuat batik.

Ketiga-tiga golongan ini mempunyai peluang serta kemungkinan lebih besar daripada orang-orang kampung lain untuk mengumpul tanah. Ada di antara mereka, terutama di Pasir Pekan, telah menerima banyak tanah pusaka. Hidup mereka lebih mewah. Mereka tidak tinggal di pedalaman kampung, tetapi selalunya di tepi jalan raya atau di tengah-tengah pekan kecil yang terletak dalam kawasan luar bandar itu. Rumah mereka besar, biasanya lengkap dengan alat kerusi meja dan katil; tingkap berlangsir pula. Mereka mempunyai radio, atau kadang-kadang televisyen. Ada di antara mereka yang mempunyai kereta. Cara hidup mereka lebih menyerupai golongan yang kira-kira sama tarafnya dengan mereka yang tinggal di bandar-bandar. Walaupun mereka ini, dalam konteks masyarakat kampung sendiri, merupakan lapisan atasan, akan tetapi dalam konteks negeri yang lebih luas mereka dianggap sebagai tergolong dalam lapisan pertengahan. Lapisan atasan yang sebenarnya diwakili oleh golongan-golongan raja dan kerabat, pegawai-pegawai pentadbir kanan, pemimpin-pemimpin politik pemerintah, dan peniaga-peniaga serta pengusaha-pengusaha besar, seperti yang telah dibincangkan lebih awal.

Lapisan bawahan adalah terdiri dari petani-petani yang bergantung untuk hidup kepada tulang empat kerat mereka, sama ada mengerjakan tanah sendiri atau tanah orang lain. Sebilangan besar mereka ketiadaan atau kekurangan tanah. Ramai yang berpendapatan kecil, dan hidup di dalam kemiskinan. Seperti yang telah disaksikan, lebih 70% di Wakaf Stan, Demit dan Kubang Kerian hidup di bawah garis kemiskinan. Rumah mereka biasanya paling sederhana, berdinding dan berlantaikan papan, dan kadang-kadang nibung atau buluh saja. Di setengah-setengah rumah jarang terdapat apa yang boleh dianggap sebagai bilik-bilik yang dapat memisahkan ibubapa dari anak-anak sewaktu tidur. Tikar mengkuang atau pandan lebih sering digunakan daripada katil dan tilam. Gerobok serta kerusi meja yang sempurna adalah barang-barang mewah yang hampir tidak pernah kelihatan.

Tetapi di sebalik kemiskinan ekonomi ini mereka mempunyai kekayaan tradisi. Di tengah-tengah mereka wujud bermacam jenis permainan – gasing dan wau; ber-

bagai macam hiburan — wayang kulit, makyong serta zikir barat; dan beranika ragam kepercayaan serta upacara yang berhubung dengan kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial mereka. Kesemuanya ini merupakan lanjutan daripada seni-budaya rakyat yang masih luas dan berfungsi dalam hidup masyarakat mereka; segalanya tinggalan-tinggalan yang masih hidup daripada warisan-warisan lama, dan pancaran yang masih segar dijiwai oleh nilai-nilai lama yang masih wujud lagi dalam kampung. Segala-gala ini kadang-kadang seolah-olah menjadi unsur yang memberikan sebagian daripada identiti orang-orang Kelantan. Permainan, hiburan dan kesenian rakyat Kelantan yang wujud di tengah-tengah masyarakat luar bandar ini secara tidak disedari melambangkan dunia yang berbeza dan bertambah terpisah di antara lapisan bawahan di kampung dengan lapisan-lapisan pertengahan dan atasan yang di bandar. Jadinya, jurang ketidaksamaan di antara mereka bukan sahaja dalam bidang ekonomi, khususnya pemilikan dan pendapatan, tetapi juga dalam bidang sosial dan seterusnya seni-budaya juga.

B. Peluang dan Kemudahan Pelajaran

Di Kelantan sekarang ini terdapat empat jenis sekolah yang penting, iaitu, sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sekolah pondok. Sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris dibiayai oleh Kerajaan, dan sekolah Cina ada setengah-tengah-nya mendapat bantuan sebagian dan ada pula yang bergantung kepada sokongan masyarakat Cina sendiri, manakala sekolah pondok sudah lama wujud tanpa bantuan dari Kerajaan. Sekolah-sekolah Melayu secara formal telah diasaskan pada tahun 1903, dan sampai 1917 terdapat 14 buah sekolah, 11 di Kota Bharu dan 3 di Pasir Putih. Tetapi Majlis Agama Islam juga telah mendirikan beberapa pusat pengajian, dan sehingga 1919 mereka mempunyai 4 buah sekolah masing-masing di Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih dan Kutan, yang memberi pengajaran biasa di samping pelajaran agama. Mulai 1927 Kerajaan Kelantan dan juga Majlis Agama telah menghantar beberapa orang pelajar yang terpilih untuk belajar di luar Kelantan. Pada 1930, sebuah maktab yang didasarkan kepada Maktab Melayu Kuala Kangsar telah ditubuhkan di Kota Bharu untuk mengajar dalam bahasa Inggeris sampai peringkat Junior Cambridge. Kemudian dalam tahun 1938 sebuah sekolah perempuan Inggeris pula didirikan. Sistem pelajaran di negeri Kelantan telah mula berasas kuat untuk terus berkembang. Perkembangannya pesat lagi selepas 1957, dengan terdirinya lebih banyak sekolah-sekolah Melayu sampai peringkat menengah di tiap-tiap jajahan.

Dalam pada itu sekolah-sekolah pondok masih berterusan. Di Semenanjung ini Kelantanlah yang banyak sekali sekolah pondok. Ada di antaranya terkenal sampai di luar Kelantan, dan sudah menjadi tradisi bahawa ramai penuntut dari negeri-negeri Melayu lain, bahkan dari luar negeri pun, seperti Siam, Sumatra dan Brunei, datang menahun ke Kelantan. Sekolah-sekolah pondok ini wujud di tengah-tengah masyarakat kampung sendiri, dan dikelolakan oleh ulama-ulama yang berkelulusan

atau berpengalaman dari Mekah, Kahirah, Aligra dan lain-lain pusat ilmu pengetahuan Islam yang ulung. Perbelanjaan di sekolah-sekolah ini — terutama untuk tok-tok gurunya biasanya ditanggung oleh masyarakat kampung di sekitarnya, melalui zakat atau sedekah. Walaupun sudah banyak kali percubaan untuk mengambil-alih sekolah-sekolah ini dan mengintegrasikannya dalam sistem pelajaran di bawah kelolaan Majlis Agama atau Kerajaan, namun pondok-pondok ini masih bergerak bebas. Tetapi peranan mereka sekarang sudah berkurangan, kerana pihak Kerajaan telah mula mendirikan pusat-pusat pelajaran agama yang lebih lengkap, tersusun dan diakui kelulusannya.

Dalam tujuh lapan tahun yang lalu telah banyak ditubuhkan sekolah-sekolah swasta aliran Melayu terutamanya, untuk menampung pelajar-pelajar yang tercicir atau tidak berpeluang untuk mengambil peperiksaan sijil-sijil rendah (SRP), menengah (SPM), dan lepas-menengah (STP). Sekolah-sekolah ini dijalankan secara perniagaan, dan hampir semuanya dikelolakan oleh lulusan-lulusan universiti, dengan sebagian besar dari para gurunya berijazah belaka. Sekolah-sekolah ini menarik ramai pelajar, bukan sahaja dari sekitarnya, tetapi juga dari kawasan-kawasan lain, setengah-setengahnya dari luar Kelantan. Dibanding dengan sekolah-sekolah jenis lain, sekolah-sekolah swasta inilah yang paling tinggi sekali yurannya.

Pelajaran memang merupakan satu saluran penting untuk mobiliti ke atas. Akan tetapi dari dulu lagi peluang untuk mendapatknya dan untuk sampai ke lapisan atas dalam masyarakat sangat terbatas. Sekolah Inggeris, terutama sekali masa sebelum Merdeka mempunyai nilai ekonomi tinggi. Melalui aliran Inggeris, bukannya Melayu, baru boleh mendapat pelajaran menengah, lepas itu berpeluang terus ke universiti, dan akhirnya mungkin mendapat jawatan yang tinggi dengan kerajaan. Perkembangan sekolah menengah aliran Melayu hanya dalam 1950an dan cuma dalam 1960an baru pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Melayu dapat menjejak tangga universiti, terutama dalam negeri. Pelajar-pelajar dari pondok-pondok sudah lama dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi di Timur Tengah atau India, tetapi nilai ekonomi kelulusan mereka tidak dipandang tinggi, dan selain daripada segelintir yang diberi jawatan oleh Majlis Agama, kebanyakannya terpaksa menjadi guru di pondok-pondok dan di kampung sahaja.

Sekolah-sekolah Inggeris semasa mula-mula dibuka dan buat beberapa tahun selepas itu bertujuan untuk melatih bakal pegawai-pegawai. Yang selalunya terpilih ialah mereka dari lapisan atasan. Setengah-setengah dari mereka dihantar belajar ke luar untuk pulang sebagai pegawai-pegawai dalam KnCS. Maktab Inggeris yang didirikan di Kota Bharu pada 1930 itu ialah terutama untuk menyediakan pegawai-pegawai rendah dan kerani-kerani. Seperti yang sering ditegaskan dalam laporan-laporan tahunan Kelantan, sekolah ini diutamakan untuk "... belia-belia berkebolehan dari keturunan baik-baik" (ARK, 1936, ms. 43). Sekolah perempuan Inggeris pula telah ditubuhkan pada 1938 "... terutama untuk anak-anak perempuan golongan istana dan pegawai-pegawai Melayu ..." dan matlamat umumnya

ialah untuk melatih mereka supaya ". . . berfikiran cerdas dan boleh menjadi isteri-isteri yang sesuai bagi pegawai-pegawai Melayu yang telah mendapat pelajaran lebih tinggi dari mereka . . ." (ARK, 1938, ms. 54). Jadi sekolah-sekolah Inggeris ini diutamakan bagi mereka dari lapisan atasan.

Tentang sekolah-sekolah Melayu pula, sehingga pertengahan 1950an ia dibatas-kan hanya kepada peringkat rendah. Kebanyakan sekolah-sekolah ini di luar bandar, dan untuk anak-anak kampung. Telah ditegaskan bahawa ". . . negeri tidak mahu rakyatnya berpusu-pusu ke bandar untuk mendapatkan sedikit-sedikit bahasa Inggeris . . . dan memandang rendah kepada kerja-kerja yang menggunakan tenaga empat kerat. Sebaliknya adalah diharapkan bahawa petani-petani akan dapat diper-lengkapkan dari segi mental dan fisikal untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh nenek-moyang mereka, tetapi dengan cara yang lebih effisien dan memberi hasil bertambah" (ARK, 1930, ms.30). Ini sesuai dengan dasar untuk meneruskan anak petani sebagai petani juga, dan menutup peluang mereka berubah atau naik ke lapisan atas sosial melalui saluran pelajaran.

Sekolah-sekolah pondok memang lebih banyak untuk anak-anak orang kampung juga. Tetapi berbeza dengan sekolah-sekolah Melayu dulu, sekurang-kurangnya sekolah-sekolah pondok ini memberikan asas kepada setengah-setengah pelajarnya melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri. Tetapi belanja untuk menghantar anak ke luar dan menanggung mereka ialah besar. Memang ada di antara mereka yang mendapat bantuan dari Kerajaan atau Majlis Agama. Akan tetapi, kebanyakan mereka yang mengeluarkan belanja sendiri adalah dari kalangan orang-orang yang termampu. Kalau di kampung, mereka adalah dari lapisan atasan dalam masyarakat kampung itu sendiri, yang mempunyai pendapatan tinggi samada dari pemilikan tanah atau/dan pekerjaan-pekerjaan tertentu.

Memang boleh dipertahankan bahawa dalam 10–15 tahun yang lampau ini ada unsur-unsur pendemokrasian pelajaran yang lebih luas, maksudnya, pelajaran sampai peringkat universiti lebih luas terbuka kepada sesiapa saja berkelayakan; dan memang lebih ramai anak-anak orang kebanyakan yang sudah lulus dari universiti. Hampir semua mahasiswa bumiputera mendapat biasiswa, bantuan ataupun pinjam-an, dan oleh yang demikian beban bagi keluarga yang susah dapat diringankan. Namun begitu masih ada satu soalan yang memerlukan jawapan. Sekiranya lebih ramai orang Melayu yang berpeluang mencapai pelajaran tinggi, adakah komposisi-nya bagi tiap-tiap lapisan mencerminkan komposisi tiap-tiap lapisan dalam masyarakat itu sendiri? Jika lebih ramai anak-anak kampung yang sampai ke pering-kat universiti, dari lapisan orang-orang kampung manakah kebanyakan mereka itu? Soal-soal ini boleh dijawab dengan mengemukakan beberapa contoh dan fakta dari Kelantan sendiri.

Sekarang ini peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terbuka di luar dan di dalam negeri. Melainkan sebilangan kecil yang mendapat biasiswa kerajaan,

ramai yang belajar di luar itu adalah dari kalangan keluarga yang mampu menanggung mereka. Barangkali hampir 99% dari orang Kelantan, apatah lagi dari golongan miskin, tidak mampu menghantar anaknya ke luar atas perbelanjaan sendiri. Jadi kebanyakan mereka ke universiti-universiti dalam negeri, itu pun dengan biasiswa atau bantuan.[1] Di Universiti Malaya pada tahun akademik 1973/74, terdapat semuanya 7,829 pelajar, dan yang dari Kelantan cuma 8.5% saja. Ini jauh lebih kecil dari Selangor (20.9%), dan Perak (14.5%), tetapi lebih besar daripada Pahang (5%) dan Trengganu (3.6%). Dibandingkan dengan jumlah penduduk, persen dari Kelantan ini lebih kurang sesuai dengan persen penduduknya dari jumlah penduduk Semenanjung seluruhnya. Tetapi yang lebih menarik ialah jumlah yang tinggi dari mereka (dalam lingkungan 90%) adalah orang-orang Melayu. Namun ada satu perkara yang menjadi soal. Ramai Melayu, dan berasal kampung pula, sampai ke Universiti Malaya dari Kelantan; akan tetapi adakah jumlah dari lapisan bawahan serta miskin bersesuaian dengan jumlah mereka itu dalam masyarakat Kelantan seluruhnya? Sebagaimana yang disebutkan dalam bab II, mengikut anggaran Kerajaan 64.9% dari orang-orang Kelantan adalah dalam keadaan miskin. Adakah sebesar persen itu juga anak-anak miskin dari Kelantan yang masuk Universiti? Tidak ada pengiraan seumpama ini yang telah dibuat oleh pihak Universiti atau Kerajaan. Tetapi berdasarkan kepada pengalaman dan apa yang dilihat dan didengar, walaupun ramai pelajar-pelajar dari keluarga miskin, tetapi persen mereka ini seluruhnya adalah kecil dari persen orang miskin di Kelantan. Dari segi persen, sejumlah besar yang berasal dari kampung itu ialah dari keluarga guru, penggawa, peniaga, tuan tanah dan juga golongan-golongan lain yang termasuk ke dalam lapisan atasan kampung itu.

Di Kelantan sekolah-sekolah menengah yang boleh menyalurkan pelajar-pelajar sampai ke universiti ialah yang didirikan oleh kerajaan atau swasta. Kadar keciciran adalah tinggi, dan salah satu sebab penting yang mengakibatkan keciciran itu ialah kemiskinan. Ertinya ramai pelajar-pelajar dari keluarga miskin yang tercicir, setengah-setengahnya semata-mata kerana sekolah terlalu jauh dari kampung, atau yuran serta bayaran masuk peperiksaan terlalu mahal bagi kemampuan ibubapa yang miskin. Apabila sudah tercicir dari sekolah kerajaan, satu saluran lain yang terbuka ialah melalui sekolah-sekolah swasta. Tetapi perbelanjaannya terlalu tinggi; sekurang-kurangnya $50 sebulan untuk yuran serta tambang bagi pelajar tempatan, dan setidak-tidaknya $100 sebulan bagi mereka dari luar yang terpaksa menyewa rumah serta menumpang makan. Dengan sendirinya sekolah-sekolah swasta ini bukannya untuk anak-anak dari keluarga miskin. Sebagai langkah baik setengah-setengah sekolah itu memberi bantuan kepada beberapa anak miskin, tetapi bilangannya sangat terbatas. Orang-orang kaya dari lapisan atasan pula tidak begitu banyak menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah swasta tempatn ini, sebab mereka mungkin tidak begitu yakin dengan sekolah-sekolah itu, dan oleh itu, jika perlu mereka menghantar anak-anak mereka yang cicir ke pusat-pusat yang lebih terkenal di bandar-bandar besar.

Jadual XX

Pembagian Pelajar-pelajar Menengah (M) dan Lepas-Menengah (LM)
Mengikut Pendapatan Keluarga Mereka

Pendapatan	W. Stan		Demit		K. Kerian		Jumlah		Pasir Pekan	
	M	LM	M	LM	M	LM	M	LM	M	LM
0 – 99	18	1	31	–	10	1	59	2	5	2
100 – 199	14	2	18	–	24	5	56	7	9	3
200 – 399	2	1	15	–	39	2	56	3	18	4
400 – 599	–	–	6	2	–	–	6	2	12	10
Lebih 600	–	–	–	–	–	–	–	–	7	1
Jumlah	34	4	70	2	73	8	177	14	51	20

Sumber: Data-data dari soal-selidik.

Beberapa fakta dari kawasan-kawasan kampung yang telah dikaji dapat menjelaskan setengah dari soalan dan kenyataan umum yang dibuat di atas. Jadual XX menunjukkan bilangan anak-anak keluarga yang telah dikaji, yang pada ketika itu sedang menuntut di peringkat menengah atau lepas-menengah. Yang dimaksudkan dengan lepas-menengah itu termasuklah tingkatan VI, maktab-maktab dan universiti-universiti. Dari 177 orang anak-anak dari keluarga-keluarga yang dikaji di Wakaf Stan, Demit dan Kubang Kerian yang dalam peringkat menengah 115 (atau 64.6%) adalah dari keluarga yang berpendapatan kurang dari $200, dan yang selebihnya dari keluarga berpendapatan $200 ke atas. Di peringkat lepas-menengah pula 9 dari 14 orang (atau 64.3%) dari keluarga berpendapatan kurang dari $200, manakala bakinya dari keluarga berpendapatan lebih dari $200. Persennya lebih kurang sama. Akan tetapi dari jadual kelihatan bahawa dari 280 keluarga yang dikaji di ketiga-tiga kawasan ini, 86.5% dari mereka adalah berpendapatan kurang dari $200. Membandingkan persen keluarga dalam jadual XIX dengan persen anak-anak mereka yang ke sekolah menengah serta lepas-menengah seperti dalam jadual XX mengikut kategori-kategori pendapatan yang sama, maka dapat disimpulkan bahawa peluang anak-anak dari keluarga berpendapatan lebih dari $200 adalah lebih baik sedikit daripada anaka-anak dari keluarga berpendapatan rendah dari itu, untuk mencapai pelajaran lebih tinggi. Keadaan ini lebih ketara lagi di Pasir Pekan di mana perbezaan milik dan pendapatan adalah lebih besar.

Di Pasir Pekan mengikut jadual XIX 36% daripada keluarga yang dikaji berpendatapan kurang dari $200, .manakala 64% lebih dari itu. Tetapi jadual XX menunjukkan bahawa 14 dari 51 anak-anak mereka yang ke sekolah menengah (iaitu 27.4%). dan 5 dari 20 yang sampai peringkat lepas-menengah (iaitu 25%) adalah dari golongan yang berpendapatan kurang dari $200. Angka-angka ini menjelaskan bahawa apabila diambil $200 sebagai garis pemisah nyata sekali bahawa peluang bagi anak-anak dari keluarga yang berpendapatan lebih dari $200 adalah lebih baik untuk mendapat pelajaran lebih tinggi. Ini bertambah jelas lagi bila dilihat bahawa 7 dari 11 orang daripada keluarga berpendapatan lebih dari $400 (atau 55%) yang sampai ke peringkat lepas-menengah itu memiliki tanah lebih dari 35 ekar. Yang lain anak-anak guru dan peniaga.

C. Corak Pimpinan dan Aliran Politik

Dalam bahagian ini akan dibincangkan mengenai dua partai politik yang terpenting sekali sekarang di Kelantan, iaitu PAS dan UMNO, dan pemimpin-pemimpin terkemuka dalam kedua-duanya. Sehingga tahun 1974 PAS dan UMNO sentiasa bersaing dan berlawanan hebat, terutama dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan lima tahun sekali untuk menentukan siapakah yang akan menguasai negeri Kelantan. Sejak Merdeka PAS telah mengalahkan UMNO tiga kali pada tahun-tahun '59, '64 dan '69, dan berjaya membentuk kerajaan negeri Kelantan. Selama 15 tahun PAS telah berkuasa sendirian. Akan tetapi dalam tahun 1974 PAS, dan beberapa buah partai lain telah bergabung dengan UMNO dalam apa yang dikenal sebagai Barisan Nasional (BN), dan bertanding dalam pilihanraya terakhir dengan menggunakan lambang dan program yang sama. BN telah memenangi semua kerusi, tetapi walaupun kedua-dua PAS dan UMNO diwakili dalam Majlis Undangan dan Majlis Negeri, jawatan-jawatan Mentri Besar dan Timbalannya dipegang oleh PAS.

Pemimpin-pemimpin PAS di negeri Kelantan tidak begitu banyak perubahannya sejak 15 tahun dulu. Kebanyakan mereka terdiri dari orang-orang yang berpendidikan Melayu atau Arab (agama). Cuma dalam beberapa tahun kebelakangan ini baru muncul dua tiga orang berpendidikan Inggeris yang berkelulusan Universiti, dan mereka ini seolah-olah ditenggekkan sahaja ke dalam pimpinan PAS sungguhpun mereka belum begitu lama dalam politik dan tidak mempunyai akar umbi yang kukuh dalam organisasi partai atau di kalangan rakyat, mungkin sebagai bukti untuk menunjukkan bahawa PAS juga mempunyai para 'intelek' dari universiti dalam pucuk pimpinannya. Tetapi yang paling berpengaruh di antara tokoh-tokoh PAS itu masih terus tok-tok guru dan bekas-bekas pegawai atau usahawan kecil yang telah memegang teraju PAS sejak ia mula bertapak di Kelantan. Hampir semua daripada mereka adalah pemimpin-pemimpin yang muncul dari orang kebanyakan, dan cuma seorang sahaja yang berasal dari golongan bangsawan.

Keadaan ini agak berlainan dengan pucuk pimpinan UMNO. Di antara mereka yang paling penting sekali adalah dari golongan bangsawan, mempunyai gelaran-

gelaran Tengku dan Nik. Ada juga yang bukan dari lapisan atasan tradisional ini, tetapi kebanyakan mereka adalah orang-orang profesional, sebagai doktor dan peguam, yang telah mencapai kejayaan dan mendapat tempat dalam masyarakat Kelantan. Jadi, pimpinan UMNO Kelantan merupakan pemaduan terutama sekali di antara golongan bangsawan dengan golongan profesional; kedua-duanya memang sudah mempunyai kedudukan status sosial yang tinggi. Hampir kesemua mereka ini berpendidikan Inggeris, dan berkelulusan universiti atau setaraf. Ramai yang pernah berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan, dan ada pula yang terlibat dalam usaha-usaha perniagaan atau perusahaan dengan kejayaan yang sangat besar.

Untuk kedua-dua partai, pimpinan di peringkat kampung muncul kebanyakannya dari kalangan lapisan atasan dalam struktur susunlapis masyarakat kampung itu sendiri, iaitu, tuan tanah, pegawai dan guru. Sebelum pilihanraya 1974 boleh dikatakan PAS dan UMNO sama-sama banyak mempunyai tuan-tuan tanah yang menjadi ahli-ahli jawatankuasa . cawangan-cawangan mereka di peringkat kampung. Tentang pegawai, terdapat dua jenis yang memainkan peranan besar, iaitu, pegawai-pegawai yang berkaitan dengan pentadbiran awam, terutama sekali penggawa dan penghulu, dan mereka yang berkaitan dengan keagamaan (atau masjid), iaitu imam. Guru-guru pula terbagi kepada dua golongan yang besar, iaitu guru-guru sekolah Melayu yang berkhidmat dengan Kerajaan, dan tok-tok guru yang mengelolakan atau mengajar di sekolah-sekolah pondok.

Pada mula-mulanya ramai penggawa yang terlibat dengan UMNO. Dari segi susunan birokrasi, penggawa di bawah dan bertanggungjawab kepada pegawai jajahan. Seperti yang telah dilihat, sebilangan besar mereka adalah dari golongan bangsawan, iaitu golongan yang menjadi tulang belakang UMNO. Persamaan latar belakang sosial ini, dan hakikat bahawa setengah dari pegawai jajahan itu pernah berkhidmat di bawah bekas-bekas pentadbir kanan yang sudah bersara dan sekarang memimpin UMNO pula, mempengaruhi sikap pegawai-pegawai jajahan itu terhadap UMNO. Simpati setengah-setengah mereka terhadap UMNO seterusnya mempengaruhi pula pendirian serta sikap setengah-setengah penggawa dan penghulu dalam politik. Tetapi tidak kurang pula penggawa atau penghulu yang bebas dari pengaruh seumpama itu. Secara terbuka atau bersembunyi-sembunyi mereka menyokong PAS. Dan mulai 1959 setelah mereka memegang teraju pemerintahan Kelantan, PAS (melalui kerajaan) telah mengisi banyak jawatan-jawatan penggawa dan penghulu yang kosong dengan orang-orang mereka pula. Ini mempastikan adanya orang-orang kuat PAS di luar bandar menyandang jawatan-jawatan berpengaruh.

Tentang imam pula ada mereka yang di bawah kuatkuasa Majlis Agama secara langsung dengan dibayar gaji atau elaun oleh Majlis itu. Majlis Agama terletak di bawah Sultan. Ketua Majlis ini ialah seorang menantu Sultan, yang juga abang kepada ketua UMNO Kelantan. Selama beberapa waktu Majlis itu dianggap sebagai dikusai oleh UMNO. Majlis telah menyekat imam-imam, melalui peraturan-peraturan yang dibuatnya dari masa ke semasa, daripada terlibat dalam politik, terutama yang menyokong PAS. Walau bagaimana pun di antara mereka memang ramai yang

tertarik dengan dasar keagamaan PAS, dan mereka ini, bersama-sama dengan imam-imam yang tidak terikat dengan Majlis, bukan cuma memberikan sokongan sahaja bahkan ada yang memimpin pula ranting-ranting PAS. Ini tidak bererti pula tidak ada imam-imam yang menyertai UMNO, sebab pada kenyataannya memang ada.

Mengenai guru-guru pula, guru Melayu dari mulanya telah menjadi suatu barisan yang kuat menyokong UMNO dan memberi pimpinan di peringkat rendah semasa gerakan menuntut kemerdekaan terutamanya. Mereka ini terus dengan UMNO selepas Merdeka. Tetapi satu krisis telah berlaku di antara kesatuan guru-guru kebangsaan dengan Kementerian Pelajaran (yang dikuasai oleh UMNO) pada penghujung 1950an, berhubung dengan dasar bahasa dan pelajaran kebangsaan, dan kemuncak darinya guru-guru Melayu telah menarik keluar sokongan mereka dari UMNO. Setengah dari mereka berpaling kepada PAS dan memperkokohkan pimpinan di ranting-ranting PAS. Tetapi tidak dinafikan bahawa masih ramai mereka yang tetap terus dengan UMNO.

Di antara guru-guru ini, golongan yang mengajar di sekolah-sekolah pondoklah yang kuat sekali bergerak untuk PAS, samada di peringkat negeri atau kampung. Tok-tok guru ini ramai di antaranya yang sudah bertahun di Mekah, Madinah, Kaherah dan seumpamanya. Seperti yang disebutkan lebih awal, mereka kembali ke tanah air dengan tidak mendapat tempat dalam Kerajaan. Dengan sendirinya timbul rasa pertentangan di kalangan mereka terhadap golongan bangsawan yang menguasai pentadbiran, dan yang berkaitan rapat dengan pucuk pimpinan UMNO pula. Selain dari itu mereka melihat PAS sebagai suatu saluran yang paling efektif untuk menegakkan cita-cita syiar Islam melalui penguasaan politik. Mereka ini dipandang tinggi bukan sahaja oleh penuntut-penuntut mereka, tetapi juga masyarakat kampung di sekitar pondok itu. Bukan sahaja mereka mempunyai kedudukan yang berpengaruh, bahkan pondok serta beratus penuntutnya itu mudah sekali menjadi suatu jentera organisasi yang boleh digerakkan dengan berkesan untuk mendapatkan sokongan bagi PAS.

Dalam persaingan di antara mereka, PAS telah mendapat sokongan yang lebih kuat daripada UMNO di kalangan orang-orang kampung yang merupakan golongan terbesar dalam lapisan bawahan itu. Walaupun ini timbul daripada interaksi berbagai faktor, akan tetapi nampaknya ada tiga faktor yang paling penting, iaitu: dasar dan organisasi PAS, dan keadaan orang-orang kampung itu sendiri.

Dasar-dasar politik PAS ditegakkan atas faham ke Islaman dan kebangsaan Melayu; dan PAS telah berjaya menegakkan imejnya sebagai pejuang bagi umat Islam, yang juga hampir semuanya orang Melayu di negeri ini. Walaupun UMNO juga boleh dan telah mendakwa diri sebagai memperjuangkan matlamat-matlamat yang sama, akan tetapi pemimpin-pemimpin PAS dapat menyakinkan orang-orang kampung dengan hujah-hujah bahawa keMelayuan UMNO disangsikan kerana ia bekerjasama rapat dengan golongan-golongan bukan-Melayu (atau kafir) dalam MCA dan MIC, sehingga boleh diperalatkan oleh orang-orang Cina; dan keIslaman UMNO dipersoalkan sebab ia membenarkan amalan-amalan haram serta munkar berterusan

dalam negeri. Faham serta dasar-dasar PAS, dan kecaman-kecaman mereka terhadap UMNO telah diterangkan dengan berkesan, bersandarkan ayat-ayat Quran dan Hadis, bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin besar PAS yang begitu bijak berpidato, akan tetapi juga oleh tok-tok guru dan pemimpin-pemimpin kecil lain di peringkat kampung yang mempunyai hubungan rapat sekali dengan keluarga, sahabat atau pengikut-pengikut mereka di kalangan petani-petani kampung itu. PAS tidaklah boleh dikatakan mempunyai organisasi yang tersusun serta berdisiplin. Akan tetapi dengan mendapat tok-tok guru, imam-imam, penggawa-penggawa serta penghulu-penghulu yang disegani sebagai penyokong-penyokong kuat mereka, PAS telah dapat menampung sokongan yang luas pula dari orang-orang kampung. Institusi-institusi yang di bawah pengaruh mereka, seperti pondok, masjid dan surau dapat digerakkan untuk mencapai matlamat PAS. Jadi, pertubuhan ini telah dapat berkembang sebagai suatu gerakan yang meluas di kalangan rakyat.

Rakyat kampung itu sendiri pula dalam keadaan yang membuatkan mereka lebih cepat memberikan sambutan kepada PAS. Identiti keMelayuan, bahkan 'keKelantanan' mereka memang kuat, dan agama Islam mempunyai tempat yang paling rapat sekali dalam hati serta kehidupan sehari-hari mereka. Semangat Islam dan Melayu yang bersesuaian dengan nilai-nilai mereka, dan penerangan-penerangan yang dibuat dengan bahasa dan rangkai-rangkai kata yang mudah difahami, telah menggerakkan orang-orang kampung ini untuk menyokong PAS. Selain dari itu, dari segi sosio-ekonomi kedudukan mereka sangat sempit; mereka ketiadaan atau kekurangan tanah, berpendapatan kecil, dan menghadapi masa depan yang tidak pasti. Kegelisahan hidup mereka dapat didorongkan oleh pemimpin-pemimpin yang ingin merebut kuasa, yang sebilangan di antaranya berkonflik pula dengan kepentingan lapisan atasan yang telah lama menutup pintu jawatan-jawatan kerajaan kepada mereka itu, untuk mengikut jalan yang mahu mengganti orang-orang yang memegang teraju pemerintahan di negeri itu.

Pemimpin-pemimpin PAS telah dapat menggembelingkan kegelisahan-kegelisahan ekonomi rakyat, dan konflik-konflik sosial yang wujud pada banyak peringkat, dan menyuarakannya melalui bangsa dan agama. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa wujud juga asas-asas ekonomi dalam sokongan yang diberikan oleh lapisan-lapisan bawahan masyarakat kepada pimpinan dan gerakan PAS itu. Tetapi tidak tepat pula bagi kita mengatakan bahawa PAS merupakan partai yang mewakili kepentingan lapisan bawahan dari petani-petani, sebab ideologi dan politik PAS itu nyata berasaskan bangsa dan agama, yang akhirnya boleh diperalatkan untuk kepentingan beberapa kerat pemimpin serta lapisan atasan dalam masyarakat jua.

Dalam tahun 1974 PAS telah bergabung beserta UMNO di dalam BN (dan adalah di luar bidang kajian ini untuk menganalisa sebab yang mendorongkan penggabungan ini.) Yang nyata ialah bahawa dengan penggabungan ini pemimpin-pemimpin PAS yang berjaya naik ke lapisan atasan melalui 'kecapaian' politik, telah menjalin-

kan perpaduan politik dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang kebanyakannya berlatarbelakangkan kedudukan sosial yang tinggi secara turunan itu. Kemungkinannya ialah sekarang ini akan lebih sulit lagi bagi pemimpin-pemimpin PAS yang sama untuk menyuarakan kegelisahan-kegelisahan lapisan bawahan masyarakat, dan akan lebih ketara lagi nanti jurang sosial di antara lapisan bawahan yang memberikan sokongan kepada PAS dahulu dengan pimpinan PAS yang sudah mula tersedut ke dalam lapisan atasan sekarang.

D. Kesimpulan

Perbezaan milik tanah, pekerjaan dan pendapatan merupakan faktor-faktor ekonomi yang penting dalam menimbulkan ketidaksamaan sosial di kalangan masyarakat Kelantan. Struktur susunlapis ekonomi mempunyai kaitan rapat dengan soal-soal seperti ketidaksamaan sosial, peluang pelajaran, dan juga pengaruh politik. Di Kelantan, mereka yang tergolong ke dalam lapisan atasan mempunyai asas ekonomi yang kokoh dan cara hidup yang mewah. Faktor-faktor ini membolehkan setengah daripada mereka bergerak dalam lapangan yang lebih luas dalam bermacam bidang untuk memperkokohkan lagi kedudukan ekonomi mereka, dan meninggikan lagi status mereka. Akibatnya jurang di antara lapisan atasan di bandar dengan lapisan bawahan di kampung semakin jelas melebar.

Perbezaan ekonomi serta sosial ini juga menimbulkan perbezaan peluang mendapatkan kemudahan sosial, seperti pelajaran. Walaupun sekarang ini pelajaran tidak lagi merupakan monopoli lapisan atasan semata, tetapi bukti-bukti memang banyak untuk menunjukkan bahawa peluang mendapat pelajaran lebih baik hingga peringkat lebih tinggi adalah lebih luas terbuka kepada mereka yang kaya dari lapisan atasan dalam masyarakat negeri mahu pun kampung, berbanding dengan lapisan bawahan yang ramai dan miskin-miskin di kampung itu.

Dari segi politik, orang-orang di lapisan atasan dan pertengahan (yang sebenarnya merupakan lapisan atasan kampung juga setengah-setengahnya) mempunyai pengaruh yang kuat. Kekuatan orang kampung pada masa ini ialah pada jumlah banyak mereka. Masih belum luas kesannya partai atau gerakan politik yang boleh menggembelingkan tenaga rakyat tani ini atas asas ideologi serta dasar yang benar-benar berakar tunjang pada kepentingan lapisan bawahan itu sendiri. Kekecewaan mereka terhadap partai-partai dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang sering menjelma dalam kelohan-kelohan yang selalu mereka suarakan, bahawa nasib mereka tidak berubah, dan partai-partai serta pimpinan-pimpinan yang ada serupa belaka, sama-sama menjaga kepentingan diri sahaja. Kata-kata sebagai "Seperti tu la!" yang meluas terdengar di kalangan orang-orang kampung di Kelantan menyuarakan rintihan dan kekeciwaan mereka.

Di Kelantan hampir semua dari lapisan atasan dan bawahan adalah terdiri dari orang Melayu. Apabila jurang ekonomi dan sosial di antara kedua-dua lapisan ini

bertambah melebar, ini merupakan jurang antara orang-orang Melayu sendiri. Begitu juga, apabila berbeza peluang-peluang pelajaran dan kepemimpinan di antara yang kaya dengan yang miskin, ini juga merupakan perbezaan peluang di antara orang-orang Melayu. Garis-garis pemisah ini tidak dikaburkan oleh faktor kaum sebagaimana yang terdapat di banyak negeri lain dalam Semenanjung, di mana kadar bilangan orang bukan-Melayu lapisan atasan dan kaya adalah lebih besar dari kadar bilangan orang-orang Melayu dalam lapisan yang sama. Perkembangan politik, ekonomi dan sosial di Kelantan akan datang boleh merupakan satu perkara yang menarik, dan mungkin mempunyai kesan yang besar ke atas masa depan orang-orang Melayu seluruhnya.

Bab V

USAHA-USAHA UNTUK PEMBANGUNAN

Bab ini akan membicarakan tentang usaha-usaha untuk pembangunan di Kelantan dalam konteks rancangan-rancangan pembangunan bagi seluruh negara. Bukan tujuan di sini untuk menurunkan secara terperinci tentang rancangan-rancangan yang telah dibuat atau projek-projek yang telah dilaksanakan, kerana ini dapat dan telah pun dilakukan dalam laporan-laporan atau penerbitan-penerbitan rasmi Kerajaan. Tetapi apa yang akan cuba dilakukan ialah untuk melihat, sekiranya ada, pola-pola yang boleh menunjukkan arah tujuan usaha-usaha pembangunan itu, dan idea-idea atau falsafah di sebaliknya, supaya dapat dijawab soalan: Pembangunan untuk apa? dan untuk siapa? Daripada perbincangan sebelum ini dapat difahami bahawa satu masalah serius yang dihadapi oleh negara amnya dan Kelantan khususnya ialah kemiskinan; dan orang-orang yang miskin itu terdiri sebilangan ramainya dari lapisan bawahan yang tertumpu di kampung. Jadi ingin diketahui: Adakah usaha-usaha pembangunan ditujukan untuk menghapuskan kemiskinan ini, dan seterusnya, adakah rakyat miskin itu yang diutamakan dalam perhitungan melaksanakan projek-projek mengikut rancangan-rancangan tersebut.

A. Usaha-usaha Pembangunan Peringkat Semenanjung

Negeri ini telah mempunyai dua rancangan pembangunan yang disiapkan oleh Kerajaan dan diberi nama 'Rancangan Malaysia Pertama' (1966–70) dan 'Rancangan Malaysia Kedua' - RMK (1971–75), dan sebelum dari itu ada pula 'Rancangan Lima Tahun' (1960–65). Kesemua rancangan ini merangkakan tujuan-tujuan yang hendak dicapai dan projek-projek yang hendak dilaksanakan, terutama sekali bagi pembangunan ekonomi. Dalam semua rancangan ini dilihat bahawa masaalah kemiskinan telah disebut sebagai masaalah ekonomi dan sosial yang besar dan perlu diatasi. RMK misalnya, yang berdasarkan kepada apa yang telah diumumkan sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB), mempunyai dua tujuan penting, iaitu: (a) mengurang dan akhirnya menghapuskan kemiskinan dengan cara menaikkan paras pendapatan dan memperluas peluang-peluang pekerjaan, dan (b) menyusun semula masyarakat untuk membetulkan ketidak-seimbangan ekonomi di antara kaum. Tujuan-tujuan ekonomi ini diselaraskan dengan apa yang dianggap sebagai matlamat negara yang lebih besar, iaitu Perpaduan Bangsa.

Mengikut buku RMK, matlamat menghapuskan kemiskinan boleh dicapai melalui tujuan-tujuan berikut:—

i. Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang mempunyai daya pengeluaran rendah dengan menggunakan teknik-teknik moden serta kemudahan-kemudahan lebih baik. Langkah-langkah yang boleh diambil untuk tujuan ini ialah dengan mengadakan tanaman dua kali setahun, parit dan tali air, pasaran dan kredit, bantuan wang, teknik dll.;

ii. Peluang-peluang yang bertambah untuk pergerakan antara sektor, dari aktiviti-aktiviti yang rendah daya pengeluarannya kepada yang tinggi dalam rancangan-rancangan tanah, projek-projek perikanan dan perhutanan yang moden, dan dalam perniagaan serta perusahaan; juga dengan mengadakan peluang-peluang pelajaran dan latihan, dan menyediakan bantuan-bantuan dan organisasi-organisasi yang memudahkan pergerakan kepada sektor-sektor moden itu;

iii. Menyediakan berbagai perkhidmatan masyarakat yang percuma atau dibantu untuk menaikkan taraf hidup golongan-golongan berpendapatan rendah; antara perkhidmatan-perkhidmatan ini ialah air, letrik, pengangkutan, rumah, sekolah, hospital dll.

Tujuan-tujuan di atas ini ialah terutama sekali untuk menaikkan paras pendapatan. Untuk memperluaskan peluang pekerjaan pula, maka selain dari mengawal penambahan penduduk, dan dengan itu tenaga kerja, melalui rancangan keluarga, maka lebih penting lagi hendak diperluaskan sektor perindustrian dan perkhidmatan, supaya peluang-peluang pekerjaan semakin bertambah. Pelaburan-pelaburan digalakkan untuk memenuhi kehendak-kehendak mengadakan pekerjaan itu. Antara cara-cara penggalakkan itu ialah dengan memberi taraf perintis kepada perusahaan-perusahaan baru, dan dengan taraf ini pelabur dibebaskan sepenuhnya dari membayar cukai pendapatan dalam tempoh 2 hingga 5 tahun, bergantung kepada peringkat pelaburan modal tetap, atau bilangan pekerja yang diambil. Selain dari itu tidak ada pula sekatan ke atas pelabur-pelabur mengangkut keluar seberapa banyak keuntungan yang mereka perolehi dari pelaburan mereka.

Daripada keterangan-keterangan di atas, jelas bahawa rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengurang dan akhirnya menghapuskan kemiskinan adalah mengikut strategi yang selalu digunakan untuk pembangunan, iaitu, melaksanakan dengan cara yang berseimbangan dua perkara, pertama, memajukan sektor pertanian, dan kedua, menggalakkan perindustrian. Di bawah RMK, langkah-langkah yang diutamakan, dan paling senang dilihat kejayaannya ialah:

i. rancangan tanah di bawah Felda;
ii. rancangan perairan dan tanaman dua kali;
iii. rancangan bantuan wang dan teknik;
iv. rancangan membina klinik, hospital, sekolah dll.;
v. rancangan menggalakkan pembinaan kilang-kilang perintis.

Atas anjuran Felda, sehingga akhir tahun 1974 seluas 659,714 ekar tanah

getah, kelapa sawit serta tempat kediaman telah dibuka, dengan menempatkan sejumlah 30,100 buah keluarga yang mengandungi kira-kira 200,000 orang. Di beberapa negeri pula rancangan perairan telah dilaksanakan, seperti rancangan Muda di Kedah dan Kemubu di Kelantan. Sehingga tahun 1974 dianggarkan bahawa kira-kira 58% dari kawasan pertanian padi mendapat kemudahan-kemudahan perairan dan oleh itu dapat bertanam dua kali setahun. Mengenai bantuan-bantuan pula, bantuan tanam semula getah telah lama dijalankan, dan subsidi-subsidi diberikan untuk padi dan baja. Kemudahan-kemudahan sosial seperti klinik, hospital, pusat-pusat latihan dan pelajaran, memang banyak didirikan dalam beberapa tahun yang lalu. Kepesatan kemajuan dalam bidang ini selalu diukur dengan bilangan hospital-hospital dan universiti-universiti yang telah didirikan, misalnya. Akhirnya, dari segi perindustrian, beberapa kawasan telah dibuka dan dikhaskan bagi kilang-kilang perintis di Petaling Jaya-Sungai Way (Selangor), Bayan Lepas (Pulau Pinang), Skudai (Johor), Senawang (Negeri Sembilan), Jalan Gambang (Pahang) dan lain-lain lagi. Semua ini, dari segi kuantitinya, berbanding dengan keadaan 15 tahun dulu, boleh dan memang sering dikemukakan sebagai bukti-bukti pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Berpaling kepada tujuan kedua DEB pula, iaitu menyusun semula masyarakat, ini ialah untuk beransur-ansur menghapuskan pengenalan satu-satu kaum dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang tertentu, sebagaimana yang terdapat masa ini. Dengan demikian juga diharap keadaan tidak seimbang di antara kaum dari segi ekonomi juga akan hilang. Untuk mencapai tujuan ini RMK mengadakan dasar-dasar serta rancangan-rancangan bagi memodenkan penghidupan di luar bandar, menyediakan latihan-latihan serta pelajaran-pelajaran lebih baik pada semua peringkat, dan yang paling mustahak, mempastikan pembentukan golongan-golongan peniaga serta pengusaha Melayu pada semua peringkat kegiatan, supaya dalam satu generasi bumiputera dapat menyertai penghidupan ekonomi seluruh negara sebagai rakan yang setaraf dengan bukan-bumiputera. Satu matlamat yang besar dalam hal ini ialah untuk berusaha supaya pada tahun 1990, 30% dari modal dalam bidang-bidang perniagaan serta perusahaan akan berada di dalam tangan bumiputera. Badan-badan berkanun seperti MARA, UDA, PERNAS, dan di peringkat negeri, SEDC, ditubuhkan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat ini.

Dalam RMK ditegaskan bahawa tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat besar yang terkandung dalam DEB itu akan dicapai sebaik-baiknya dalam keadaan ekonomi yang berkembang. Maka itu perlulah kadar penambahan Keluaran Negara Kasar (KNK) yang lebih tinggi, dan dalam konteks negeri ini bergantung bukan sahaja kepada penghasilan serta harga yang baik bagi bahan ekspot seperti getah, bijih timah, balak, sawit dan sebagainya, tetapi juga daya pengeluaran dari sektor pertanian dan perusahaan yang lebih tinggi. Ertinya, kadar penambahan pendapatan per-kapita yang lebih tinggi perlu dicapai. Peluang-peluang yang lebih luas, timbul daripada ekonomi yang berkembang ini, dipercayai membolehkan penyertaan yang

lebih besar dari golongan-golongan luar bandar dan bumiputera; dan inilah yang dijangka akan menolong menaikkan taraf hidup mereka. Memang tepatlah sebagaimana yang ditekankan selalu oleh RMK, bahawa strateginya dan falsafahnya adalah didasarkan kepada konsep "penyertaan yang lebih aktif dan bukannya pembagian yang boleh merosakkan" (RMK, ms. 43). Tegasnya, struktur sosio-ekonomi yang memungkinkan perbezaan pemilikan serta penguasaan punca-punca kekayaan, dan menjelmakan ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang kian bertambah itu, tidak disentuh.

Untuk mencapai perkembangan ekonomi negara yang lebih pesat dan penyertaan bumiputera yang lebih luas, maka ditegaskan bahawa kerajaan dan sektor swasta sama-sama mempunyai peranan. Kerajaan boleh menyertai secara langsung dalam pembentukan serta pengurusan bermacam jenis usaha pengeluaran; ini mungkin dilakukan secara pemilikan penuh atau usaha-usaha bersama dengan sektor swasta.

Peranan kerajaan ini meliputi juga pembiayaan dan pengendalian rancangan-rancangan membuka tanah baru dan pusat-pusat pelajaran serta latihan yang lebih banyak. Selain dari itu kerajaan akan membaiki kemudahan-kemudahan perhubungan. Sektor swasta pula diharapkan akan terus menanam modal yang lebih dan membuka lebih banyak kilang di kawasan-kawasan perusahaan yang telah dikhaskan di beberapa negeri. Maka diharapkan juga mereka akan mengambil lebih ramai lagi kakitangan-kakitangan yang terdiri dari bumiputera, supaya sebanyak-banyak pemuda yang berpindah dari luar bandar ke bandar akan dapat ditampung, dan seramai-ramai usahawan bumiputera dapat ditimbulkan.

Pada masa yang telah sudah-sudah, dan sekarang pun, sektor swasta memainkan peranan yang besar dalam bidang ekonomi negara. Pelaburan dalam sektor ini kira-kira dua kali ganda melebihi pelaburan yang ditanam oleh kerajaan sendiri. Bererti sektor swasta terus mempunyai pengaruh besar untuk menentukan corak ekonomi negeri ini pada masa akan datang. Ini pasti akan berlaku selagi kerajaan menggalakkan perkembangan sistem *laissez faire* (ekonomi bebas). Dalam sistem ini, dan apatah lagi manakala sektor swasta begitu besar sekali pengaruhnya, kerajaan sebenarnya tidak berupaya untuk mengawal langkah-langkah yang diambil oleh sektor swasta itu. Ini bermakna rancangan yang hendak dijalankan oleh kerajaan itu tidak semestinya mengikat sektor swasta atau dituruti oleh mereka. Kerajaan cuma boleh menyatakan harapannya sahaja, dan setinggi-tingginya mengenakan beberapa syarat. Tetapi syarat-syarat itu tidak boleh terlalu ketat, kerana mungkin mengakibatkan kekurangan, atau lebih seriüs lagi, penarikan keluar pelaburan-pelaburan dalam sektor swasta itu. Dalam kontek penggalakkan sistem ekonomi bebas dan pelaburan swasta inilah kerajaan berharap hendak mencapai matlamat-matlamatnya untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kesannya akan dibicarakan nanti.

B. Usaha-usaha di Peringkat Negeri

Di Kelantan projek-projek pembangunan di bawah RMK dan rancangan-rancangan sebelumnya sangat terbatas. Salah satu sebab yang selalu dikemukakan ialah kekurangan wang. Oleh kerana perbezaan politik, maka Kerajaan Pusat, yang dikuasai oleh Perikatan, sebelum 1974 telah menyekat peruntukan-peruntukan wang untuk pembangunan kepada Kerajaan Kelantan, yang dikuasai oleh PAS secara sendirian. Ada kalanya peruntukan yang hendak diberikan telah tidak diterima, sebab tidak tercapai persetujuan tentang syarat-syaratnya, terutama tentang penempatan projek dan atas nama kerajaan mana pengendaliannya patut dilakukan. Soal pembiayaan projek-projek pembangunan sering menjadi pertarungan politik partai. Misalnya, dalam pilihanraya 1969, Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan bahawa wang berjumlah $546 juta untuk projek-projek pembangunan akan disalurkan ke Kelantan sekiranya rakyat mengundi dan memberi kuasa kepada Perikatan. Pengundi-pengundi telah menolak Perikatan sekali lagi, dan memilih PAS untuk berkuasa lima tahun lagi. Tetapi sekarang, dengan bergabungnya PAS di dalam BN, lebih banyak projek dan wang telah dijanji-kan kepada Kelantan.

Sebelum 1974, beberapa projek telah dijalankan, walaupun sedikit sahaja bilangan-nya. Rancangan tanah di bawah Felda hanya satu sahaja dibuka, iaitu di Air Lanas, itu pun sebelum PAS berkuasa di Kelantan pada 1959. Kerajaan negeri telah membuka beberapa rancangan tanahnya sendiri, 25 buah semuanya, terutama di Ulu Kelantan. Berlainan dengan tanah rancangan Felda, di rancangan-rancangan negeri ini pihak peneroka menebang-menebas, menanam dan membina rumah dengan tenaga dan perbelanjaan sendiri. Rancangan-rancangan yang dibuka itu meliputi seluas lebih 75,000 ekar, dan menempatkan kira-kira 7,500 keluarga. Rancangan-rancangan ini jauh lebih murah dari rancangan-rancangan Felda. Selain dari itu kerajaan Pusat pula telah melaksanakan rancangan perairan Kemubu. Rancangan yang memakan belanja sebanyak $76.5 juta ringgit ini, meletakkan kawasan padi seluas 50,000 ekar sebagai kawasan yang boleh melaksanakan rancangan tanaman dua kali setahun. Rancangan Kemubu ini adalah rancangan perairan yang kedua besarnya setelah rancangan Muda di Kedah. Kemudian, sebagai langkah menyediakan kemudahan-kemudahan sosial, beberapa buah sekolah dibena, dan hospital besar dirancang.

Untuk menjalankan projek-projek pembangunan di bawah riayah kerajaan Negeri sendiri, maka sebuah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah didirikan, mengikut jejak perbadanan-perbadanan serupa itu (dikenal sebagai SEDC) di beberapa buah negeri lain, seperti Selangor dan Trengganu sebelumnya. Penubuhan PKINK bermula pada 6 November 1966 dengan Enakmen 10, 1966 yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri Kelantan. Walau macamana pun PKINK telah menjalankan projek pertamanya hanya pada awal 1970. Di antara tugas-tugas PKINK sebagaimana yang terkandung di dalam enakmen itu ialah:

i. memajukan kawasan-kawasan perumahan, perusahaan dan perniagaan dalam negeri Kelantan;
ii. menggalak serta melaksanakan rancangan kemajuan tanah dalam negeri Kelantan; dan
iii. menjalankan lain-lain usaha yang perlu untuk memenuhi tugas-tugas Perbadanan.

Jadual XXI

Jenis-jenis Projek PKINK Yang Telah Dilaksana (TL) Sedang Dilaksana (SL) dan Dalam Rancangan (DR)

Jenis	TL	SL	DR	Jumlah
Pertanian	1	1	2	4
Perdagangan	2	–	–	2
Pembinaan	7	4	9	20
Perusahaan	1	–	9	10
Perhubungan	–	1	1	2
Jumlah	11	6	21	38

Untuk membolehkan PKINK memulakan tugasnya, kerajaan Kelantan telah meluluskan wang sebanyak sejuta ringgit sebagai modal permulaan. Tetapi kerajaan akhirnya telah menjelaskan hanya $700,000 sahaja.

Projek-projek yang dirancangkan oleh PKINK boleh dibagi kepada lima jenis, iaitu, pertanian, perniagaan, pembinaan, perusahaan dan perhubungan. Projek-projek pertanian (termasuk perikanan) tidak banyak, antaranya membuka kawasan kelapa sawit dan menyediakan pukat-pukat tunda. Yang berbentuk perdagangan pula ialah, stesyen minyak dan emporium batik. Projek-projek pembinaan paling banyak sekali, dan ini termasuklah membina rumah-rumah kediaman, rumah kedai, hotel dan pejabat. Antara projek-projek jenis perusahaan ialah kilang papan, kilang baja, kilang air batu dan kuari; manakala projek perhubungan jelas cuma membuat jalan sahaja. Semua sekali PKINK telah merancangakn 38 projek, dan sehingga awal 1974, 17 telah ataupun sedang dilaksanakan, manakala 21 masih dalam rancangan lagi. Daripada 17 projek yang telah atau sedang dilaksanakan didapati bahawa sebahagian besar darinya, iaitu 11 dari 17 ialah projek-projek pembinaan. Hampir separuh daripada projek-projek ini masih lagi dalam rancangan. Hampir semua projek perusahaan belum dimulakan lagi (ertinya masih dalam rancangan juga); dan satu yang telah siap itu ialah kilang papan. Secara keseluruhan

penumpuan adalah kepada projek-projek pembinaan dan perusahaan. Kebanyakan daripada projek-projek ini bertumpu di kawasan bandar, terutamanya Kota Bharu, dan 8 dari 11 projek yang telah dilaksanakan terletak di ibu negeri itu juga.

Punca wang bagi projek-projek adalah berlainan; ada dari tabung PKINK sendiri, seperti pembinaan rumah-rumah kedai; ada dari hasil konsesi tanah balak, misalnya, tanah seluas 120,000 telah diberi kepada sebuah syarikat perkayuan, dan selain dari membayar hasil syarikat itu juga bersetuju membina sebuah jalan kelas D sepanjang 30 batu dari perbatasan Kelantan-Perak hingga Gua Musang, dan jalan ini akan menjadi sebagian dari lebuh raya Timur-Barat; ada pinjaman dari institusi-institusi tertentu, misalnya, projek membuat 30 buah bot pukat tunda di Tumpat dibiayai dengan pinjaman dari Bank Pertanian sebanyak $400,000. Terdapat juga yang bergantung kepada lebih dari satu punca, misalnya, PKINK mempunyai modal 20% dari seluruh jumlah modal yang dibenarkan sebanyak $10 juta untuk sebuah kilang papan dekat Kuala Krai (Great Eastern Mills), dan syer PKINK itu mengandungi $800,000 yang diperolehi dari konsesi 100,000 ekar tanah untuk usaha balak kepada syarikat itu, dan selebihnya pinjaman dari tabung pembangunan perindustrian — MIDF. Akhir sekali ada juga projek yang dibiayai oleh kerajaan Pusat, misalnya, untuk memodenkan bandar Kota Bharu modal sebanyak lebih dari $10 juta diperlukan, dan kerajaan Pusat, melalui UDA telah berjanji akan membiayainya.

C. Penilaian Ke Atas Usaha-Usaha Pembangunan

Adalah keterlaluan untuk mengatakan bahawa usaha-usaha pembangunan yang telah dijalankan itu tidak berguna sama sekali. Tanah baru, tali air, bantuan tanaman semula atau baja, hospital dan sekolah memang berguna sekali, terutama bagi mereka yang mendapat faedah darinya. Yang menjadi soal sekarang ialah, berapa besarkah bilangan yang mendapat faedah itu? Dan adakah mereka dari golongan paling miskin dan paling memerlukannya? Lebih penting lagi, adakah dengan projek-projek ini kemiskinan bertambah kurang, kalau pun tidak hapus?

Dalam sebuah karangan yang lain telah ditunjukkan bahawa kadar pembukaan tanah baru di bawah Felda adalah jauh lebih kecil dari kadar penambahan bilangan petani dalam negeri ini (S. Husin, 1976). Ertinya tanah-tanah baru ini tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan bilangan petani yang bertambah setiap tahun, dan dengan demikian secara keseluruhannya tidak mungkin akan dapat mengatasi masalah ketiadaan atau kekurangan tanah yang memang sudah sedia wujud. Di Kelantan jumlah tanah yang telah dibuka itu terlalu sedikit dan lebih kecil daripada tanah yang telah diberikan kepada seorang bekas Mentri Besar saja. Bilangan mereka yang sangat-sangat memerlukan tanah itu begitu ramai, terutama di Kawasan I (termasuk Pasir Mas, Tumpat, Bacok dan lain-lain itu), yang merupakan salah satu kawasan paling padat sekali penduduknya di Semenanjung, dan mereka yang berpeluang memasuki rancangan negeri itu sebenarnya tidak lebih dari satu

tanda saja. Selanjutnya, projek-projek tanah ini tidak memasukkan ke dalam pertimbangan tentang generasi selepas dari yang mendapat tanah itu. Jadi dalam bentuk yang ada sekarang, rancangan tanah itu belum begitu memuaskan, dan tidak menjamin penyelesaian soal tanah, walaupun bagi separuh dari petani-petani yang ketiadaan atau kekurangan tanah itu.

Projek perairan pula memang mempunyai potensi yang besar untuk menolong petani-petani yang di dalam kawasannya. Tetapi kesan sepenuhnya dari projek ini hanya akan dapat terasa jikalau ia disertai oleh perubahan-perubahan lain khususnya dalam sistem pemilikan, sewa-menyewa, pasaran dan sebagainya. Petani-petani tidak bertanah, yang belum tentu terjamin boleh mendapat tanah untuk dikerjakan setiap musim, tidak sentiasa akan mendapat faedah dari projek itu. Penyewa-penyewa tanah yang mengerjakan tanah dua kali setahun ditentukan pula oleh undang-undang supaya membayar sewa dua kali juga. Ini seolah-olah hendak menghukum penyewa-penyewa kerana kerajinan mereka. Jikalau tuan tanah tidak membayar cukai dua kali bagi tanah yang dikerjakan dua kali, dan juga pemilik ladang tidak dikenakan cukai bertambah mengikut pengeluaran bertambah hasil dari tanaman semula, mengapa pula jadinya penyewa tanah padi mesti menggandakan pembayaran sewanya apabila dia bersedia bekerja dua kali lebih rajin? Seterusnya, soal pemasaran keluaran yang bertambah boleh menjadi satu perkara yang rumit, dan jikalau dimonopoli oleh orang tengah atau tidak diselenggara dengan baik, akibatnya ialah harga pengeluaran petani akan jatuh, dan ini akan menjejaskan pendapatannya pula. Yang teruk sekali menderita ialah petani-petani miskin jua.

Tentang peluang mendapat bantuan wang dan teknik, sama juga seperti peluang melanjutkan pelajaran atau layanan istimewa di hospital-hospital, ini adalah lebih terbuka luas kepada mereka yang kaya. Untuk meminjam mesti ada sandaran. Untuk mendapat bantuan tanam semula mesti ada tanah sendiri yang hendak ditanam semula. Seterusnya, keluarga-keluarga yang miskin adalah kurang kemampuan dan kemungkinan untuk sampai ke universiti atau masuk ke hospital besar, jikalau dibandingkan dengan yang kaya, walaupun tidak dinafikan adanya dari kalangan miskin itu yang telah dapat berbuat demikian. Semua perkara ini telah disentuh lebih dulu (lihat bab IV) dan tidak perlu diulangi di sini. Berpaling khususnya kepada rumah-rumah, kedai-kedai, hotel-hotel dan juga kilang-kilang, seperti yang diusahakan oleh PKINK, hampir semua projek ini lebih menguntungkan pegawai-pegawai, peniaga-peniaga, serta usahawan-usahawan dari lapisan-lapisan pertengahan dan atasan, bukannya petani-petani dari lapisan bawahan. Memang benar peluang pekerjaan terbuka sedikit. Tetapi pada kenyataannya, dari semua projek PKINK yang telah dilaksanakan hanya 1,096 orang sahaja berpeluang mendapat kerja pada tahun 1973, walhal pada masa yang sama, bilangan yang mencari kerja berjumlah kira-kira 11,000 orang.

Tujuan menyusun semula masyarakat lebih jelas lagi untuk lapisan mana faedahnya. Dalam rangka tujuan ini keseimbangan yang hendak dicapai ialah keseimbangan mendatar, bukannya menengak. Ertinya, keseimbangan yang hendak dicari ialah antara peniaga atau pengusaha bumiputera dengan bukan-bumiputera, misalnya, bukannya keseimbangan antara petani bumiputera dengan tuan tanah besar bumiputera, atau antara buruh bukan-bumiputera dengan pemodal besar bukan-bumiputera juga. Matlamat supaya lebih ramai lagi bumiputera menyertai lapangan-lapangan perniagaan serta perusahaan, dan supaya 30% dari modal saham dalam tangan Bumiputera, adalah contoh yang jelas sekali untuk menegakkan keseimbangan mendatar itu. Pada asasnya matlamatnya ialah untuk menggalakkan pertumbuhan lebih ramai lagi golongan pemodal bumiputera agar bilangan mereka seimbang dengan bilangan pemodal-pemodal bukan-bumiputera. Samada ini akan mengakibatkan ketidakseimbangan di kalangan bumiputera itu sendiri atau tidak bukanlah menjadi soal sangat, kerana ini nampaknya dikira sebagai satu-satunya harga yang harus dibayar untuk memajukan bumiputera, walaupun segelintir sahaja, sebagai peniaga dan pengusaha yang setanding dengan kaum lain. Nyatalah yang akan mendapat faedah bukannya rakyat tani.

Perniagaan serta perusahaan yang hendak disertai oleh bumiputera itu terus dijalankan atas dasar ekonomi bebas sungguhpun ada agensi-agensi anjuran Kerajaan, seperti MARA, UDA, PERNAS dll. sekarang ini. Yang lebih hebatnya ialah atas dasar ini pemodal-pemodal besar dari luar negeri masih terus juga diberikan peluang yang seluas-luasnya, bahkan digalakkan pula lagi untuk menambahkan pelaburan mereka. Ini merupakan lanjutan dari sistem serta dasar ekonomi lama yang telah berjalan sejak zaman penjajahan lagi. Dalam sistem ini, pemodal-pemodal asing, terutama sekali Inggeris memiliki kira-kira ¾ daripada estet-estet, kira-kira 2/3 dari pengeluaran bijih timah di negeri ini, dan menguasai kira-kira ½ daripada perdagangan impot-ekspot. Mereka mendapat laba yang banyak, dan membawa sebahagian besar darinya pulang ke negeri mereka sendiri. Anggaran laba yang dipunggah keluar ini berbeza-beza antara $600 hingga $1000 juta ringgit setahun (S. Husin, 1976).

Bersesuaian dengan dasar menggalakkan perindustrian sekarang ini, pemodal-pemodal asing terus digalak membuka kilang. Sehingga Disember 1968 sebanyak 142 syarikat telah diberikan taraf perintis. Jumlah pelaburan modal mereka ialah $444,868,383, dan dari jumlah ini sebanyak $260,786,904 adalah modal asing (iaitu 58%). Kebanyakan dari modal asing ini datang dari Amerika (28.2%), Jepun (22.9%), England (20%), Hong Kong (13%) dan Kanada (10.6%). Kelihatan bahawa sejak 1968 itu jumlah pelaburan asing meningkat naik terus. Sebagai contoh, sehingga akhir tahun 1973 Jepun telah mendirikan sebanyak 87 kilang dan melaburkan sebanyak $264,366, 386 di Semenanjung; tetapi tidak semua kilang ini diberikan taraf perintis. Lebih separuh dari modal ini telah ditanam dalam kilang-kilang besi dan besi waja, kain dan letronik. Jumlah modal Jepun dalam bidang

letronik ialah kira-kira $40,563,000 dan hampir 63% daripadanya dimiliki oleh Kumpulan Letronik Matsushita. Antara 1971–73, kumpulan ini telah mendapat untung kasar sebanyak kira-kira $5.5 juta setahun. Dalam tempoh lima tahun sahaja mereka sudah boleh balik modal, dan selepas itu boleh menuai untung sahaja (Shamsul Amri, 1976).

Kita tidak mempunyai data yang lengkap tentang keseluruhan jumlah untung yang didapati oleh semua syarikat perintis. Jumlah untung Matsushita itu, kalau pun tidak menunjukkan kadar untung bagi syarikat-syarikat jenis lain, sekurang-kurangnya membuktikan betapa besar sekali laba dari perusahaan letronik. Tidak heranlah mengapa begitu banyak syarikat-syarikat letronik asing suka berpindah ke Semenanjung ini. Sebaliknya apakah yang diperolehi masyarakat kita sendiri? Benar, kilang-kilang ini membuka peluang pekerjaan. Tetapi peluang ini ialah di peringkat paling rendah, sebagai buruh dan drebar. Jawatan-jawatan pengurus yang terkanan masih dipegang oleh orang-orang asing. Wanita-wanita lebih sering diambil bekerja, kerana mereka lebih tekun bekerja, lebih mudah dikawal sebab tidak begitu terlibat dengan kesatuan sekerja, dan boleh dibayar dengan gaji rendah. Pukul rata pekerja-pekerja letronik dibayar gaji kurang dari $100 sebulan. Seorang pengarah Motorolla, sebuah syarikat letronik Amerika, waktu menerangkan baru-baru ini mengapa ibu pejabatnya akan dipindahkan dari Hong Kong ke Semenanjung telah menyatakan bahawa keahlian pekerja-pekerja letronik di sini sama mutunya dengan pekerja-pekerja Amerika; tetapi apa yang tidak dijelaskannya pekerja-pekerja Amerika kadang-kadang bergaji 10 kali ganda lebih besar dari pekerja tempatan. Bukankah ini satu pengakuan jelas tentang penindasan yang dilakukan? Sebenarnya atas asas penindasan pekerja-pekerja inilah syarikat-syarikat asing mendapat keuntungan besar.

D. Perlunya Usaha-usaha Pembangunan Cara Lain

Perbincangan-perbincangan di atas kiranya sudah memadai untuk menegaskan bahawa sesungguhnya kita perlu mencari pendekatan dan melaksanakan usaha-usaha cara baru yang lebih berkesan lagi untuk mengatasi masaalah kemiskinan rakyat dan kemunduran negara. Dua cara yang sekarang ini bertambah banyak diperkatakan dan juga bertambah luas diamalkan terutama sekali di setengah-setengah negeri dalam Dunia Ketiga ialah: (a) pembaharuan pertanahan, dan (b) pemilik-negaraan punca-punca kekayaan yang penting.

Pembaharuan pertanahan bertujuan terutama sekali untuk menaikkan taraf para petani. Ia berlaku dalam bermacam bentuk, yang secara kasar dapat dibagikan kepada tiga jenis, iaitu:

i. yang tidak melibatkan penukaran sistem pemilikan dan pasaran yang wujud;
ii. yang melibatkan penukaran sebagian dari sistem pemilikan dan pasaran; dan
iii. yang menukar secara radikal seluruh sistem pemilikan dan pemasaran.

Mengikut jenis pertama yang menjadi tumpuan utama ialah usaha-usaha memperluaskan pembukaan tanah, membaiki syarat-syarat sewa-menyewa dan memberi kemudahan-kemudahan serta bantuan-bantuan. Lebih banyak kawasan atau rancangan tanah baru diadakan untuk petani-petani; kadar sewaan ditetapkan supaya jangan terlalu tinggi; kemudahan kredit dan bantuan baja diperbanyak. Tetapi soal penguasaan atau pemilikan sebagian besar tanah oleh tuan-tuan tanah besar dari dalam dan luar negeri tidak disentuh; dan cara pemasaran yang memungkinkan rantaian orang tengah — dari peruncit, pemborong hingga pengimpot-ekspot — menguasai penghidupan ekonomi petani-petani tidak dipersoalkan. Walaupun kualiti penghidupan setengah-setengah petani, biasanya sebilangan kecil sahaja, bertambah baik, tetapi jurang di antara mereka dengan golongan kaya tetap berterusan, bahkan kadang-kadang bertambah luas dan buruk. Hidup sebilangan ramai petani yang tidak mengecap nikmat perubahan ini semakin sempit meleset.

Jenis yang kedua pula, selain daripada melaksanakan apa yang dilakukan mengikut jenis pertama, cuba mengawal pemilikan daripada menjadi keterlaluan, dengan menentukan had milik tanah. Ada negara yang menentukan 100 ekar dan ada pula menentukan 25 ekar, umpamanya, sebagai jumlah maksima yang boleh dimiliki oleh seseorang tuan tanah. Selebih dari itu diambil-alih dan dibagi-bagikan kepada petani tidak bertanah. Masaalah yang selalu dihadapi ialah kadang-kadang setengah-setengah tuan tanah mendaftarkan milik mereka melebihi dari had maksima itu atas nama anggota-anggota keluarga dan juga orang-orang lain yang bersedia membuat perjanjian dengan mereka tentang milik sebenar. Melalui cara ini bukan sahaja milik asal dapat dipertahankan, bahkan pengumpulan milik baru pun dapat disembunyikan. Dalam bidang pemarasan pula, ada juga penggalakan sistem koperasi. Tetapi gerakan koperatif terpaksa bertanding dengan pengusaha-pengusaha swasta yang sudah berakar-tunjang dalam bidang yang lebih luas lagi. Dalam pertandingan ini koperasi, dan akhirnya petani juga, menjadi mangsa.

Jenis yang akhir lebih jauh lagi langkahnya. Pemilikan dan pengerjaan perseorangan diganti dengan pemilikan dan pengerjaan bersama. Maksudnya, semua tanah yang terdapat dalam satu-satu kawasan pertanian dijadikan milik bersama petani-petani dalam kawasan itu. Tuan-tuan tanah tidak dibenarkan. Milik perseorangan dibataskan kepada rumah, alat-alat kecil, dan bidang tanah yang sedikit di sekeliling rumah yang boleh digunakan untuk bercucuk tanam. Tanah-tanah pertanian dimiliki dan dikerjakan atas dasar koperasi, dan hasil keuntungannya dibagi-bagikan mengikut keperluan sekeluarga. Selain dari itu kilang-kilang memproses dan saluran-saluran pemasaran juga diusahakan dengan cara koperasi yang serupa juga. Pertandingan dari sektor swasta tidak wujud, oleh kerana sistem ekonomi bebas tidak lagi dibenarkan. Dengan cara begini penindasan yang boleh dilakukan oleh tuan-tuan tanah dan orang-orang tengah dapat dihapuskan sama sekali, dan tendensi bagi melebarnya jurang pendapatan dapat dikawal. Seterusnya,

taraf hidup yang lebih baik, terutama sekali bagi petani-petani adalah terjamin.

Pembaharuan tanah, walau bagaimana radikal sekali pun, tidak akan berjaya sekiranya ia tidak disertai dengan usaha memiliknegarakan punca-punca kekayaan penting yang dikuasai oleh pemodal-monopoli asing khususnya. Sejak beberapa tahun yang lalu ini Dunia Ketiga lebih yakin lagi dengan rancangan miliknegara ini. Beberapa sidang peringkat ketua negara atau menteri telah diadakan oleh negara-negara sedang membangun di beberapa tempat, dari Lima (1969) membawa kepada Aljazair (1971) dan Dakar (1975). Mereka bersetuju bahawa memiliknegara adalah satu cara yang baik dan perlu untuk menegakkan keperibadian politik dan keutuhan ekonomi negara-negara Dunia Ketiga. Pelaburan asing dianggap, antara lain, sebagai:

i. Satu usaha bekas penjajah dan kuasa-kuasa besar untuk melanjutkan pengaruh politik mereka secara tidak langsung melalui jalan ekonomi,
ii. punca besar kemunduran negara dan kemiskinan rakyat kerana keuntungan-keuntungan yang banyak dipunggah keluar dan bukan ditanam semula untuk pembangunan negara yang mengeluarkan kekayaan itu,
iii. tidak menyelesaikan masalah pengangguran sebab setengah-setengah perusahaan besar itu mengutamakan teknologi untuk mengurangkan belanja dan memaksimakan keuntungan, dan
iv. mengakibatkan pengaruh sosial serta kebudayaan buruk yang boleh meruntuhkan akhlak golongan-golongan pekerja yang mengalami cara hidup yang berbeza dari latar belakang luar bandar mereka yang asal.

Sekarang ini kekayaan yang dicapai oleh setengah-setengah negara pengeluar minyak, setelah mereka melaksanakan dasar miliknegara ini menjadi bukti bicara yang nyata tentang kabaikan dasar ini secara amnya.

Tetapi perlu dingat bahawa miliknegara yang hanya memindahkan kekuasaan ekonomi dari pemodal-pemodal asing kepada segelintir pemodal tempatan dari lapisan atasan belum tentu boleh menyelesaikan masalah kemiskinan. Memang benar bahawa keuntungan yang kembali semula ke pangkal itu boleh menyerap ke bawah untuk memberi kebajikan kepada lapisan bawahan. Proses ini terlalu lambat. Proses yang meluaskan jurang di antara rakyat yang ramai miskin dengan segelintir yang kian bertambah kaya itu adalah lebih cepat. Bahkan dalam negara berbilang bangsa, dan dalam keadaan di mana wujud satu golongan bangsa lebih maju dan berpengalaman dalam perniagaan serta perusahaan besar, miliknegara boleh menjadikan ekonomi golongan itu bertambah kokoh. Jurang kaya-miskin antara kaum akan meningkat, dan akibat politiknya mungkin paling serius pada jangka panjangnya. Maka itulah, untuk menjamin keuntungan dirasai oleh rakyat ramai, maka punca-punca kekayaan yang dimiliknegarakan itu perlu dikuasai oleh rakyat sendiri, atas dasar koperasi juga. Ini memerlukan sistem koperasi pada semua peringkat menggantikan sepenuhnya sistem ekonomi bebas. Samada dapat dilaksana

atau tidak bergantung pada sebahagian besarnya kepada perubahan yang berlaku dalam bidang politik.

Ada pihak yang mengatakan bahawa rancangan-rancangan seperti pembaharuan tanah yang radikal dan memiliknegarakan punca-punca kekayaan itu terlalu berat dan boleh mengakibatkan kesakitan. Tetapi untuk siapa? Pilihan di hadapan paling mudah. Hendak kekayaan dikuasai oleh negara asing atau negara sendiri? Mahu keuntungan besar dari kekayaan itu dipunggah keluar bagi kesenangan orang asing atau bagi pembangunan negara dan kemajuan rakyat? Hendakkan segelintir tuan tanah dan orang tengah besar yang hidup dengan penindasan terus mencengkam penghidupan sebagian besar petani miskin atau hendakkan petani-petani miskin menguasai penghidupan mereka bebas dari cengkaman ini? Mahu jurang miskin-kaya berkurangan atau bertambahan? Seorang negarawan pernah berkata lebih kurang begini: Jikalau kita mahu makan telur goreng, kita terpaksa memecahkan kulit telur itu dahulu. Begitu juga, untuk mencapai pembangunan negara dan kemajuan rakyat sistem sosio-ekonomi yang menjadi punca kemunduran dan kemiskinan itu perlu dirombak.

E. Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk pembangunan memang ada. Tetapi usaha-usaha ini lebih banyak menekankan kepada bidang-bidang seperti membangunkan tanah rancangan, membangunkan kilang-kilang, membangunkan klinik, hospital dan sekolah. Pembangunan lebih dikaitkan dengan bangunan. Usaha-usaha untuk mengubah susunan serta sistem sosio-ekonomi sehingga punca-punca asas kemunduran dan kemiskinan itu dapat dihapuskan tidak ditekankan. Kalaulah projek-projek pembangunan yang ada sekarang ini dilakukan dalam konteks sistem sosio-ekonomi yang berubah, maka kemungkinannya munafaat yang akan didapati oleh lapisan bawahan lebih berkesan dan luas lagi. Jika diumpamakan dengan usaha mengatasi penyakit seperti malaria, ia merupakan usaha memberi ubat sahaja kepada beberapa orang – tidak semua, atau sekurang-kurangnya majoriti – yang diserang oleh penyakit itu, bukannya usaha untuk menghapuskan punca malaria itu sendiri. Walaupun memang penting mengubat penyakit, tetapi dalam jangka panjang, menahan penyakit itu daripada berlaku dan terus merebak adalah lebih penting. Kemunduran negara dan kemiskinan rakyat merupakan penyakit sosio-ekonomi yang serius. Hamanya yang paling mengancam ialah dalam bentuk penindasan. Hama ini bercambah dalam suasana di mana wujud penumpuan milik dan penguasaan ekonomi dalam tangan sebilangan kecil pemodal-monopoli asing dan golongan kaya tempatan; dan suasana ini dihidupkan oleh sistem ekonomi bebas. Nyatalah apa dia yang harus menjadi sasaran sebenar untuk mencapai pembangunan serta kemajuan tulin.

Usaha pembangunan yang telah dijalankan di negeri ini sedikit sebanyak memang sudah dapat menaikkan pendapatan per-kapita. Akan tetapi pendapatan per-kapita

tidak begitu bererti sekiranya ia diikuti oleh jurang yang semakin meluas di antara miskin dan kaya, atau yang tidak berada dengan yang berada. Dengan adanya jurang perbezaan ekonomi dan ketidaksamaan sosial yang luas, maka akan berlanjutanlah kemiskinan, walaupun dalam peringkat yang berlainan. Pendapatan orang miskin boleh jadi bertambah, tetapi kekayaan orang kaya bertambah lebih cepat lagi; kilang mungkin bertambah banyak, tetapi kadar pengangguran semakin meningkat pula. Itu sebabnya pembangunan atau lebih tepat lagi, perkembangan sosial, harus diukur bukan sahaja dari segi per-kapita, atau bangunan-bangunan yang dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi juga dari segi kesejahteraan sosial dan ekonomi yang berlaku, terutama sekali bagi lapisan bawahan. Pembangunan atau perkembangan ini harus menjamin supaya tidak wujud suasana dan keadaan yang boleh membenarkan hidup dan bercambahnya hama penindasan yang disebutkan di atas tadi.

Bab VI

PENUTUP

Negara kita sebuah negara yang kaya. Ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah yang paling besar dalam dunia adalah terletak di sini; dan negeri ini jugalah pengeluar getah dan timah yang paling banyak sekali di antara bangsa. Walaupun begitu, rakyatnya masih banyak yang miskin. Mengikut angka yang diberi oleh Kerajaan sendiri kira-kira 40% dari penduduk negeri ini adalah dalam keadaan kemiskinan, berpendapatan kurang dari $25 per-kapita seisi rumah; atau atas dasar 6 orang dalam sebuah rumah, bererti $150 sebulan bagi seisi rumah. Pukul rata pendapatan orang-orang yang dianggap miskin ini adalah lebih rendah, iaitu $16 per-kapita seisi rumah, atau kira-kira $96 sekeluarga sebulan.

Di antara negeri-negeri dalam Semenanjung, Kelantanlah yang miskin sekali rakyatnya, dipandang secara umum. Pendapatan per-kapita bagi Kelantan adalah yang paling rendah dalam Semenanjung, iaitu kira-kira ½ dari pendapatan per-kapita Semenanjung, dan 1/3 daripada yang Selangor. Mengikut angka-angka rasmi, bilangan orang yang hidup dalam kemiskinan di Kelantan ialah kira-kira 64.9%. Ini secara keseluruhan. Jikalau diambil kampung demi kampung, mungkin akan terdapat banyak kampung, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, di mana kadar kemiskinan mencapai 100% ataupun hampir dengan itu.

Orang boleh mengatakan bahawa kemunduran negeri Kelantan dan kemiskinan rakyatnya adalah disebabkan oleh kerana Kelantan belum mendapat peluang pembangunan yang luas. Berbanding dengan Selangor, misalnya, tidak banyak perusahaan dan kilang; dibanding dengan Johor, umpamanya, tidak banyak ladang; dibanding dengan Perak, contohnya, tidak ada lombong; dan dibanding dengan Pulau Pinang pula, tidak banyak perdagangan besar. Sebenarnya, perkilangan, perladangan, perlombongan dan perdagangan besar di negeri ini merupakan sektor-sektor perekonomian 'moden' yang telah berkembang hasil daripada penjajahan Inggeris pada mula-mulanya. Dalam sektor-sektor ini, bagi seluruh negara, penguasaan milik oleh monopoli asing , terutama sekali dari negara-negara Barat ialah paling tinggi sekali, iaitu: 59.6% dalam perkilangan, 75.3% dalam perladangan, 72.4% dalam perlombongan, dan 63.5% dalam perdagangan (MTR, m.s. 77).

Pembangunan yang telah dicapai selama ini di beberapa tempat dalam Semenanjung ialah pembangunan dalam sektor swasta yang mengakibatkan pembolotan punca-punca kekayaan oleh pemodal-monopoli asing dari kuasa-kuasa dunia besar. Banyak kekayaan negara dipunggah sehingga negara sendiri terpaksa

berhutang. Ramai yang kaya menjadi begitu kaya sekali, di dalam dan di luar negeri. Jurang di antara kaya-miskin bertambah melebar. Yang miskin bertambah buruk kemiskinannya. Ekonomi negara dan rakyat tertakluk kepada apa yang berlaku di negara-negara kuasa besar tadi. Lihat sahaja apa yang berlaku dengan harga-harga barang perlu yang digunakan dan harga getah yang dikeluarkan. Nampaknya, apabila mereka ini beresen sekali, kita demam selsema selama sebulan!

Dalam banyak hal keadaan di Kelantan agak berlainan sedikit dari keadaan keseluruhan dalam Semenanjung. Bukan sahaja perkembangan ekonomi swasta tidak pesat, bahkan penguasaan oleh pemodal-monopoli asing adalah kecil — terbatas kepada bidang perladangan khususnya. Ada bukti-bukti sejarah yang menunjukkan sebenarnya pihak penjajah telah menggalakkan orang-orang Kelantan supaya terus bertumpu kepada pertanian padi, dan melanjutkan penghidupan cara kampung (L.R. Robert, 1973: 221–3). Namun demikian beberapa unsur ekonomi bercorak kapitalis, yang dipengaruhi oleh penjajahan politik dan ekonomi Barat itu telah juga bertapak di Kelantan. Ekonomi kewangan meluas. Orang-orang kaya baru tumbuh di peringkat kampung dan juga negeri, dalam bentuk tuan-tuan tanah, peniaga-peniaga dan pemodal-pemodal lain. Falsafah *laissez faire* atau ekonomi bebas yang meluas meresap dalam penghidupan ekonomi masyarakat menggalakkan persaingan, dan dalam persaingan ini tidak susahlah bagi yang kaya menjadi bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin.

Kemiskinan di Kelantan dan Semananjung, seperti di kebanyakan negara Dunia Ketiga, mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem penumpuan milik kekayaan di kalangan sebilangan kecil orang; di Semenanjung kadar bilangan pemodal-monopoli asing adalah lebih besar dari Kelantan. Penumpuan milik ini dibenar bahkan dipupuk oleh sistem sosio-ekonomi yang berasaskan falsafah ekonomi bebas itu. Sistem ini mengakibatkan rakyat miskin, terutama sekali petani-petani di kampung menjadi mangsa berjenis lintah darat pada tiga peringkat, iaitu: tuan-tuan tanah, orang-orang tengah dan ceti-ceti hutang di peringkat kampung, pemodal-pemodal besar dan golongan-golongan kaya yang lain di peringkat negeri, dan pemodal-monopoli di peringkat antarabangsa. Dalam keadaan yang begitu terhimpit tidak hairanlah mengapa petani-petani akhirnya merupakan golongan rakyat yang termiskin sekali.

Kemiskinan mempunyai akibat-akibatnya yang lain dalam bidang sosial. Ia boleh mengukuhkan lagi nilai-nilai menyerah dan jiwa-hamba yang wujud dalam masyarakat. Ia boleh menghadkan peluang yang lebih luas kepada kanak-kanak dari keluarga senang atau kaya untuk mencapai pelajaran tinggi, dan sungguhpun peluang lebih terbuka kepada semua lapisan masyarakat hasil dari pendemokrasian dalam pelajaran, tetapi saluran bagi mobiliti ke atas untuk anak-anak keluarga lapisan bawahan yang miskin tetap masih terbatas lagi. Seterusnya dalam bidang politik, ia menggalakkan keadaan di mana kepemimpinan di peringkat kampung dan

juga negeri dibolot terutama sekali oleh lapisan atasan, yang boleh memperkayakan lagi diri melalui kekuasaan yang ada di tangan mereka. Segala proses ini menambah lebarkan lagi jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang wujud, dan meruncingkan lagi konflik-konflik atau pertentangan-pertentangan dalam masyarakat. Kesan-kesan jangka panjangnya adalah besar.

Perubahan yang membawa kepada kemajuan dan pembebasan, terutama bagi rakyat miskin, kini merupakan satu keperluan. Ini sudah diakui oleh banyak pihak. Yang menjadi soal ialah: apakah bentuk perubahannya? Di Kelantan sekarang ini berbagai janji dan jaminan telah dibuat untuk melaksanakan rancangan pembangunan yang lebih luas. Kota Bharu hendak dibarui supaya menjadi kota lebih indah, dan ini pasti akan menggalakkan aktiviti pembinaan. Modal-modal luar sedang dijemput untuk datang, bagi meluaskan perindustrian dan perladangan. Dengan berlakunya semua ini perdagangan pun diharap akan berkembang. Dalam keadaan ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang wujud di Kelantan pada masa ini, dibimbangkan bahawa usaha-usaha pembangunan ini akan lebih memajukan pusat-pusat perubahan, yang bertumpu di bandar, bukan pinggir-pinggirnya, iaitu kampung-kampung; dan akan lebih memperkokohkan kedudukan orang-orang kaya di lapisan atasan dan menengah, bukannya menghapuskan kemiskinan di kalangan lapisan bawahan. Tidak dinafikan bahawa keuntungan dari usaha-usaha itu boleh juga menyerap sampai ke bawah. Akan tetapi proses ini dijangkakan lebih lambat daripada proses-proses yang boleh memperkayakan yang kaya dan melebarkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kaya-miskin.

Adakah dengan ini bererti bahawa usaha-usaha pembangunan harus ditolak? Tidak. Yang penting ialah perlu ditentukan apakah corak pembangunan yang hendak diperluaskan itu, dan apakah sasaran utamanya. Soal yang memerlukan jawapan ialah: Pembangunan untuk siapa? Adakah ia akan melibatkan perombakan struktur dan organisasi sosio-ekonomi yang menjadi punca besar kemiskinan? Usaha-usaha pembangunan yang paling berkesan sekali untuk menghapus atau setidak-tidaknya mengurangkan kemiskinan ialah yang mengikuti atau berlaku sekaligus dengan usaha-usaha pengikisan unsur-unsur dalam sistem sosio-ekonomi dan faham *laissez faire* yang menggalakkan ketidaksamaan, penindasan dan kemiskinan itu. Bukan penyakit beberapa orang yang miskin sahaja yang perlu diubat, akan tetapi punca yang menyebabkan penyakit itu yang lebih mustahak dihapuskan.

Lampiran I

Senarai Estet-Estet di Kelantan

Nama	Mukim	Jajahan	Luas (ekar)
Ang Kian Hoon	Ketil	Ulu Kelantan	385.8
Aw Wee Chin Estate	Kuala Nal	Ulu Kelantan	199.9
Boon Yong @ Cheng Kuan Yong	Kuala Nal	Ulu Kelantan	158.9
Bukit Tiga Estate	Enggong	Ulu Kelantan	103.3
Chan Eng Swee	Tebing Tinggi	Tanah Merah	978.0
Chan Eng Swee	Pulai Chondong	Machang	194.8
Channing Estate	Kuala Pahi	Ulu Kelantan	1,887.5
Chin Teck Plantation Ltd.	Ketil	Ulu Kelantan	3,999.0
Chiong Chor Peng	Batu Mengkebang	Ulu Kelantan	203.4
Chua Rubber Estate	Ketil	Ulu Kelantan	100.1
Chua Seng Aow	Ketil	Ulu Kelantan	200.3
Chua Teng Ee	Kuala Krak	Machang	437.7
Daud bin Saad	Kuala Nal	Ulu Kelantan	1,312.5
Dominion Rubber Co. Ltd.	Kuala Paku	Tanah Merah	1,031.1
Dominion Rubber Co. Ltd.	Tebing Tinggi	Tanah Merah	1,866.7
Duff Development Co. Ltd.	Kuala Nal, Batu Mengkebang, Kua Gris, Gua Musang		9,591.5
Duff Development Co. Ltd.	Tebing Tinggi	Tanah Merah	2,200.0
Duff Development Co. Ltd.	Sokor	Tanah Merah	7,532.6
Fatimah bt. A. Salam	Pasir Genda	Tanah Merah	207.0
Foo Chan Yong	Maka	Tanah Merah	150.4
Foo Chee Meng	Batu Mengkebang	Ulu Kelantan	105.5
Foo See Moi	Pasir Genda	Tanah Merah	162.5
Foo, Paul	Batu Mengkebang	Ulu Kelantan	105.8
Great Eastern Mills Sdn. Bhd.	Kuala Nal	Ulu Kelantan	667.1
Guan Aik Plantation Sdn. Bhd.	Telekong, Kuala Nal	Ulu Kelantan	697.7
Hidong Estate	Manek Urai	Ulu Kelantan	1,498.8
Hua San Estate	Telekong	Ulu Kelantan	546.5
K.H. Syndicate Ltd.	Kerilla	Ulu Kelantan	1,369.4
Kee Nai Chin	Kuala Krai	Ulu Kelantan	100.0
Kelantan Rubber Estate Ltd.	Kuala Pahi	Ulu Kelantan	6,130.8
Kiat Sing Realty Co. Ltd.	Ketil	Ulu Kelantan	1,202.0

Kuala Pahi Development Ltd.	Kuala Pahi	Ulu Kelantan	1,873.7
Kuala Pergau & Kuala Balah Estate	Kuala Pergau, Kuala Balah	Ulu Kelantan	3,909.7
Kuala Pertang Syndicate	Telekong	Ulu Kelantan	2,875.4
Kwong Hua Realty Ltd.	Ketil	Ulu Kelantan	1,000.0
Lee Wee Chin	Bagan	Machang	193.0
Lee Geok Soo	Kuala Nal	Ulu Kelantan	103.0
Lee Rubber & Co	Gading Galoh	Machang	135.0
Lee Rubber & Co.,	Pulai Chondong	Machang	221.1
Lee Rubber Co. Ltd.	Maka	Tanah Merah	117.3
Lee Rubber Co. Ltd.	Kuala Nal	Ulu Kelantan	103.4
Lian Lee Plantation Sdn. Bhd.	Kenor	Ulu Kelantan	768.5
Mah Kee Kiat	Kuala Nal	Ulu Kelantan	100.0
Mengkebang Estate	Batu Mengkebang	Ulu Kelantan	1,757.3
Mentara Oil Palm Estate	Ketil	Ulu Kelantan	1,257.9
Meo Lai Hong	Ketil	Ulu Kelantan	100.0
Ming Hong Estate	Enggong	Ulu Kelantan	219.1
Md. Taufil s/o Aka Mohamad	Batu Mengkebang	Ulu Kelantan	238.3
Overseas Chinese Bank Ltd.	Maka	Tanah Merah	147.1
Ow Beng See	Kuala Nal	Ulu Kelantan	100.1
Pasir Gajah Estate	Telekong	Ulu Kelantan	2,450.3
Pasir Tinggi Estate	Mambong, Kuala Pahi	Ulu Kelantan	818.2
Soon Cheong Ltd.	Ketil	Ulu Kelantan	1,500.5
Staponal Estate	Telekong	Ulu Kelantan	907.3
Sungai Bagan Estate	Labak	Machang	296.7
Sungai Bagan Estate	Joh	Machang	2,554.4
Syed Mohsin b. Ahmad	Pasir Gènda	Tanah Merah	224.1
Tan Swee Hiang	Tebing Tinggi	Tanah Merah	135.4
Tan Swee Hiang	Tebing Tinggi	Tanah Merah	122.0
Tantong Batu Estate	Manek Urai	Ulu Kelantan	268.2
Hj. Wan Mohd. Amin	Kuala Nal	Ulu Kelantan	364.7
Wee Kok Tiong	Enggong	Ulu Kelantan	163.9
Wee Kwee Thew	Kuala Krak	Ulu Kelantan	157.3
Yeap Hong Gee	Labak	Machang	162.7
Yeo Hui Sin	Maka	Tanah Merah	169.5
Yeo Kiok Hiong	Ketil	Ulu Kelantan	100.8
Yeo Lai Hong	Kuala Nal	Ulu Kelantan	129.5
Yusof b. Awang & Sapiah	Tanah Merah	Tanah Merah	159.3

Nota: Senarai ini dikumpul daripada rekod-rekod yang disimpan di Pejabat-pejabat Tanah Machang, Tanah Merah dan Ulu Kelantan pada tahun 1973.

Lampiran II

Senarai Syarikat-syarikat Balak Yang
Mempunyai Perjanjian Jangka Panjang

Nama Syarikat	Tempoh Janjian	Keluasan (ekar)
Perusahaan Timbermine Berhad, Singapore	33 tahun	300,000
General Forest Product Ltd., Petaling Jaya	28 tahun	34,300
Sungai Rek Pembangunan Bhd., Singapore	30 tahun	52,000
Persekutuan Lotfi Bhd., Kota Bharu	20 tahun	21,000
Kilang Gergaji Kayu Jaya Bhd., Kluang	21 tahun	20,000
Usaha Jaya, Kluang	24 tahun	23,000
Trengganu Forest Product Sdn. Bhd., T'ganu	21 tahun	35,000
Kelantan Enterprise Sdn. Bhd., Kuala Lumpur	13 tahun	10,000
Gua Musang Sdn. Bhd., Seremban	16 tahun	15,000
Perusahaan Berangkat Sdn. Bhd., K. Lumpur	21 tahun	20,000
Sri Bintang Sdn. Bhd., Kuala Lumpur	25 tahun	40,000
Galas Sdn. Bhd., Kota Bharu	25 tahun	30,000
Sri Padu Sdn. Bhd., Kota Bharu	13 tahun	11,000
Galian Selatan Sdn. Bhd.,	14 tahun	14,000
Bertam Timber & Sawmill Sdn. Bhd., Bachok	13 tahun	16,000
Y.M. Tengku Hj. Yaacob & Tengku Zabedah, KL	24 tahun	18,385
Ong Kian Seng, Kepong, Selangor	40 tahun	120,000
Achmed Abdullah Anang Enterprise, K. Lumpur	15 tahun	15,000
Great Eastern Mill Sdn. Bhd., Ipoh	40 tahun	100,000
Kayuan Gunung Tahan, Temerloh	20 tahun	35,000
East West Logging & Mining Sdn. Bhd.,	40 Tahun	80,000
Syarikat Tembaga Sejati Sdn. Bhd., K. Bharu	15 tahun	10,000
Syarikat Seri Padu Sdn. Bhd., Kota Bharu	15 tahun	30,000
Relai Musang Sdn. Bhd., Kota Bharu	15 tahun	20,500

Nota: Jumlah semua sekali syarikat membalak, termasuk senarai di atas, yang menjalankan usaha di Kelantan ialah 157.

Seperti yang nyata dari senarai di atas, kebanyakan dari syarikat ini beribu pejabat di luar Kelantan.

BIBLIOGRAFI

Annual Report Kelantan, 1930, 1936, 1938 (ARK).

Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Bureaucracy Negeri Kelantan: Satu Kajian Perubahan dan Perkembangannya* (Tisis M.A.), Universiti Malaya, 1969.

R. Chander, *Malaysia: Buku Maklumat Perangkaan Getah 1966*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1969.

Economic Report 1974–75, The Treasury Malaysia, Government Press, Kuala Lumpur, 1974. (ERT).

S. Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.

Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.

Clive S. Kessler, "Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan", *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, William R. Roff (ed.), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.

Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan 1971–75, Government Press, Kuala Lumpur, 1973 (MTR).

Leslie R. Robert, *Kelantan 1890–1939: Government in Transition*, (Tisis M.A.), Universiti Malaya, 1973.

Second Malaysia Plan 1971–75, Government Press, Kuala Lumpur, 1971.

S. Selvadurai, Ani bin Arope & Nik Hassani bin Mohamad, *Socio-Economic Study of Padi Farms in The Kemubu Area of Kelantan 1968*, Ministry of Agriculture and Cooperatives Malaysia, 1969.

Shamsul Amri bin Baharuddin, *Rancangan Malaysia Kedua: Tujuan dan Pelaksanaannya Sehingga Awal 1975* (Tisis M.A.), Universiti Malaya, 1976.

KARANGKRAF
SDN. BERHAD

كارڠكرف سنديريين برهد

78-B, JALAN SS 2/60, PETALING JAYA, SELANGOR, MALAYSIA.